

Bil. 1

**Isnin
26 April 2010**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 1)
MENGALU-ALUKAN AHLI BARU	(Halaman 1)
PELANTIKAN TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 1)
TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman 2)
UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman 3)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA	
Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 3)
Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 3)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 3)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 4)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 5)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 5)
USUL-USUL:	
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	(Halaman 31)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 31)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
8. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
9. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
10. “ Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
11. “ Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
12. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
13. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
14. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
18. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
19. “ Dato' Sri Empiang Jabu (Sarawak)
20. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. “ Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)

27. Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. “ Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. “ Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)
32. “ Dr. M. Malasingam (Dilantik)
33. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Maznah Mazlan (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
35. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
36. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
37. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
38. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
39. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
40. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
41. “ Dato' T. Murugiah (Dilantik) – *Senator*
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
42. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
43. “ Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
44. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn
(Dilantik)
45. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
46. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
47. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
48. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
49. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
50. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
51. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
52. “ Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator*
– *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat(PS)*
53. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
54. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
55. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. “ Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)

-
57. Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
58. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
59. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
60. “ Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
61. “ Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
62. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
63. “ Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
64. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Petugas-Petugas**Cawangan Penyata Rasmi (*Hansard*)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Nurul Farihah binti Mohd. Isa
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 26 April 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Y.B. Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
- Y.B. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang dan Yang Berhormat Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah sebagai Ahli Dewan Negara yang baru.

Sepertimana dilafazkan dalam sumpah sebentar tadi, sebaik sumbangan yang boleh Yang Berhormat berikan kepada negara bermula daripada Yang Berhormat berazam untuk memahami, menghayati, mendokong dan mempertahankan Perlembagaan. Ini adalah sewajarnya kerana ia merupakan titik tolak *Rule of Law* bagi negara, masyarakat dan rakyat jelata.

Hanya melalui dokongan kita bersama terhadap kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan, maka sistem Demokrasi Berparlimen negara akan dapat menjamin keutuhan, kejayaan dan kecemerlangan Malaysia. Saya berharap semoga Yang Berhormat berjaya mendokong tugas tersebut sebagai Ahli Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis mengangkat sumpah pada hari ini.

PELANTIKAN TUAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan Peraturan Mesyuarat 1, Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Saya telah menerima hanya satu cadangan nama orang yang hendak dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekarang, dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan cadangan Usul Memilih Tuan Yang di-Pertua.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mengemukakan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan bahawa Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1), Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab seorang sahaja yang dicadangkan dan disokong menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. *[Tepuk]*

[Tuan Yang di-Pertua (Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang) dipakaikan jubah oleh Setiausaha Dewan Negara]

[Tuan Yang di-Pertua berjalan menuju ke Kerusi] [Tepuk]

[Semua Ahli Yang Berhormat bangun]

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAH

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya, Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya bahawa saya akan menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan jujur, dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya.

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

[Upacara Angkat Sumpah tamat]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah menjunjung kasih ke atas perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas pelantikan saya ini. Saya juga mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas usul beliau yang mencadangkan saya dilantik menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Saya berharap agar Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dapat memberikan kerjasama yang baik agar kita dapat bersama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dengan adil dan saksama.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas pelantikan saya sebagai Yang di-Pertua. Saya akan cuba menunaikan tugas saya dengan saksama sepertimana ikrar yang telah saya lafazkan sebentar tadi.

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 12 Mac 2010:

- Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG di-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 15 Mac 2010, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen ini. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu dan seterusnya sekarang, saya mengarahkan supaya salinan titah ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Ucapan Diraja adalah seperti di Lampiran]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2009;
2. Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Pindaan) 2009;
3. Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2008;
4. Akta Seri Pahlawan Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009;

5. Akta Panglima Gagah Perkasa (Elaun Kenangan) (Pindaan) 2009;
6. Akta Perbekalan 2010;
7. Akta Jawatankuasa Etika Hakim 2008;
8. Akta Kewangan (No. 2) 2009;
9. Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009;
10. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (Pindaan) 2009;
11. Akta Syarikat Luar Pesisir (Pindaan) 2009.

■1020

12. Akta Amanah Luar Pesisir Labuan Pindaan 2009;
13. Akta Yayasan Labuan 2009;
14. Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Had Labuan 2009;
15. Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2009;
16. Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2009;
17. Akta Suruhanjaya Sekuriti Pindaan 2009;
18. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2009; dan
19. Akta Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2009.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“22 April 2010,

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010;
2. Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009;

3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2010;
4. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010;
5. Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009;
6. Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010;
7. Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran Tata tertib (Pindaan) 2010;
8. Rang Undang-undang Persaingan 2010;
9. Rang Undang-undang Suruhanjaya Persaingan 2010;
10. Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010;
11. Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat 2010;
12. Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2010;
13. Rang Undang-undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan (Pindaan) 2010;
14. Rang Undang-undang Kereta Api (Pindaan) 2010; dan
15. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya membentangkan soalan, ingin saya dengan hati yang suci, putih, bersih, ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pemilihan Dewan yang mulia ini sebagai Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Kedua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional kerana berjaya di Hulu Selangor... [Tepuk] Soalan saya Nombor 1, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

1. Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta Perdana Menteri menyatakan, bagaimana perkembangan mutakhir mengenai keberkesanan konsep '1Malaysia' (Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pemilihan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak dengan pertanyaan-pertanyaan berkenaan perkembangan mutakhir langkah-langkah untuk menggalakkan perpaduan dan kejayaan di bawah Gagasan 1Malaysia daripada Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir; Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin; dan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar pada hari ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee pada 27 April, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Gagasan 1Malaysia Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan merupakan satu falsafah induk dan teras pentadbiran kerajaan yang diilhamkan dan diinisiatifkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merentas dasar dan pelaksanaan. Tujuan utama Gagasan 1Malaysia adalah untuk terus memupuk perpaduan nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya supaya negara kita menjadi lebih stabil, kukuh dan aman lagi. Ini pula akan menjadi landasan yang terpenting untuk mencapai sasaran Wawasan 2020 yakni menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju di dalam semua aspek.

Secara ringkas, Gagasan 1Malaysia menekankan perpaduan dalam kepelbagaian atau *unity in diversity*, dengan izin, melalui menerima dan menghormati kepelbagaian budaya dan keunikan kaum yang sedia ada, mengamalkan prinsip-prinsip kenegaraan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara serta menegakkan keadilan sosial yang mana semua rakyat Malaysia akan terbela khasnya golongan-golongan yang memerlukan bantuan.

Untuk memantapkan komitmen supaya Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Program Transformasi Kerajaan (PTK) atau dikenali sebagai *Government Transformation Program (GTP)* telah digubal, dilancar dan dilaksanakan. Selain daripada perpaduan nasional, Enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Area (NKRA)* telah dikenal pasti iaitu:

- (i) meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan;
- (ii) memerangi rasuah;
- (iii) mengurangkan jenayah;
- (iv) memperkasa prasarana luar bandar;
- (v) menambah baik pengangkutan awam; dan
- (vi) meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah.

Pelaksanaan enam NKRA ini telah menampakkan hasil awal misalnya lebih banyak rondaan polis bersama dengan RELA telah dimobilisasi di kawasan-kawasan tumpuan utama atau *hotspot*. Lanjutannya, kadar jenayah jalan atau *street crime* yang merangkumi ragut dan rompak tanpa bersenjata telah menurun 33% pada bulan Mac tahun ini berbanding dengan bulan Jun tahun yang lepas.

Manakala, untuk meningkatkan lagi urus tadbir baik atau *good governance* dan memerangi rasuah di samping mewujudkan dan memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat Tahun 2010 atau lebih dikenali sebagai *Whistleblower Protection Act* telah diluluskan oleh Dewan Rakyat baru-baru ini.

Portal MyPROCUREMENT dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyebarkan maklumat berkaitan perolehan kerajaan dan meningkatkan lagi ketelusan urusan tender. Bagi NKRA prasarana asas luar bandar, antara pencapaian yang telah dihasilkan setakat ini ialah pembinaan 257 kilometer jalan luar bandar dan pelaksanaan projek-projek bekalan elektrik dan air bagi hampir 50,000 isi rumah di Sabah dan Sarawak. Tren empat Gerabak 1Malaysia RapidKL untuk laluan Kelana Jaya telah juga dilancarkan dalam usaha meningkatkan sistem pengangkutan awam untuk Lembah Klang.

Dalam bidang pendidikan, sehingga bulan Mac yang lalu, kini hampir 1000 buah kelas prasekolah yang baru telah dimulakan yang merangkumi kelas prasekolah Kementerian Pelajaran, KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan pihak swasta. Selain itu, untuk membudayakan dan mengukuhkan lagi perpaduan, lebih 500 rukun tetangga (RT) yang baru telah ditubuhkan pada tahun 2009, jauh melebihi sasaran 300 RT baru setahun yang ditetapkan.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, pada amnya sambutan rakyat terhadap gagasan ini dan pendekatan baru yang diamalkan adalah positif dan menggalakkan. Seperti yang disaksikan dalam lawatan-lawatan tinjauan mesra atau *walkabout* oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan pemimpin-pemimpin lain di banyak kawasan di seluruh negara, sekarang Gagasan 1Malaysia sudah mulai menjadi pergerakan massa atau *mass movement* di akar umbi dan tidak tinggal sebagai *initiative talk down* atau ikhtiar kerajaan semata-mata. Sebutan "Salam 1Malaysia" sudah menjadi kelaziman ramai pihak secara spontan dalam ucapan ataupun semasa bersalaman. Selain daripada Klinik 1Malaysia yang dianjurkan oleh kerajaan, simbol 1Malaysia juga sudah menjadi sangat popular digunakan oleh badan korporat, badan sukarela dan sebagai simbol dan motif dalam bentuk pakaian.

Tambahan pula terdapat banyak inisiatif daripada rakyat sendiri untuk menggunakan dan meraikan lambang 1Malaysia secara simbolik seperti Perkahwinan 1Malaysia di Kapar, Selangor baru-baru ini yang melibatkan dua pasangan Melayu, satu pasangan Cina dan satu pasangan India yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah dijemput untuk menyaksikannya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Gagasan 1Malaysia semakin popular dan mulai disambut oleh rakyat, tiba-tiba timbul satu slogan baru "*Middle Malaysia*". Nampaknya sebagai reaksi tergesa-gesa kepada Gagasan 1Malaysia. Pada pengamatan ramai, *Middle Malaysia* ini nampaknya merupakan *rebranding* bagi *Malaysian Malaysia* yakni dilancarkan pada pertengahan bulan Januari tahun ini di Persidangan Agung DAP.

Akan tetapi sambutan adalah sangat dingin daripada para perwakilan sendiri bahkan terdapat banyak kritikan dalam akhbar, blog dan laman web. Selepas itu, tidak banyak dengar lagi laungan slogan *Middle Malaysia* ini. Di sebalik berbeza dengan *Malaysian Malaysia*, Gagasan 1Malaysia adalah berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Lebih-lebih lagi ia sedang dilaksanakan secara konkrit dan spesifik melalui NKRA dan KPI dengan penuh komitmen untuk memastikan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa pelaksanaan Gagasan 1Malaysia sudah mulai membawa keuntungan strategik kepada rakyat dan mulai mendapat sambutan yang menggalakkan.

Keyakinan rakyat terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak dan Gagasan 1Malaysia membawa kepada kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya kecil di kawasan DUN Bagan Pinang pada bulan Oktober tahun yang lalu dan di kawasan Parlimen Hulu Selangor semalam... [Tepuk] Walau bagaimanapun, kerajaan memang penuh peka bahawa lebih banyak usaha diperlukan untuk menjayakan matlamat-matlamat Gagasan 1Malaysia 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' terutamanya untuk *Government Transformation Plan* dan juga untuk *New Economic Model* untuk faedah semua rakyat. Kerajaan memang sentiasa memerlukan sokongan dan kerjasama semua anggota perkhidmatan awam dan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan. Berhubung dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya ingin menegaskan bahawa kalau kita melihat sejarah negara ini sejak kemerdekaan, kita telah gagal sebenarnya dalam membentuk satu bangsa yang bersatu padu.

Empat perkara yang saya hendak beri contoh sahaja. Pertama...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan!

Dr. Syed Husin Ali: Soalannya ialah satu... Soalan akan sampai...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya jangan panjang sangat.

Dr. Syed Husin Ali: Tidak, tidak panjang Tuan Yang di-Pertua. Soalannya ialah pertama, adakah kita sudah berjaya dalam membentuk satu bangsa yang bersatu padu? Memandangkan bahawa sekarang ini masih ada perpisahan melalui...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat. Cukup, cukup.

Dr. Syed Husin Ali: Okey, terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menceritakan sejarah, maka kita akan dapat menyaksikan bahawa berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain di mana terdapatnya perbezaan antara kaum, agama, kebudayaan dan juga bahasa yang begitu ketara, negara Malaysia boleh dianggap sebagai sebuah negara yang amat berjaya untuk menyatupadukan rakyat... [Tepuk] Untuk mengekalkan keharmonian walaupun kita tidak dapat menafikan bahawa masih terdapatnya perbezaan antara kalangan yang berbeza daripada segi agama, budaya dan sebagainya. Akan tetapi, apa yang penting ialah Barisan Nasional dan sebelumnya Perikatan telah berjaya untuk menyatupadukan dan mengekalkan satu keadaan yang agak stabil dan aman.

Ini memang merupakan satu pencapaian ataupun prestasi yang dapat kita banggakan. Maka dengan ini saya berharaplah bahawa semua pihak akan menyambut baik Gagasan 1Malaysia ini dan tidak terlalu memainkan politik dengan pelbagai isu untuk memecahbelahkan rakyat. [Tepuk]

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan tentang taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah tidak akan diabaikan. Itu satu *statement* kerajaan.

Yang Berhormat, soalan saya, bolehkah rakyat faham bahawa kerajaan melaksanakan kesaksamaan bukan kesamarataan mengikut Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan tanpa mengabaikan dasar *affirmative* yang sedia termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan? Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, telah terbukti bahawa dalam tempoh lebih dari 50 tahun sejak kemerdekaan ini, negara kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan tegar lebih daripada 50% sehinggalah kurang daripada 2% sekarang ini. Maka, ini menunjukkan bahawa kita telah mencapai kemajuan. Walau bagaimanapun, kerajaan masih tetap komited untuk membantu semua golongan yang memerlukan bantuan termasuklah apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Maka dengan ini, saya ingin mengatakan bahawa konsep yang dilaksanakan ialah kesaksamaan iaitu *equitable* dan bukanlah kesamaan. Kesamaan itu ialah daripada segi sama untuk semua dan daripada segi pendapatan ini memanglah tidak dapat dicapai dalam mana-mana masyarakat pun.

Apa yang penting ialah kita memberi peluang dan juga membekalkan kemudahan dan membangunkan kemahiran supaya setiap rakyat Malaysia yang berkemampuan dapatlah mencari rezeki mereka dalam satu keadaan yang aman dan adil.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Profesor Dato' Dr Firdaus bin Abdullah.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana rakan-rakan yang lain, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baru. Saya percaya bahtera Dewan Negara ini akan berlayar dengan panduan Tuan Yang di-Pertua dengan sempurna.

■1040

Soalan saya, saya ingin tahu sekiranya kerajaan berura-ura terutamanya Kementerian Pelajaran untuk memasyarakatkan Gagasan 1Malaysia ini melalui sistem pendidikan sebagai sebahagian daripada kurikulum formal pendidikan kita dari sekolah rendah hingga ke sekolah, hingga ke universiti sekali. Saya rasa ini penting kerana Gagasan 1Malaysia adalah sebahagian daripada usaha kita untuk membentuk satu negara bangsa sebagaimana juga Wawasan 2020, Dasar Ekonomi Baru dan beberapa dasar yang lain yang saya rasa patut diterapkan, dimasyarakatkan melalui sistem pendidikan dengan menjadikannya sebagai sebahagian kurikulum formal dalam sistem pendidikan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, memang sistem persekolahan yang berlangsung sekarang ini menegaskan pada sistem kurikulum formal yang sama untuk semua sekolah iaitu dengan tujuan untuk memupuk ketaatsetiaan kepada negara untuk peka kepada sejarah negara dan juga untuk memupuk pergaulan dan perpaduan dalam kalangan pelajarinya.

Oleh itu, memang sentiasa menjadi usaha kerajaan untuk memajukan sistem ini termasuklah juga menjadikan sekolah kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama oleh ibu bapa bagi anak-anak mereka, juga melaksanakan program seperti Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan atau RIMUP yang melibatkan sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan supaya mereka dapat bergaul.

Di samping itu, bagi remaja kita adakan Program Latihan Khidmat Negara untuk menggalakkan mereka bukan sahaja bergaul tetapi meningkatkan lagi semangat patriotisme mereka. Maka, semua usaha ini memang akan memberi sumbangan untuk memperkukuhkan lagi perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu. Kita pergi ke pertanyaan kedua, Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

2. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah kementerian bagi membendung serta membasmi isu keganasan terhadap wanita yang semakin berleluasa dewasa ini; dan
- (b) apakah undang-undang yang sedia ada memadai atau apakah kementerian mempunyai sebarang rancangan untuk menilai kembali atau *review* undang-undang ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan selaku Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Memang tepat pada masa dan orangnya... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab membantu wanita terutama mereka yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga mengikut peruntukan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi membendung isu keganasan terhadap wanita yang menjadi mangsa termasuklah:

- (i) mengadakan seminar-seminar dan ceramah untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya nilai-nilai murni dan kasih sayang dalam institusi kekeluargaan kepada keluarga, masyarakat, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Pada tahun 2009 sahaja seramai 3,155 orang peserta telah mengikuti program-program literasi undang-undang yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita dan 51,085 orang peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat telah mengikuti program-program menangani keganasan dalam masyarakat;
- (ii) menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa keganasan rumah tangga;
- (iii) menyediakan perkhidmatan Talian Nur 15999 sejak 5 Disember 2007 bagi memudahkan orang awam termasuklah mangsa keganasan rumah tangga untuk membuat aduan atau pun membuat pertanyaan; dan
- (iv) menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi lain seperti PDRM, hospital-hospital, pejabat agama, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat setempat bagi membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) mangsa keganasan rumah tangga dilindungi berdasarkan undang-undang sedia ada iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Kementerian sentiasa sensitif dan mengambil kira keperluan semasa berkaitan isu ini dan sedang mengambil tindakan memantapkan akta tersebut melalui cadangan pindaan akta yang kini berada pada peringkat akhir penyediaan pindaan. Antara cadangan pindaan dan penambahbaikan yang sedang dipertimbangkan dan *insya-Allah* akan dikemukakan untuk kelulusan Kabinet termasuklah:
 - (i) peluasan tafsiran keganasan rumah tangga dengan mengambil kira aspek kecederaan emosi dan penderaan mental atau *psychological*;
 - (ii) mempermudah proses permohonan perintah perlindungan interim atau pun dengan izin, *Interim Protection Order* dengan menetapkan permohonan IPO boleh dibuat di daerah lain dari tempat kejadian;
 - (iii) mewujudkan peraturan-peraturan keganasan rumah tangga atau tempat selamat bagi memastikan pengurusan tempat selamat diuruskan dengan baik; dan

- (iv) mewujudkan peraturan-peraturan keganasan rumah tangga badan pendamai bagi memantapkan fungsi badan pendamai supaya dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang begitu komprehensif tadi. Tahniah kepada kementerian di atas langkah-langkah bagi meminda akta yang pada peringkat akhir sekarang ini.

Pertanyaan tambahan saya, bagaimana pula dengan isu keganasan terhadap wanita yang berada di pusat-pusat tahanan dan juga penjara? Bagaimanakah pihak kementerian memastikan golongan wanita di sini turut terjamin hak asasi mereka? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Akta Keganasan Rumah Tangga ini diwujudkan untuk melindungi semua wanita tidak kira di mana mereka berada.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kami daripada kementerian, kita telah pun membuat beberapa lawatan bagi beberapa buah penjara yang ada untuk menentukan isu-isu sepertimana Yang Berhormat kemukakan itu tidak berlaku. Di antara program-program yang kita buat dengan izin, misalnya *training of trainers* adalah bersama dengan pegawai-pegawai di penjara dan banyak lagi agensi kerajaan untuk menentukan wanita tidak terus menjadi mangsa keganasan.

Datuk Akbar bin Ali: Saya mengulangi ucapan tahniah saya di dalam TV tadi untuk Tuan Yang di-Pertua dan apa yang telah disampaikan oleh kawan-kawan yang lain. Saya ucap tahniah Tuan Yang di-Pertua ya...

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Menyambung pada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Usha Nandhini dan dijawab oleh Yang Berhormat Senator.

Perkara yang dibangkitkan tadi ialah mereka yang di dalam penjara. Ada lagi satu kumpulan Yang Berhormat Senator berhubung dengan penganiayaan terhadap wanita, penderaan terhadap wanita khususnya dalam perkhidmatan keselamatan sama ada tentera, polis ataupun maritim. Saya tidak kata perkara ini berlaku di Malaysia tetapi satu kajian di Amerika Syarikat menunjukkan 2/3 tentera wanita mengalami perkosaan, penderaan dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Senator *aware* perkara ini berlaku atau tidak di Malaysia? Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kami di kementerian, kita memang mengawasi situasi-situasi seperti ini dan saya tahu bahawa perkara seperti ini berlaku di banyak negara di seluruh dunia. Sebelum itu saya mengucapkan terima kasih. Saya tengok Yang Berhormat adalah antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil berat tentang isu wanita dan keluarga. Malah Yang Berhormat sentiasa memberi maklum balas (*feedback*) kepada kementerian dan ini amat kami hargai.

■1050

Berbalik pada menjawab soalan Yang Berhormat, di Malaysia walaupun kita tahu tentang wujudnya isu-isu seperti ini terutama dalam perkhidmatan-perkhidmatan yang mana terdapat ramai kaum bapa, dan segelintir sahaja yang ada kaum wanita.

Akan tetapi setakat ini kami di kementerian tidak mendapat apa-apa laporan lagi. Saya harap bahawa perkara ini tidak berlaku apatah lagi berleluasa tetapi, jika didapati ada kes-kes seperti ini, saya berharap bahawa ia akan dirujuk kepada kementerian ataupun pemimpin-pemimpin tempatan secepat mungkin supaya tindakan dapat diambil. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator dari Pulau Pinang.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan. Tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan.

Setakat ini, bagaimanakah keberkesananannya Talian Nur sejak dilancarkan dan adakah pihak kementerian dapat mengadakan statistik panggilan dan tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian?

Tadi dibangkitkan persoalan berkenaan dengan tahanan wanita di penjara dan lain-lainnya. Saya juga ingin bertanya berkenaan dengan pusat serenti dan juga pusat-pusat tahanan pendatang tanpa izin ini. Banyak kita dengar masalah yang dihadapi oleh tahanan-tahanan wanita ini. Adakah pihak kementerian tahu tentang perkara ini? Sekian, terima kasih.

Dato Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, Talian Nur mendapat perhatian ramai. Walaupun saya tidak membawa angkanya pada pagi ini, akan tetapi kalau Yang Berhormat mahu, saya boleh memaklumkan kepada Yang Berhormat berapa ribu setakat ini panggilan yang telah Talian Nur – 15999 - kami terima. Talian Nur adalah satu talian krisis ataupun talian kebajikan yang mana pada mulanya diwujudkan untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat menangani isu-isu kemasyarakatan. Akan tetapi, sejak kebelakangan ini, kita telah pun meminta masyarakat untuk menggunakan talian itu untuk memaklumkan kepada pihak-pihak tertentu melalui talian itu terutama jika ada kes-kes penderaan, pembuangan bayi dan lain-lain. Pertama.

Kedua, tentang isu keganasan di tempat-tempat pertahanan yang lain. Sepertimana yang saya katakan, setakat ini pihak kementerian tidak mendapat apa-apa laporan tetapi saya hendak mintalah kepada semua yang terbabit jika tahu tentang adanya kes-kes seperti ini, mesti maklumkan kepada pihak berkuasa. Saya amat memahami bahawa apabila wanita itu menghadapi penderaan daripada pelbagai bentuk, adalah menjadi nalurinya untuk tidak akan membuat laporan. Walaupun mereka tidak bersalah tetapi mereka merasa malu ataupun enggan untuk menyusahkan sesiapa. Saya harap bahawa sikap ini akan kita hakiskan.

Oleh sebab itulah kerajaan mengambil berat isu wanita dengan mewujudkan Akta Keganasan Rumah Tangga. Walaupun pada hari ini, angka itu telah meningkat tetapi saya percaya bahawa di seluruh negara masih banyak lagi kes keganasan ini yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa. Saya juga hendak memaklumkan bahawa kita akan mengambil tindakan untuk menentukan bahawa keganasan yang dimaksudkan bukan hanya dihadkan kepada fizikal sahaja, tetapi ramai wanita yang menghadapi penderaan melalui tekanan emosi. Jika kementerian mendapat kelulusan Kabinet, maka ini akan menjadi satu daripada kategori penderaan.

3. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah minta Perdana Menteri menyatakan, mengapakah Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak menggunakan pendaftaran automatik dan mewajibkan semua rakyat untuk mengundi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tan Sri di atas pemilihan Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi pengundi yang mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat dalam kad pengenalan. Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik, ia akan memberi implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja dan sebagainya.

Ini adalah kerana terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi. Bahkan mungkin ada antara mereka yang tidak lagi menetap di alamat tersebut serta tidak lagi mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Jika hal ini berlaku, ia akan menimbulkan kesulitan kepada pemilih itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya, jika alamat yang tertera di dalam kad pengenalan ataupun yang terdapat di pangkalan data alamat di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan bahawa seseorang pemilih itu menetap di sesuatu alamat tertentu sedangkan pada hakikat sebenarnya beliau telah berpindah ke sesuatu tempat baru tetapi tidak dapat membuat pertukaran alamat di JPN, maka seseorang pemilih itu akan didaftarkan berdasarkan alamat bermastautin yang lama.

Peraturan ini juga jika dilaksanakan amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan kerana beliau telah berpindah ke tempat lain. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah beliau akan mengundi kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi beliau bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada pihak JPM, adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman mereka. Oleh kerana itu, dikhuatiri peratus pemilih yang keluar mengundi di bahagian pilihan raya berkurangan dan akan menjejaskan imej negara pada mata dunia. Berdasarkan pada hakikat ini, maka kerajaan belum lagi bercadang untuk membuat pendaftaran pemilih secara automatik. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih. Saya juga turut mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Setakat ini, apa yang saya tahu, pihak SPR telah mendapatkan khidmat ataupun kerjasama daripada parti-parti politik untuk mendaftar pemilih-pemilih terutama sekali di luar bandar. Ini saya nampak amat berkesan kerana parti-parti politik mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli-ahli mereka.

Adakah SPR bercadang untuk mengembangkan lagi khidmat seperti ini dengan mendapatkan kerjasama daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO) kerana saya rasa ia juga berkesan untuk SPR? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Majid Mahap atas soalan tambahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, usaha ini memang sentiasa dijalankan oleh pihak SPR untuk mendaftar pemilih baru bukan sahaja di dalam bandar tetapi juga di luar bandar. Dengan pelantikan sebagai penolong pendaftar dalam perkara ini pihak SPR juga telah pun mendapatkan kerjasama dengan pihak-pihak politik dan juga pelbagai agensi seperti NGO untuk mengadakan proses pemilihan ini. Jadi, soalan Yang Berhormat ini memang tepat kerana pihak SPR memang sentiasa mengadakan kerjasama dengan pihak NGO. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ir. Zamri, silakan.

■1100

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya tahniah di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Jadi, tentang soalan tambahan saya ini pada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita mendengar alasan tentang automatik tadi, yang saya hendak mendapatkan penjelasan ialah pertamanya yang kita maksudkan automatik ini ertinya ialah pengundi yang baru memenuhi syarat kelayakan. Adakah yang dijawab oleh kementerian itu berdasarkan kategori ini ataupun secara umum?

Keduanya ialah kita melihat mobiliti dan juga kesukaran ini berlaku hanya ketika proses hari mengundi sepertimana yang berlaku pada 15 ribu orang di Hulu Selangor ketika hari mengundi. Jadi, pendaftaran secara automatik, apakah itu melanggar hak demokrasi seseorang sedangkan pendaftar automatik, kita belum lagi memaksa seseorang rakyat Malaysia itu untuk wajib keluar mengundi. Ia ada beza demokrasi, di antara mendaftar dan juga mengundi pada hari kemudian. Sekian terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Terlebih dahulu, saya ingin menegaskan bahawa untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa isu mengenai 15 ribu orang pengundi yang telah pun ditimbulkan oleh Yang Berhormat bahawa mereka telah dipindahkan, itu tidaklah benar. Bilangan yang sebenarnya ialah 13 ribu orang, yang terlibat dalam seluruh negeri Selangor ini, bukan sahaja di satu kawasan seperti yang dinyatakan oleh pihak Yang Berhormat.

Pada November tahun 2008 ini, telah pun dijalankan satu proses yang mana pihak SPR di bawah peruntukan undang-undang telah menjalankan satu proses untuk pembetulan *locality* dan ini telah pun dijalankan dengan proses yang sebenarnya mengikut undang-undang. Jadi yang sebenarnya hanya terlibat di dalam Kampung Tanjung..., seramai tidak lebih daripada 200 orang, yang diletakkan di bawah DUN Batang Kali, Parlimen Hulu Selangor. Setelah proses pembetulan dimulakan, *locality* ini telah pun dijalankan di Kampung Tanjung dan telah pun diletakkan di bawah DUN Rawang, Parlimen Selayang. Proses ini telah pun dijalankan pada November 2008, itu sahaja.

4. Puan Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan manusia termasuk melindungi mangsa jenayah terbabit yang didalangi sindiket antarabangsa.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini serentak bersama-sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram bertarikh 28 April 2010, pertanyaan Nombor 13; pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin bertarikh 29 April, pertanyaan Nombor 30; dan Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi bertarikh 4 Mei 2010, pertanyaan Nombor 17 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Setuju, silakan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha menangani jenayah pemerdagangan orang. Antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh kerajaan ialah dengan mewujudkan Akta AntiPemerdagangan Orang 2007. Akta ini diluluskan pada 24 April 2007 dan berkuat kuasa sepenuhnya pada 28 Mei 2008. Majlis AntiPemerdagangan Orang yang ditubuhkan di bawah akta ini mempunyai lima Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Penguatkuasaan, Jawatankuasa Perlindungan dan Pemulihan Mangsa, Jawatankuasa Media dan Publisiti dan Jawatankuasa Khas Pemerdagangan Buruh. Semenjak 28 Februari 2008 sehingga 18 April 2010, seramai 1,272 orang mangsa telah diselamatkan dan diberikan perintah perlindungan sementara di bawah seksyen 51(1), Akta AntiPemerdagangan Orang 2007. Daripada jumlah tersebut, seramai 295 orang mangsa telah diberikan perintah perlindungan di bawah seksyen 51(3) akta yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi maksud mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan manusia, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bina upaya atau dengan izin, *capacity building* untuk anggota penguatkuasaan, perundangan dan juga kehakiman mengenai pemerdagangan manusia. Kursus-kursus yang diberi merangkumi pelbagai aspek penguatkuasaan, pendakwaan, perlindungan, dan pemulihan mangsa. Taklimat serta risalah mengenai jenayah ini telah juga diedarkan kepada para petugas di pintu-pintu masuk utama negara. Kerajaan menyedari penglibatan dan kerjasama rakyat secara keseluruhan dalam membantu menangani isu pemerdagangan orang adalah amat penting.

Justeru itu, program-program kesedaran awam telah diperhebat, termasuklah menyiarkan poster-poster mengenai jenayah pemerdagangan orang di media-media cetak dan elektronik dalam pelbagai bahasa, memasang *billboard* di laluan utama ke KLIA dan juga pengumuman udara di dalam penerbangan serta lapangan terbang antarabangsa.

Jenayah pemerdagangan orang adalah merupakan jenayah rentas sempadan atau *transnational crime*. Oleh itu, negara mengadakan kerjasama erat dengan beberapa negara luar seperti Australia, Amerika Syarikat, Belanda dan United Kingdom. Negara juga turut bekerjasama dengan beberapa pertubuhan antarabangsa seperti *International Organization for Migration* (IOM) dan *The Center for Children's Rights Foundation* (CPCR).

Skop kerjasama yang dijalankan merangkumi aspek perkongsian dan pertukaran maklumat serta risikan termasuk latihan dalam bidang penguatkuasaan, pendakwaan, pengurusan rumah perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan orang. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga berusaha melindungi mangsa jenayah pemerdagangan orang dengan menyediakan tempat perlindungan khusus untuk mereka.

Pada masa ini terdapat sebanyak sembilan buah tempat pemulihan yang telah diwartakan di bawah Akta AntiPemerdagangan Orang 2007. Statistik pada 22 April 2010 menunjukkan bahawa terdapat seramai 201 orang mangsa yang sedang dilindungi di tempat-tempat perlindungan yang disediakan. Mereka terdiri daripada 42 orang lelaki, 150 orang perempuan dan sembilan orang kanak-kanak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Fatimah. Yang Berhormat, silakan.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Amerika Syarikat dalam Laporan Pemerdagangan Manusia 2009 telah meletakkan Malaysia sebagai satu daripada 17 buah negara yang mempunyai rekod buruk dalam kegiatan pemerdagangan manusia. Walaupun Malaysia menguatkuasakan Akta AntiPemerdagangan Orang pada 2007, namun penguatkuasaannya dilihat terhad bagi kes pelacuran manakala kes pemerdagangan manusia dalam sektor pekerjaan kurang mendapat perhatian. Walaupun mungkin ada usaha yang cuba memburuk-burukkan Malaysia, namun persepsi antarabangsa terhadap Malaysia tentulah kurang memuaskan.

■1110

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah kerajaan bagi menghapuskan persepsi buruk ini dan usaha yang dilakukan bagi mengeluarkan Malaysia daripada senarai ini serta mencari jalan penyelesaian kepada krisis kemanusiaan ini? Kedua, memandangkan kedudukan Malaysia yang strategik sebagai negara destinasi dan transit bagi aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia, apakah langkah kerjasama serantau yang dijalankan daripada segi perkongsian maklumat, kaedah diplomatik dan jaringan keselamatan dalam menangani masalah sindiket ini bagi memastikan operasi yang lebih berkesan? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sedar bahawa terdapat dakyah-dakyah yang dibuat oleh sesetengah pihak untuk memburuk-burukkan negara kita berkaitan dengan masalah kes-kes memperdagangkan orang ini. Kerajaan telah banyak berusaha dalam mengambil tindakan untuk membanteras dan mengatasi masalah memperdagangkan orang ini.

Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian adalah seperti tangkapan-tangkapan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kita seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam, APMM dan lain-lain jabatan yang ada berkaitan dengan perkara ini.

Usaha-usaha bagi kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk memburuk-burukkan negara kita, maka kita telah membuat banyak media untuk menyebarkan berkaitan dengan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh negara kita. Daripada segi peletakan negara kita sebagai *Tier 3* dalam laporan yang dibuat oleh Amerika Syarikat bahawa pada ketika ini, segala kelemahan-kelemahan yang telah didapati, bahawa kerajaan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah ini dengan mengambil tindakan-tindakan sepertimana yang telah saya nyatakan tadi.

Dengan tindakan-tindakan ini, kita mengharapkan bahawa kedudukan negara kita ini dapat dikembalikan ke atas, sekurang-kurangnya ke *Tier 2*.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kedudukan negara kita sebagai negara *destination* dan negara transit. Kerajaan memang berusaha dalam mengadakan kerjasama dengan beberapa buah negara sepertimana yang telah saya nyatakan dalam menjawab soalan asal tadi. Apa yang begitu ketara sekali, kita mempunyai hubungan baik dengan negara Australia yang mana kebanyakan mereka yang diperdagangkan adalah untuk dibawa ke negara Australia. Dengan kerjasama ini dan dengan adanya pertukaran maklumat dan sebagainya, maka banyak tangkapan yang telah dapat dilaksanakan oleh jabatan-jabatan penguat kuasa di bawah Kementerian Dalam Negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bersama dengan rakan-rakan yang lain, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Tan Sri di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua pada hari ini. Soalan saya ialah, oleh kerana isu ini juga menjadi antara objektif penting Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat seperti yang telah digaris panduan di dalam pelan tindakan pembangunan wanita iaitu menghapuskan masalah pemerdagangan orang, saya ingin tahu apakah bentuk kerjasama dan sokongan Kementerian Dalam Negeri yang telah dilakukan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah berkaitan dengan perlindungan mangsa kes-kes anti pemerdagangan orang. Hari ini kita telah mewujudkan satu memorandum persefahaman antara Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang mana kita sentiasa memberi sokongan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang mana kita memberi perlindungan di atas tindakan-tindakan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini.

5. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawli minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan:

- (a) bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) khusus kepada pemantauan siaran filem dan drama di televisyen di negara ini bagi mengekang kesan negatif kepada masyarakat akibat pemaparan imej dan gaya hidup dengan nilai barat yang kurang sesuai; dan
- (b) bilakah kerajaan bercadang untuk mengadakan siaran televisyen Islam seperti yang diwarwarkan sebelum ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Buat masa ini, kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan NKRA khusus bagi pemantauan siaran filem dan drama di televisyen. Walau bagaimanapun, KPKK melalui SKMM mengawal selia kandungan siaran TV melalui kod kandungan yang didaftarkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia tahun 1998. Melalui kod kandungan ini, kandungan siaran dapat dikawal supaya tidak memberi pengaruh negatif kepada masyarakat. Selain itu, RTM juga mempunyai garis panduan siaran TV yang diguna pakai bagi tujuan memantau siaran filem dan drama di stesen TV kerajaan. Selain itu, garis panduan penapisan filem oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF), garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran menyentuh seni dan budaya oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan garis panduan hiburan dalam Islam oleh JAKIM juga turut dirujuk oleh semua stesen radio dan televisyen.
- (b) Buat masa ini pengisian program berbentuk Islam telah pun dilaksanakan dan disiarkan melalui pelbagai saluran televisyen kerajaan mahupun swasta. Sebagai contoh, RTM telah menyiarkan rancangan-rancangan terbitan JAKIM seperti *Bicara Mufti*, *Persada Jurnal*, *Tilawah Interaktif*, *Adik-adikku*, *Wadah*, *Hikmah* dan sebagainya. Berhubung cadangan untuk mengadakan siaran televisyen Islam, ia adalah dibatasi oleh peruntukan spektrum televisyen analog yang terhad.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah kita menyedari fungsi yang dibuat oleh LPF dan juga Jawatankuasa Penyelarasan bagi pemantauan siaran TV dan radio swasta. Walau bagaimanapun, kita melihat bahawa kesan yang didapati daripada siaran TV di negara kita memberi kesan-kesan yang negatif. Oleh kerana pihak RTM telah pun melampaui usia 50 tahun, adakah kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan, soalan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan lembaga penyelidikan dan pembangunan siaran filem di Malaysia? Itu yang pertama. Kedua, adakah kerajaan mempunyai siaran spesifik untuk membentuk keluarga contoh? Ini kerana siaran seperti pertengkaran suami isteri banyak diwujudkan dalam TV Malaysia seterusnya memberikan kesan negatif kepada pembangunan dan jati diri rakyat Malaysia pada masa kini. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Puan Mumtaz atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sepertimana yang telah saya terangkan tadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum sesebuah filem ataupun drama iaitu semua kandungan yang prarakam disiarkan di televisyen, ia haruslah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem sebelum ia boleh dibenarkan untuk disiarkan. Jadi, masalah ini tidak wujud sebenarnya. Untuk menjawab soalan yang kedua, RTM akan mengambil berat dan mengkaji isu ini. Sekian, terima kasih.

■1120

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana pemantauan ke atas *live show* yang tidak diprarakamkan memandangkan ia tidak ditapis oleh LPF? Sekian.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk *live show* yang tidak diprarakamkan, syarat-syarat telah ditetapkan oleh SKMM. Jadi, semua *live show* itu haruslah mematuhi peraturan yang berikut iaitu, pertama sekurang-kurangnya tunda siaran selama dua minit untuk tujuan pemantauan dan penapisan terutama sekali untuk program-program hiburan luar negara; dan kedua, adalah menjadi tanggungjawab penerbit untuk memaklumkan kepada pengacara dan juga tetamu tentang prosedur dan kod kandungan yang telah ditetapkan mengikut syarat khas lesen iaitu tidak menyiarkan apa-apa juga kandungan yang boleh menyinggung sensitiviti mana-mana masyarakat, agama dan bangsa di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Kita pergi pada pertanyaan Nombor 6, Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

11.22 pg.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua selaku Tuan Yang di-Pertua.

6. **Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta Menteri Kewangan menyatakan, jumlah jangkaan pelaburan asing dalam sektor ekonomi negara, dan nyatakan secara terperinci jumlah ekuiti yang bakal kerajaan lupus dalam pelaburan di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan ekuiti pelaburan strategik kerajaan dalam syarikat-syarikat multinasional.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, sebagai kawan lama Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua *Senate*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, berikutan pemulihan ekonomi global dan pengukuhan permintaan domestik KDNK ataupun Keluaran Dalam Negeri Kasar bagi tahun 2010 dijangka pulih pada kadar antara 4.5% hingga 5.5%. Sejajar dengan pemulihan ini dan peningkatan keyakinan perniagaan, aktiviti pelaburan swasta dijangka kembali pulih kepada kadar 0.7% terutamanya dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor minyak dan gas berbanding penguncupan -21.8% pada tahun 2009.

Pelaburan juga dijangka berkembang dalam bidang pertumbuhan baru seperti tenaga boleh diperbaharui, peralatan perubatan serta perkhidmatan kewangan dan selaras dengan usaha kerajaan untuk menggerakkan lagi ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor pembuatan sepanjang tahun 2009 adalah sebanyak RM22.1 bilion manakala jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pula adalah sebanyak RM3.4 bilion.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah dan sedang mengambil pelbagai langkah agresif dan inovatif bagi meningkatkan lagi semula kemasukan pelaburan asing ke Malaysia. Ini adalah termasuk seperti berikut:

- (i) menyediakan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan berorientasikan pasaran;
- (ii) melaksanakan inisiatif gelombang kedua penswastaan;
- (iii) meningkatkan lagi inisiatif projek perkongsian awam-swasta;
- (iv) melonggarkan syarat serta memudahkan prosedur bagi syarikat asing beroperasi di Malaysia; dan
- (v) pengkorporatan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia ataupun MIDA sebagai Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia yang akan membolehkan MIDA membuat keputusan berhubung pelaburan dengan lebih pantas dan menjadikan proses kerja MIDA lebih cekap.

Berikutan perkembangan ekonomi dunia semakin menggalakkan dan aktiviti perdagangan dunia yang lebih mantap serta menerusi langkah agresif kerajaan dalam menarik pelabur asing adalah dijangka aliran pelaburan asing di dalam negara kita akan bertambah baik pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, pelupusan pegangan ekuiti yang dilakukan oleh Khazanah Nasional Berhad dalam beberapa Syarikat Berkaitan dengan Kerajaan (GLC) dengan izin, dilakukan bagi tujuan meningkatkan kadar apungan ataupun *liquidity*, dengan izin, serta kebolehlaburan or *investability*, dengan izin, saham-saham GLC terbabit.

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2009, Khazanah telah pun melaksanakan sejumlah lapan transaksi pelupusan yang menjana hasil tunai sebanyak RM3.108 bilion. Secara dasarnya, pelupusan yang dilakukan oleh Khazanah adalah bagi aset yang dianggap tidak keras ataupun *non-core*, dengan izin. Khazanah masih lagi mengekalkan pegangannya sebagai pemegang saham utama dalam syarikat-syarikat yang dianggap sebagai teras dan strategik kepada negara. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, meminta penjelasan kementerian berhubung dengan jumlah pelabur asing sedia ada yang membawa keluar modal dalam pasaran ekuiti atau pelaburan sektor ekonomi strategik dan menamatkan pelaburan atau operasi mereka dari Malaysia dari tahun 2008 hingga 2010 iaitu tempoh krisis kewangan dunia dan apakah kesan langsung kepada tenaga kerja tempatan serta impaknya terhadap pasaran ekuiti dan aktiviti perusahaan import-eksport dan sektor perkhidmatan negara? Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Untuk menjawab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat, ingin saya memberitahu Dewan yang mulia ini, sejak krisis ekonomi yang melanda sedunia ini, Malaysia juga tidak dikecualikan. Kita juga menjadi mangsa pada krisis ekonomi yang telah mula wujud di Amerika Syarikat.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana kita mempunyai satu sistem perbankan yang amat kukuh termasuk juga dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dengan serta-merta seperti memperkenalkan pakej rangsangan yang kita sentiasa dengar dan baca dalam surat-surat khabar, maka kita dapat meringankan kesan-kesan krisis ekonomi yang telah pun melanda dunia ini.

Walaupun demikian, pada tahun lepas, kita dapat melihat..., oleh kerana begitu banyak langkah yang kita telah ambil termasuk juga dengan kerajaan-kerajaan di negara-negara lain, maka pada hujung tahun lepas, kita dapat melihat ekonomi dunia telahpun banyak pulih.

Pada puratanya, pada mulanya kita amat bimbang bahawa pertumbuhan ekonomi kita akan menguncup begitu banyak negatif tetapi pada puratanya amat bernasib baik bahawa pertumbuhan ekonomi kita hanya menguncup sebanyak 1.5% sahaja. Kita mempunyai penuh keyakinan bahawa perniagaan-perniagaan lain tidak kira sama ada GLC ataupun pasaran di negara ini akan bertambah baik pada tahun ini. Ini adalah selaras dengan pemulihan ekonomi satu dunia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi.

Dato' Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin menyampaikan ucapan tahniah di atas pelantikan. Soalan tambahan saya adalah mengenai jumlah pelaburan yang dinyatakan tadi.

Saya ingin bertanya, bagaimanakah jumlah pelaburan ke negara kita berbanding dengan jumlah pelaburan yang pada masa yang sama masuk ke negara jiran kita seperti Singapura, Thailand, Indonesia dan Vietnam? Ini akan menunjukkan *the attractiveness* dengan izin, penarikan negara kita berbanding dengan negara lain sebagai pusat pelaburan. Terima kasih.

■1130

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih diucapkan kepada Dato Sri Dr. Mohd Effendi. Saya percaya Yang Berhormat Dato' Sri juga pernah berkhidmat sebagai Menteri EPU Kerajaan Pusat. Yang Berhormat memang juga ketahui bahawa pada tahun 80-an, kalau Malaysia dibandingkan sebagai destinasi pelaburan dengan negara-negara ASEAN yang lain, pada masa itu kita mempunyai begitu banyak *advantages*, dengan izin, iaitu kita mempunyai sumber manusia yang agak berpendidikan, kita mempunyai pekerja-pekerja yang meminta gaji-gaji yang tidak begitu lumayan, tidak begitu tinggi. Oleh sebab kita mempunyai pengetahuan yang lebih luas, pekerja kita dengan satu sistem pentadbiran yang agak baik, maka kita telah pun mendapat begitu banyak pelaburan asing memasuki negara kita.

Akan tetapi malangnya dunia ini sentiasa berubah, yang mana Malaysia telah pun menjadi sebuah negara yang walaupun masih tidak sampai tahap maju, status maju, tetapi kita boleh menganggap Malaysia ini sebagai yang membangun, yang telah pun mencapai begitu banyak daripada segi pertumbuhan ekonomi. Oleh yang demikian, oleh kerana keadaan itulah gaji-gaji pekerja kita semakin mahir telah pun meminta supaya gaji dipertingkatkan lagi dan lain-lain infrastruktur di negara kita ini walaupun cukup baik tetapi adalah menjadi lebih mahir kalau kita hendak banding dengan negara-negara lain seperti Indonesia, Vietnam dan Thailand.

Sememangnya tidak hairanlah jika kita melihat syarikat-syarikat gergasi dengan pelaburan asing mereka ini sudah mula hendak berhijrah ke negara-negara lain dan kurang masuk ke negara kita, kecuali negara kita mempunyai satu mekanisme yang boleh menarik mereka masuk ke negara kita.

Selain daripada itu, secara perbandingan, kalau kita hendak *compete* dengan negara-negara lain di Asia, maka kita telah pun mula kehilangan tarikan. Kita haruslah berubah. Saya amat berasa gembira kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mempunyai satu mekanisme untuk mengadakan satu *overhaul* dalam ekonomi kita, supaya kita akan menuju ke satu tahap yang mana rakyat kita akan mendapat pendapatan yang lebih tinggi, tidak berasaskan pada fesyen yang lama. So, kita harap dengan ini, pelaburan asing dari negara-negara maju akan masuk semula. Sekian, terima kasih.

7. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, apakah kaedah terkini untuk menentukan bahawa tanah-tanah rizab masjid tidak lagi akan ditukar milik untuk pembangunan komersial. Setakat ini berapa banyak tempat di Kuala Lumpur yang asalnya tanah masjid tetapi telah dibenarkan untuk pembangunan komersial. Apakah sebab kebenaran ini diberikan oleh DBKL dan namakan projek-projek yang telah pun berjalan.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]: Terima kasih. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah untuk Tuan Yang di-Pertua, iaitu kawan lama saya yang dapat duduk di kerusi Dewan Negara sebagai seorang Speaker.

Bismilaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh dan salam 1Malaysia untuk Ahli Yang Berhormat. Selaras dengan ketetapan draf pelan bandar raya Kuala Lumpur 2020, tanah rizab masjid dikategorikan sebagai zon kemudahan awam (masjid) dan perlu dikekalkan untuk kegunaan masjid.

Terkini, Jawatankuasa Kerja Tanah Persekutuan Kuala Lumpur yang bertindak sebagai badan pelulus bagi hal-hal berkaitan tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hanya akan meluluskan tanah secara perizaban kepada Pengarah Majlis Wilayah Persekutuan bagi tujuan masjid atau surau dan bukan lagi secara pemberian hak milik yang dibuat pada masa yang lepas. Ini adalah untuk tujuan memelihara tanah masjid daripada ditukar milik ataupun digunakan untuk tujuan selain daripada masjid. Setakat ini, terdapat tiga bidang tanah rizab masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang pada asalnya tanah masjid tetapi telah diberi kebenaran merancang untuk dibangunkan secara komersial oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tapak-tapak tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Lot 48671 yang terletak di Jalan 19/70A Desa Sri Hartamas. Projek pembangunan komersial yang dibangunkan secara membina dua blok kedai bertingkat serta satu tingkat *base line*, dua tingkat tempat letak kereta;

- (ii) Lot 55331 yang terletak di Jalan Persiaran Dutamas, Sri Hartamas. Projek yang dibangunkan adalah cadangan membina blok bangunan 27 tingkat, dua blok komersial pejabat lima tingkat, satu blok bangunan asrama, dewan serba guna sebelas tingkat dan tiga setengah tingkat tempat letak kereta, *sub basement*; dan
- (iii) Lot 21717 yang terletak di Jalan Genting Klang, Setapak Kuala Lumpur. Projek yang dilaksanakan adalah pembangunan kedai pejabat tiga tingkat, 24 unit dan enam tingkat 22 unit, satu blok asrama, Majlis Agama Wilayah Persekutuan tujuh tingkat, dan masjid dua tingkat, serta kemudahan.

Walau bagaimanapun, perubahan syarat dan penggunaan tanah tersebut dilihat tidak menjejaskan kepentingan masyarakat Islam kerana Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan masih lagi merupakan pemilik berdaftar bagi hak milik tanah-tanah tersebut. Secara amnya permohonan bagi kebenaran berancang telah dipertimbangkan dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) permohonan Majlis Agama Wilayah Persekutuan untuk menukar syarat nyata asal bagi ketiga-tiga tapak itu dari masjid pada perniagaan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan pada 19 Januari 2007;
- (ii) pihak Majlis Agama Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat sebagai Ahli telah memberikan kebenaran kepada pemaju untuk mengemukakan permohonan kepada DBKL bagi membangunkan tapak-tapak tanah berkenaan;
- (iii) permohonan kebenaran merancang telah melalui prosedur lengkap dan diproses melalui prosedur kaedah lima iaitu pelawaan bantahan melalui periklanan akhbar sehingga tempoh pelawaan tersebut tamat, tiada sebarang bantahan yang diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur;
- (iv) pandangan Majlis Agama Wilayah Persekutuan bahawa masjid sedia ada yang terletak berhampiran dengan kawasan tapak diyakini mampu menampung keperluan ibadat penduduk Islam setempat; dan
- (v) pembangunan yang dibukakan adalah mematuhi segala aspek teknikal yang telah ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Soalan tambahan saya, tidakkah Yang Berhormat sedar kawasan yang disebut tadi terutama kawasan Sri Hartamas akan menjadi tempat yang paling panas macam Jalan Telawi, Bangsar, akan menjadi sarang maksiat, judi, minum arak dan disko pada masa akan datang? Mengapakah pihak DBKL tidak menghalang atau menasihati pihak majlis agama pada peringkat awalnya sebelum penukaran tanah dilakukan? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan.

Walaupun kelulusan telah dibuat pada tahun 2007, ada syarat-syarat yang telah diberi kebenaran kepada pihak pemaju iaitu seorang pemaju yang telah bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan supaya dalam pembangunan itu, kemudahan surau disediakan untuk kegunaan mereka yang kebanyakannya berniaga di sana. Ini disebabkan kawasan itu dikatakan padat dengan aktiviti-aktiviti perniagaan pada peringkat negara ataupun peringkat antarabangsa.

■1140

Walau bagaimanapun, kalau ada aktiviti-aktiviti maksiat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rizuan, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Agama Wilayah Persekutuan supaya aktiviti ini dibanteras seperti yang kita telah jalankan di beberapa kawasan di Kuala Lumpur seperti di Chow Kit, di Brickfields dan lain-lain kawasan. Jadi, berilah maklumat kepada kami dan jika ada, kita akan ambil tindakan.

Untuk memberi sedikit jaminan kepada Yang Berhormat, untuk akan datang seperti yang telah disebut tadi dalam jawapan saya, semua permohonan untuk kawasan tanah masjid dan surau tidak akan lagi diberi secara pemberi milik kepada baik Majlis Agama Wilayah Persekutuan ataupun mana-mana majlis pun. Kita hanya akan *reserve* untuk masjid dan surau. Jadi, soal agensi-agensi ini hendak bangunan tanah itu sebagai komersial, tidak timbul lagi. Inilah ketetapan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan setelah beberapa perkara ini ditimbulkan oleh rakyat yang mana tanah masjid telah ditukarkan kepada pembangunan komersial. Terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Seperti juga rakan-rakan saya yang lain Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua menjadi Speaker Dewan Negara. Soalan saya Nombor 8.

8. Puan Doris Sophia ak Brodi minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, langkah-langkah kementerian bagi membantu petani dan pengusaha ladang terutama di Sarawak yang menjadi mangsa pemanasan global yang menyebabkan kerosakan dan kerugian terhadap hasil tanaman mereka.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti rakan-rakan yang lain, bagi pihak warga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana Tuan Yang di-Pertua mantan Pengerusi LPP kementerian. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil beberapa langkah jangka pendek bagi menangani kesan cuaca panas iaitu dengan cara:

- (a) meningkatkan pengurusan infrastruktur dan ladang seperti:
 - (i) memperkenalkan pendekatan berintegrasi dalam satu penanaman perusahaan di ladang;

- (ii) meningkatkan amalan *Good Agricultural Practices*, dengan izin;
 - (iii) menguruskan ladang tanaman secara strategik seperti membuat penjadualan (*timetable*) bagi tanaman yang lewat secara berperingkat dan menanam secara berskala kecil;
 - (iv) mengurangkan *stock rate* ikan dan haiwan ternakan;
 - (v) mempertingkatkan perkhidmatan veterinar serta memantau penyakit ternakan semasa musim kemarau iaitu pemberian vaksin kepada haiwan ternakan jika perlu untuk memberikan kekebalan pada penyakit semasa perubahan cuaca;
 - (vi) mengamalkan sistem tanaman, ternakan dan perikanan dengan menambahbaikkan pengurusan air yang bersih serta sistem pembuangan sisa yang terurus; dan
 - (vii) memastikan supaya makanan yang ada untuk ternakan di ladang-ladang mencukupi.
- (b) meningkatkan pemuliharaan dan pengurusan air seperti:
- (i) meningkatkan pengurusan dan perairan infrastruktur dan pam air untuk pengurusan sumber air dan mengenal pasti sumber air alternatif;
 - (ii) memaksimumkan penggunaan air dan air tidak terkawal dari sungai-sungai yang ada dan selain daripada itu, kita juga menggunakan sistem *recycle*;
 - (iii) penggunaan sebanyak mungkin air saliran untuk pengairan bagi pengurangan pelepasan air di empangan; dan
 - (iv) menggalakkan peladang untuk menggunakan pam bergerak bagi menangani masalah perairan di tempat-tempat yang tidak ada air.
- (c) menjalankan kempen kesedaran kepada petani-petani dan juga penternak mengenai cuaca yang ada pada hari ini.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Umum mengetahui bahawa petani semuanya berumur 60 tahun ke atas. Semuanya warga emas, mana ada budak-budak lagi. Ini yang pertama.

Keduanya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat - sebab tenaga mereka ini tidak begitu banyak lagi. Tidakkah kerajaan melihat Pusat Mekanisasi Peladang itu dimodenkan, kerana di sinilah letaknya kekuatan petani-petani.

Kalau Pusat Mekanisasi Peladang ini di Pertubuhan Peladang Negeri di seluruh negara dimodenkan, *insya-Allah* dapat menolong petani-petani yang kurang tenaga tadi.

Ketiganya, saya hendak bertanya tentang jentera-jentera. Adakah mencukupi? Pertamanya traktor jentuai, mesin tanaman padi dan juga benih-benih dan racun yang sedia ada. Adakah mencukupi untuk Malaysia menjadi negara pengeluar bahan-bahan yang saya sebutkan tadi khasnya padi? Kalau tidak, kita import sahaja. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat di atas pertanyaan Yang Berhormat berkenaan dengan keadaan petani di negara kita. Memanglah petani..., saya ambil contoh di kawasan bandar. Kebanyakan petani kawasan bandar berumur di antara 60 tahun ke atas, kalau orang Kedah kata sudah ranum.

Jadi sekarang ini, untuk mengelakkan supaya perkara ini berlaku, maka sekarang ini kita berkempen supaya di kawasan-kawasan MADA dan di luar kawasan MADA contohnya, dan juga di KADA supaya kita mengamalkan pertanian secara estet. Jadi, pengendalian sawah itu dapat dijalankan secara yang lebih sistematik. Ini kerana sekarang ini salah satu sebabnya ialah pengurusan oleh petani-petani tidak dapat dijalankan dengan baik kerana masalah umur dan sebagainya. Selain itu, berkenaan dengan mesin dan sebagainya, kita sedar bahawa kita sekarang menghadapi masalah kerana kita tidak cukup jentera membajak, menuai dan sebagainya.

Umpamanya di Langkawi - di Langkawi pada waktu membajak, memang kita tidak cukup jentera membajak. Sebab itulah di bawah LPP, kita banyak memberi petani dan juga melalui LPP, jentera membajak dan juga mesin tuai. Baru-baru ini di Kedah, kita beri lebih 40 buah mesin tuai untuk petani-petani gunakan melalui PPK dan sebagainya. Selain daripada itu juga, banyak lagi usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan supaya kita dapat meninggikan *production* kita di kawasan MADA dan sebagainya, seperti yang saya sebutkan.

Mengenai baja, mengenai racun dan sebagainya. Memang racun sekarang ini kementerian telah mencadangkan supaya sekarang ini penggunaan racun..., kita tidak lagi beri kepada petani-petani. Ini kerana sekarang ini kita dapati bahawa sesetengah penggunaan racun itu tidak dibuat secara betul.

■1150

Ada setengah-setengah menggunakan racun-racun yang tidak diiktiraf. Ada juga setengah-setengah menggunakan racun, ada sesetengah tidak menggunakan racun apabila berlaku wabak dan sebagainya. Sebab itu kita tengok ada sesetengah wabak yang kita tidak boleh hapus di sesuatu tempat itu. Maka itu kerajaan melalui kementerian, kita telah cadang supaya penggunaan racun ini dibuat oleh agensi kerajaan sendiri. Misalnya di kawasan MADA, apabila berlaku penyakit, misal katalah wabak bena perang. Jadi kementerian melalui MADA, jadi satu kawasan itu MADA akan mengendalikan penggunaan racun di kawasan itu tidak lagi melalui petani.

Sekarang ini kita tengok petani menggunakan racun yang tidak diiktiraf seperti daripada tengkorak dan sebagainya. Sebab itu kita tengok sekarang ini kalau kita pergi ke Kedah, dahulu di Kedah kalau kita pergi ke Pekan Rabu, kita akan dapat ikan Sepat, iaitu ikan Sepat Ronggeng orang Kedah katakan. Sekarang ini, ikan Sepat Ronggeng tidak ada lagi kerana penggunaan racun terlampau lebih di kawasan-kawasan itu.

Jadi, perkara ini memang kita sedar dan kementerian sedang mengambil berat tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akibat pemanasan global ini menyebabkan sebahagian tanah pertanian dan ladang-ladang menjadi kering kontang atau mendapat bekalan air yang tidak mencukupi dan tidak memadai. Petani dan pengusaha ladang pula di Sarawak hanya mengharapkan air hujan ataupun air sungai untuk pengairan kawasan pertanian dan sebagainya.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan teknologi terkini bagi mencari sumber air baru yang menjadi sistem sokongan pada sistem bekalan sumber air permukaan yang semakin terhad khususnya untuk kegiatan pertanian dan perladangan? Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, mengenai masalah cuaca ini bukan sahaja kementerian yang terlibat. Sebenarnya kita di bawah Majlis Keselamatan Negara, kita ada kumpulan kerja pelan tindakan menghadapi musim kering ini. Jadi, banyak kementerian lain dan juga jabatan-jabatan dan agensi lain terlibat seperti JPS, JKR selepas itu Kementerian Mineral dan sebagainya. Jadi, seperti kita di kementerian, kita hanya mengendalikan, beri *knowledge* kepada petani mengenai pengurusan air dan sebagainya.

Kita juga mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk kita membaiki sistem pengairan yang sedia ada iaitu mengadakan pengairan yang lebih baik iaitu terusan-terusan kita perbaiki dan sebagainya supaya pengurusan air di sesuatu kawasan itu dapat dikendalikan dengan baik. Kadang-kadang waktu kemarau umpamanya di Kedah, saya ambil Kedah -di Sarawak saya tidak berapa fasih, Kedah, walaupun kita mempunyai air yang cukup di empangan..., kita ada tiga buah empangan iaitu Empangan Aning, Empangan Pedu dan Empangan Muda, kita mempunyai air yang mencukupi. Akan tetapi masalah kita ialah pengurusan air. Bagaimana kita hendak salurkan air ke kawasan-kawasan sawah ini sedangkan infrastruktur sudah begitu lama? Kawasan MADA sudah 30 tahun.

Jadi kita sekarang ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kita minta supaya kerajaan memberikan sebahagian peruntukan yang begitu besar untuk kita *upgrade* infrastruktur. Ini jangka masa panjanglah. Jadi kita kena buat sesuatu supaya air yang ada di kawasan empangan itu dapat disalurkan ke sawah. Kadang-kadang air ada dalam sungai tetapi kita tidak boleh salurkan ke sawah kerana tanahnya tidak sama tinggi, ada kawasan rendah, ada kawasan tinggi. Kalau kita bagi air terlampau banyak di kawasan yang tinggi, maknanya kawasan rendah akan tenggelam. Jadi, banyak masalah lain yang kita ambil kira dan juga penglibatan jabatan lain yang terlibat. Jadi terima kasih.

9. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kementerian berhasrat menetapkan kuota pengambilan calon guru lelaki bagi menangani masalah kekurangan guru lelaki yang semakin kritikal sekarang ini.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah di atas pelantikan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang berhasrat untuk menyeimbangkan pengambilan guru terutamanya pengambilan guru bagi tahun 2010 iaitu 50% lelaki dan 50% perempuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 April 2010, jumlah guru lelaki sekolah rendah ialah seramai 70,808 orang, guru perempuan ialah seramai 160,064 orang. Manakala untuk sekolah menengah, guru lelaki ialah seramai 55,372 orang, guru perempuan ialah seramai 119,586 orang. Ini bermakna, jumlah guru lelaki sehingga 31 April 2010 ialah seramai 126,580 orang dan guru perempuan ialah seramai 279,650 orang. Sebab itulah kita akan berusaha untuk memulakan pada tahun ini sebagai percubaan untuk menyeimbangkan pengambilan guru iaitu 50% lelaki dan 50% perempuan. Terima kasih

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya agak gugup sedikit hari ini mungkin... *[Ketawa]* ...Sudah lama cuti penggal, sekarang bermula balik. Terlebih dahulu saya hendak mengucapkan tahniah juga kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Soalan tambahan saya ialah apakah pendapat Yang Berhormat bahawa masalah disiplin melibatkan pelajar lelaki lebih sesuai ditangani oleh guru lelaki sahaja? Kedua, berapakah jumlah yang memohon mengikut gender tahun 2010 dan adakah syarat-syarat pengambilan guru lelaki untuk mengatasi masalah disiplin di sekolah? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab itulah antara faktor kita akan menyeimbangkan guru lelaki dan wanita ini ialah kerana guru lelaki ini kita dapat tumpukan mereka untuk menjalankan tugas sebagai guru disiplin. Kedua ialah untuk kita memudahkan menghantar mereka untuk mengajar di sekolah-sekolah pedalaman. Sebab pada kita, guru lelaki lebih sesuai dihantar ke pedalaman kerana faktor keselamatan. Ketiga, kerana kita akan menjadikan sukan sebagai elemen penting mulai tahun hadapan. Oleh sebab itu, kita memerlukan lebih ramai guru lelaki.

Atas soalan Yang Berhormat yang kedua, permohonan daripada segi gender. Untuk tahun ini sahaja, kalau saya ambil contoh KPLI, permohonan guru lelaki ialah sebanyak 13,817 orang. Permohonan untuk menjadi guru daripada kalangan wanita ialah 54,560 iaitu 79% permohonan ialah wanita dan 20% sahaja lelaki. Jumlah permohonan 68,377 orang. Sedangkan yang kita hendak ambil kalau KPLI cuma 1,878 orang, dan yang kita panggil temu duga daripada seluruh permohonan ini setelah melalui ujian MTest. Lelaki yang kita panggil temu duga 1,435 orang, perempuan 2,270 orang, yang hendak diambil 1,878 orang.

Untuk KPLSPM, permohonan lelaki ialah 39,281 orang iaitu 32%. Perempuan 80,501 orang iaitu 67%. Jumlah 119,783 orang. Kita panggil untuk temu duga ialah lelaki 5,030 orang, perempuan 5,118 orang dan jumlah yang akan diambil ialah 5,251 orang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana ada masa satu minit lagi. Silakan Tuan Haji Ahamat Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga kepada sahabat saya Dato' Mohammed Najeeb yang baru dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

■1200

Soalan tambahan saya ialah mengenai penempatan guru-guru baru di kawasan yang amat pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak. Guru-guru baru terutamanya perempuan di kawasan pedalaman yang mana kemudahan-kemudahan seperti untuk mencari makanan halal bagi yang beragama Islam pun sangat sukar, apa lagi kemudahan-kemudahan yang lain.

Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian setakat ini untuk memberikan kemudahan kepada guru-guru yang ditempatkan di kawasan yang amat jauh di Sabah dan Sarawak memandangkan kawasan tersebut terpencil dari bandar-bandar kecil? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itulah sepertimana yang saya nyatakan tadi bahawa antara langkah kita ialah kita akan seimbangkan pengambilan guru-guru dan kita akan utamakan menghantar guru lelaki bertugas di pedalaman.

Kedua, ialah kita akan memastikan bahawa kuarters penginapan guru-guru ini adalah kuarters penginapan yang selamat. Oleh sebab itu, kita sekarang berusaha untuk memastikan bahawa rumah-rumah kediaman ataupun kuarters penginapan guru di pedalaman ini kita akan naik taraf supaya ia lebih sesuai demi keselamatan guru-guru terutamanya guru-guru wanita kita yang bertugas di pedalaman. Pastikan bangunan itu selamat, kukuh, pintunya kuat, berpagar dan sebagainya. Ini adalah antara yang kita sedang lakukan sekarang ini. Kita tidak nafikan tentang isu yang berbangkit mengenai dengan kemudahan penginapan mereka.

Di samping itu, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat, guru-guru di pedalaman ini memang sukar untuk mendapatkan bekalan makanan sepertimana kalau kita lihat di Tinanduk sebagai contohnya. Jikalau mereka keluar pergi ke Pensiangan membeli makanan, kadang-kadang penduduk lupa untuk mengambil mereka balik bawa semula ke Tinanduk. Oleh sebab itu, mereka kadang-kadang tersadai di Pensiangan dua hari. Maka, dua harilah mereka tidak mengajar. Kos pergi balik mereka naik bot lebih kurang RM500. Hendak beli makanan harga lebih kurang RM50, tetapi kos pergi balik RM500. Oleh sebab itulah guru-guru kita di pedalaman P3 (Pedalaman 3) kita beri elaun tambahan sebanyak RM1,500, kalau P2 RM1,000 dan kalau P1 RM500. Di Semenanjung ini, hanya terdapat sekolah pedalaman P1 sahaja. P2 pun tidak ada. Banyak di Sabah dan Sarawak. Kita sedang berusaha untuk mengkaji semula tentang elaun pedalaman ini sama ada boleh dinaikkan ataupun tidak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab masa tidak mengizinkan, cukuplah setakat ini semua pertanyaan secara lisan dan kita berhenti setakat ini. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

12.04 tgh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan suatu usul seperti berikut:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Tuan

Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

12.06 tgh.

Dato' Azian bin Osman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Syukur ke hadrat Allah SWT memberi kita kekuatan dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat dan negara untuk kita bersama-sama sekali lagi berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mencadangkan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah kerana sudi berangkat mencemarkan Duli menyampaikan Titah Ucapan di Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Ketiga Parlimen pada 15 Mac 2010 yang lalu.

Saya, Dato' Azian bin Osman Ahli Dewan Negara Malaysia dengan ini memohon untuk mencadangkan:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas.”

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk melafazkan tanda hormat dan ucapan tahniah pada pelantikan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara baru sebentar tadi. Sebagai seorang yang penuh berpengalaman, saya lihat pada biodata Tuan Yang di-Pertua, empat muka surat berbagai-bagai pengalaman yang ada pada Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya dan yakin akan dapat menyumbangkan hala tuju dan integriti Parlimen yang kita dukung selama ini apatah lagi peranan Dewan Negara perlu dilihat sebagai satu institusi yang mempunyai pengaruh terhadap Perlembagaan Demokrasi yang diamalkan di dalam negara kita yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penuh rasa tawaduk, penuh keinsafan, saya mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional kerana telah berjaya di Hulu Selangor. Tahniah kepada Pengerusi Barisan Nasional Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin sebagai panglima perang nombor satu Barisan Nasional di Parlimen Hulu Selangor. Tidak ketinggalan juga kepada semua jentera Barisan Nasional. Ramai rakan-rakan dalam Dewan ini yang juga turut terlibat berkempen di sana, saya ucapkan tahniah. Kepada rakyat khususnya pengundi-pengundi di Parlimen 94, Hulu Selangor, terima kasih banyak-banyak.

■1210

Alhamdulillah kerana Allah SWT telah membuka pintu hati pengundi-pengundi di Parlimen Hulu Selangor untuk memilih Barisan Nasional, *alhamdulillah*. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah sebentar tadi dan juga pelantikan Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi sebagai Ahli-ahli Dewan Negara yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih dan malu apabila Titah Ucapan Tuanku Mizan Zainal Abidin dipertikaikan oleh Ketua Pembangkang Dewan Rakyat dan sebahagian besar Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang. Apakah tujuan atau motif Ahli Parlimen Permatang Pauh cuba melakukannya? Daripada satu isu ke satu isu yang dibawanya, hanya dengan tujuan untuk merosakkan perpaduan yang kita kecapai sekarang. Kalau kita lihat dalam Titah Ucapan Tuanku sendiri, hanya kerana Tuanku memuji Yang Amat Berhormat Menteri sebagai pemimpin yang perlu dicontohi, dipertikaikan begitu hebat sekali.

Dalam Islam, apabila kita meminta orang lain membuat sesuatu perkara yang baik, ia adalah satu perkara yang dituntut. Sama juga sepertimana Tuanku yang mahukan rakyat melihat contoh yang baik, yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, mudah sahaja.

Akan tetapi kenapa kenakalan, dangkal minda, dan jahil pembangkang Tuan Yang di-Pertua, lebih memalukan lagi dalam Dewan Rakyat baru-baru ini Titah Ucapan Tuanku terpaksa diluluskan dengan belah bahagi. Saya berharap di dalam Dewan yang mulia ini tidak akan berlaku perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu hormat Titah Ucapan Tuanku. Ini kerana ia adalah hak Tuanku dan jangan merendahkan Tuanku. Jika ada draf daripada mana-mana pihak, Tuanku mesti membacanya dahulu. Jikalau rasa tidak boleh dan tidak bercanggah, Tuanku akan memperkenankan. Tuanku mempunyai pandangan dan seorang yang cukup tinggi keintelektualannya, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Ketua Pembangkang dan sekutunya sahaja yang mempunyai daya pemikiran yang tinggi? Jangan pandang kita sahaja yang hebat tetapi katakan tidak pada orang lain. Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai rakyat Malaysia sama ada daripada kerajaan atau pembangkang...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah pandangan Yang Berhormat apabila dalam surat khabar pada hari ini, Mursyidul Am PAS, Tok Guru Nik Aziz mengatakan dia tidak tahu bahawasanya Titah itu datangnya daripada Sultan Selangor, apabila dia membuat bantahan atas apa yang ditahkan oleh Sultan Selangor mengatakan ceramah politik tidak boleh dibuat di masjid-masjid? Terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kalau saya tahu, sedangkan rakyat semua tahu. Saya tahu melalui surat khabar. Jadi, kalau Yang Amat Berhormat Dato' Nik Aziz tidak tahu, maknanya dia tidak baca surat khabarlah dan tidak ada keluar dalam *Harakah*.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Dato' Azian bin Osman: Biar saya habiskan dahulu Yang Berhormat, boleh? Tuan Yang di-Pertua, kita jangan hina Institusi Raja kita. Kalau kita lihat kenyataan Sultan dan Raja Melayu, banyak dikeluarkan. Titah daripada Raja-Raja Melayu banyak diberikan. Contohnya pada 27 Mac lalu, Sultan Kedah Tuanku Abdul Halim meminta rakyat menolak pemimpin yang ditaja oleh pihak luar bagi mengelakkan negara dijajah oleh pihak asing. Jika kita mahu memilih pemimpin negara, lebih baik memilih mereka yang tidak dicucuk hidung oleh kuasa lain. Ini titah Baginda Sultan Kedah.

Pada 22 April lalu, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin menolak cadangan kerajaan pimpinan DAP untuk melantik Timbalan Ketua Menteri I, Yang Berhormat Mansor Othman sebagai Pengerusi Pusat Urus Zakat di Pulau Pinang. Keputusan Seri Paduka menamatkan kontroversi yang tercetus ekoran bantahan pelbagai pihak dan umat Islam yang menentang pelantikan Yang Berhormat Mansor yang juga pemimpin PKR negeri. Mereka bimbang Kerajaan Negeri cuba memanipulasikan hal ehwal zakat bagi kepentingan politik pembangkang termasuk DAP dan bukannya untuk golongan *asnaf* yang dituntut. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat kerana memberikan ruang untuk saya membuat sedikit celahan. Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam kes Menteri Besar Kelantan, Menteri Besar Kelantan baru sahaja mendarat dari *Makatul Mukarramah* kerana mengerjakan umrah. Jadi, alasan yang dikemukakan adalah alasan yang munasabah kerana beliau baru sahaja tiba dari *Makatul Mukarramah* dan saya rasa jawapan ini jawapan yang cukup ikhlas. Ini kerana semasa pertanyaan daripada wartawan, mereka tidak langsung *refer* kepada Titah Sultan.

Jadi, pertanyaan itu adalah pertanyaan yang umum. Sekiranya Menteri Besar Kelantan memberi ucapan bahawa dia tidak tahu bahawa perkara tersebut adalah Titah daripada Sultan Selangor, ia adalah jawapan yang ikhlas. Saya rasa perkara ini tidak perlu dipolitikkan kerana perkara ini jelas dan ada bukti bahawa memang Menteri Besar Kelantan baru sahaja pulang dari Mekah. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dan pohon pandangan.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak ingin mempolitikkan perkara ini lebih panjang kerana ucapan saya banyak lagi dan Yang Mengetahui sebenar yang berlaku sama ada tahu atau tidak Yang Berhormat Dato' Nik Aziz sendiri dan Allah Maha Mengetahui sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, pada 22 April juga Sultan Perak mengingatkan semua Wakil Rakyat di negeri Perak supaya tidak menghina dan mencemari Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dengan perbuatan yang memalukan. Baginda turut Bertitah agar mana-mana pihak tidak menderhakai Tujuh Wasiat Raja-Raja Melayu ketika memberikan perkenan pada pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957.

Pada 23 April lalu, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah bertitah, kuasa mutlak Raja-Raja Melayu dan urusan agama Islam dan adat Melayu hendaklah terus dipertahankan dan dipatuhi. Malah, baginda mengingatkan kuasa mutlak dalam kedua-dua urusan itu tidak pernah diserahkan kepada mana-mana pihak lain termasuk ketika penjajahan *British* dan juga Jepun. Pada tarikh yang sama, Paduka Sultan Selangor menitahkan polis supaya mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggunakan masjid untuk berkempen dalam Pilihanraya Kecil Parlimen Hulu Selangor.

Saya mengambil kesempatan ruangan *Awang Selamat (Bisik-bisik Mingguan)* dalam *Mingguan Malaysia* semalam yang memaparkan semula sebahagian Titah Raja-Raja Melayu itu untuk renungan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, di Hulu Selangor kita lihat, kita berkempen. Titah Tuanku Sultan Selangor juga tidak dipatuhi. Masjid terus digunakan sebagai medan politik oleh pihak pembangkang. Malangnya bukan orang Islam sahaja yang menggunakan masjid. Orang bukan Islam juga dibenarkan menggunakan mimbar masjid, kawasan masjid untuk kempen politik masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, tafsirlah suara hati setiap Duli Yang Maha Mulia-Duli Yang Maha Mulia Tuanku kita dengan penuh kebijaksanaan.

Siapakah pula yang dimasukkan dalam peringatan dan penegasan Tuanku semua? Sememangnya pasca Pilihanraya Umum Ke-12 menyaksikan Raja-Raja Melayu terpaksa tampil membuat banyak peringatan. Tidak pernah berlaku keadaan sedemikian dalam sejarah tanah air malah Institusi Istana makin tidak hormati. Lebih buruk lagi, ada pemimpin pembangkang sama ada secara terbuka mahupun berselindung menghina institusi yang menjadi tonggak dalam Perlembagaan Negara. Bak kata Khalifah Abdul Malik Marwan, "*Semulia-mulia manusia ialah siapa yang mempunyai adab, merendahkan diri ketika berkedudukan tinggi, memaafkan ketika berdaya membalas dan bersikap adil ketika kuat.*" Inilah prinsip yang ditunjukkan oleh setiap Raja-Raja Melayu kita serta kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, selepas setahun pemerintahannya banyak membawa pada transformasi yang diharapkan oleh rakyat jelata sekarang.

Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan memberi nafas baru dan pemangkin pada proses membina perpaduan dalam dekad mendatang. Ia membabitkan setiap rakyat Malaysia daripada semua bangsa, warna dan keturunan. Penerimaan konsep 1Malaysia telah dapat diterjemahkan dengan keputusan di Parlimen Hulu Selangor. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

1Malaysia mempunyai elemen yang utama iaitu persefahaman, menghormati dan mempercayai antara satu sama lain dalam negara berbilang kaum ini. Kita hendaklah bermula dengan mengenali dan memahami antara satu sama lain dan ia akan membawa kepada kita perasaan hormat dan kepercayaan, iaitu elemen yang amat penting dalam proses membangunkan perpaduan. Nilai perpaduan ialah menghormati dan membenarkan setiap individu untuk melakukan ataupun mempamerkan keunikan dan kelebihanannya dan pada masa yang sama membawa keharmonian. Jadi, jika ada Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang menyebutkan kerajaan gagal menyatupadukan rakyat, sebenarnya mereka buta mata dan buta hati, cuma menjadi gimik politik menyatakan Barisan Nasional gagal di dalam menyatupadukan rakyat. Kita berjaya hidup dengan penuh rukun damai, harmoni sekian lama.

Inilah hasil daripada dasar-dasar yang dibentuk dan digarap oleh pemimpin-pemimpin Perikatan dari dahulu hinggalah sekarang kepada Barisan Nasional. Pembangkang kita lihat lebih berusaha untuk memecahbelahkan apa yang telah dibentuk, menimbulkan banyak isu sentimen perkauman untuk kita bergaduh sesama sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat cabaran besar dihadapi pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak selain menghadapi krisis ekonomi, adalah untuk menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia terutama apabila Kerajaan Barisan Nasional menghadapi satu kumpulan pembangkang yang menamakan diri mereka Pakatan Rakyat, yang berusaha untuk menggagalkan apa yang kita lakukan termasuk dalam konteks perpaduan...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Saya tertarik tadi Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Isu perkauman. Saya tertarik di Pulau Pinang tadi Yang Berhormat iaitu tentang perkauman ini. Siapa sebenarnya..., kalau ada orang lain katakan dia mempertahankan perkauman dan yang memecahbelahkan rakyat adalah Kerajaan Barisan Nasional, tetapi saya hendak beritahu Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini perayaan Maulud yang mana sejarah Kerajaan Barisan Nasional memerintah di Pulau Pinang, walaupun Ketua Menterinya sama bukan orang Melayu, bukan orang Islam tetapi Kerajaan Barisan Nasional semasa itu tidak pernah pun membatalkan perarakan Maulud tetapi, hari ini apabila Pakatan Rakyat mengambil alih, Ketua Menterinya dalam surat arahan, kalau dia mengaku kata dia tidak pernah bagi arahan, bagaimana Penolong Setiausaha Kerajaan di Pulau Pinang sendiri mengeluarkan surat arahan bahawa perarakan Maulud dibatalkan? Sebenarnya, siapakah yang bersifat perkauman sebenarnya? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat Dato' Musa, *'sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula'*. Tuan Yang di-Pertua, maklum balas pada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi. Siapa yang mewujudkan masalah-masalah berkaitan perkauman ini? Barisan Nasional Tuan Yang di-Pertua, satu parti yang hala tuju dan dasarnya cukup jelas.

Walaupun UMNO untuk orang Melayu, MCA untuk orang Cina, MIC untuk orang India dan lain-lain parti untuk suku kaum masing-masing dan GERAKAN untuk semua, tetapi mereka bergabung dalam Barisan Nasional demi untuk satu parti yang cukup jelas dasarnya. Jelas untuk semua rakyat Malaysia.

Akan tetapi, saya melihat dan kita tahu gabungan Pakatan ini dasar mereka pun berbeza. DAP apa dasarnya kita tahu. PAS apa dasarnya. Kadangkala begini kadangkala begitu. Di Kelantan dasarnya lain. Di Perak dasarnya lain. Di Kedah dasarnya lain. Di Kelantan, Serambi Mekah, mengamalkan dasar-dasar Islam. Di Perak, Yang Berhormat Nizar kata tidak pernah PAS komited untuk mengamalkan dasar Islam. Di Kedah, terpulang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Justeru itu, di Pulau Pinang Yang Berhormat Dato' Musa, terpulang kepada Yang Berhormat Lim Guan Eng apa dasar dia hendak buat, faham? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan kononnya slogan 1Malaysia yang mula diterima oleh kebanyakan rakyat Malaysia dicemburui, dengki pemimpin-pemimpin pembangkang ini. Sehingga dikatakan 1Malaysia dicopet, diciplak daripada 1Israel. Dikatakan APCO menasihatkan Perdana Menteri sehingga wujudnya 1Malaysia. Kini, Yang Berhormat Permatang Pauh akan dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen berhubung dakwaan itu selepas Yang Berhormat Permatang Pauh, Dato' Seri Anwar Ibrahim gagal menunjukkan bukti yang kukuh untuk menguatkan dan menyokong dakwaannya itu selepas diberi tempoh seminggu untuk berbuat demikian.

Malah, APCO Worldwide iaitu perunding komunikasi antarabangsa yang beribu pejabat di Washington menafikan dakwaan Ketua Pembangkang tersebut. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, pembangkang sudah mula gelabah apabila Gagasan 1Malaysia semakin diterima rakyat dan menjadi sebutan orang ramai yang kini sudah menjadi gerakan massa pada peringkat akar umbi dan bukan lagi gagasan kerajaan semata-mata. Simbol 1Malaysia sudah menjadi sangat popular dalam kalangan badan korporat, badan sukarela juga sebagai simbol motif dalam bentuk pakaian. Sejak awal lagi, pelbagai tohmahan dilemparkan kononnya 1Malaysia ada bersamaan dengan konsep *Malaysian Malaysia* yang diperjuangkan DAP. Tuan Yang di-Pertua, adakah benar 1Malaysia sama dengan konsep yang dibawa oleh DAP, *Malaysian Malaysia*?...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon sedikit penjelasan!

Dato' Azian bin Osman: Nanti saya habiskan dahulu Yang Berhormat, boleh? Saya rasa semua orang faham. Malah pihak pembangkang pun faham 1Malaysia digarap, dihasilkan tetap berpaksi pada Perlembagaan Persekutuan kita. Ia tidak lari daripada segala peruntukan dalam Perlembagaan tetapi, *Median Malaysia, Malaysian Malaysia* lari daripada Perlembagaan. Sila.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Azian. Berkaitan dengan apa yang disebutkan mengenai perkaitan 1Malaysia tadi.

Pertamanya, saya ingin sebutlah di Dewan Negara ini. Kita sebut perbaiki keadaan apa yang ada supaya selepas Dewan Negara, segala apa yang kita bahaskan di sini akan sampai kepada Yang di-Pertuan Agong bukan akan dipulangkan kepada mana-mana pihak. Jadi biarlah kita *spend* masa untuk perbaiki keadaan lebih baik di sini.

Cumanya apabila disentuh tentang katanya tidak diperjelaskan oleh Ahli Parlimen Permatang Pauh itu, beliau telah perjelaskan bagaimana kaitan dan bagaimana hubung kaitnya antara APCO Worldwide bersama dengan *Minds Team* itu tentang kaitannya dalam hubungan membantu dan menasihati Kerajaan Malaysia secara dari luaran dan juga lebih khusus dari dalaman. Malah kita melihat jawapan diberikan juga telah disebut tentang kos pembayaran kepada syarikat yang diambil oleh Malaysia ini. Jadi, saya harapkan kita dapat lihat balik jawapan yang diberikan. Malah Ahli Parlimen Permatang Pauh dihadapkan ke Jawatankuasa itu bukan khusus, sama ada kita benar-benar terlibat dengan APCO ataupun tidak, tetapi tentang kerana diambil tindakan atas kes yang lain dalam isu sebenar.

■1230

Keduanya, saya ingin sebut 1Malaysia dengan tema yang diberikan bukan satu masalah, saya rasa kepada seluruh rakyat Malaysia kerana itu memang perkara yang sepatutnya dibawa oleh semua orang. Malah, saya harapkan 1Malaysia ini merupakan satu penerusan kepada Islam Hadhari yang dibawa sebelum ini supaya tidak ada *gap* yang sangat jauh dalam membangunkan Malaysia ke 2020. Harap mohon sedikit penjelasan.

Dato' Azian bin Osman: Dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, terima kasih banyak-banyak. Saya rasa Yang Berhormat pun memahami 1Malaysia dan saya rasa apa yang disebut di akhir itu, Yang Berhormat juga menerima 1Malaysia. Cuma Yang Berhormat mentafsirkan sebagai lanjutan daripada Islam Hadhari. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu APCO ini. Saya rasa kita berbalik kepada Hansard Parlimen di Dewan Rakyat. Kita akan dapat menilai jawapan yang diberikan. Jika saya hendak mengulas Hansard, begitu panjang, Yang Berhormat. Izinkan saya terus pada persoalan seterusnya ya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkukuhkan pembangunan ekonomi negara, polisi pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperkenalkan Program Transformasi Negara, Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Model Ekonomi Baru. Kalau kita lihat GTP yang dirancang dan dilaksanakan kerajaan sebenarnya yang menunjukkan betapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan kerajaan pimpinannya begitu komited dalam melaksanakan pembangunan negara berteraskan pada peningkatan kehidupan rakyat yang sejahtera, selamat serta bahagia. Dalam menghadapi pelbagai cabaran politik dan ekonomi, apa yang dapat dilihat, kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa mendahulukan rakyat dalam sebarang konsep pembangunan yang hendak dilaksanakan. Namun, hasrat memberikan kesejahteraan kepada rakyat melalui pembekuan pelan semata-mata dan pembinaan slogan yang dicanangkan gah semata-mata pasti tidak akan dapat membawa sebarang kebaikan.

Sebaiknya ialah, jika pelan yang dikaji dan dirancang serta dibukukan itu bersama tekad slogan bermula dilaksanakan dan kumpulan sasar mendapat nikmat sebenar pelaksanaannya. Sudah pasti itu yang ditunggu-tunggu oleh rakyat. Namun, melihat pada tekad dan muhasabah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam memastikan kerajaan pimpinannya berada di tempat yang unggul dan terus mendapat mandat rakyat, pastinya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi dan usahanya harus didokong oleh semua pihak.

Menteri dan pegawai-pegawainya serta sejumlah 1.2 juta orang penjawat awam sama ada berpangkat rendah mahupun dalam kategori pengurusan tertinggi harus memahami dan melaksanakan amanah Perdana Menteri kita dalam bentuk aplikasi yang membawa kebaikan kepada rakyat. Sepertimana yang dilaksanakan sekarang ialah NKRA menepati janji ketika berucap di majlis sambutan 100 hari pentadbirannya pada 11 Julai tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan enam teras NKRA dalam pencapaian menyeluruhnya.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, NKRA itu berpaksi pada usaha menjamin kesejahteraan rakyat iaitu mengurangkan jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses pendidikan bermutu, meningkatkan taraf hidup rakyat, memperkasa prasarana luar bandar dan menambah baik khidmat pengangkutan awam. Sebenarnya, konsep NKRA dan KPI dalam pentadbiran kerajaan bukan sesuatu yang rumit. Secara ringkas, kerajaan sebenarnya mahu menetapkan sasaran untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan ia boleh dinilai dari semasa ke semasa. Jadi, enam aspek penting ke arah itu dikenal pasti dan disenaraikan supaya NKRA mengandungi sasaran khusus dalam bentuk tempoh tertentu. Saya berpandangan bahawa KPI itu penting kerana ia akan membolehkan struktur prosedur dan proses dikemas kini bagi membolehkan seluruh sumber sesuatu organisasi digembleng ke arah sasaran NKRA.

Menyedari hakikat sistem NKRA dan KPI adalah satu peluasan daripada perincian inisiatif yang belum pernah ditampilkan sebelum ini, menjadi tanggungjawab semua pihak supaya memberikan komitmen penuh ke atas memastikan matlamat tercapai. Tidak terkecuali, Model Ekonomi Baru. Tidak senang untuk mewujudkan situasi ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang mana antara matlamatnya ialah mewujudkan isi rumah berpendapatan tinggi, membolehkan semua komuniti menikmati kekayaan negara sepenuhnya dan memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan generasi akan datang.

Inilah yang dimahukan kerajaan dalam melahirkan kualiti hidup rakyat. Inilah yang kita katakan transformasi negara. Transformasi yang ingin dibawa oleh Perdana Menteri telah banyak melaksanakan transformasi itu setelah menaikkan elaun dan gaji sektor pekerja seperti keselamatan, pos, doktor dan juga jururawat, pensyarah dan bahagian sokongan lain-lain. Saya juga mahukan, Tuan Yang di-Pertua, dikaji semula 60 ribu orang kakitangan awam berstatus kontrak. Mereka juga perlu diserapkan sebagai penjawat awam tetap.

Tuan Yang di-Pertua, ini soal penting kerana pandangan semua pihak perlu diperoleh sebelum ini dapat dilaksanakan sepenuhnya. Kita perlu memberikan peluang kepada semua pihak yang berkepentingan untuk memberikan pandangan sebaik ini bermula Oktober depan. Pandangan rakyat, ahli-ahli akademik, golongan profesional, agensi kerajaan serta sektor industri dan korporat penting sebagai satu rangka tindakan dapat dibentuk untuk melaksanakan Model Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kerana suara saya tidak keluar pada hari ini selepas hampir 16 hari bersama rakan-rakan lain berada di Hulu Selangor. Hanya berehat waktu tidur dan waktu solat untuk menangkis dakyah-dakyah, fitnah-fitnah yang dilemparkan kepada kita, Kerajaan Barisan Nasional. Macam-macam dakyah, macam-macam fitnah, gambar macam-macam keluar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh soal kualiti kehidupan di luar bandar. Titah Ucapan Tuanku ada menyentuh soal bagaimana hendak merapatkan jurang perbezaan pembangunan antara bandar dan luar bandar. Ini adalah persoalan pokok.

Dalam dunia hari ini, persoalan ini masih menjadi agenda utama dibahaskan, diberikan tumpuan oleh pemerintah-pemerintah dunia. Kita tidak terkecuali dengan negara-negara kita. Malaysia berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 58.7% pada tahun 1970 pada 7.1% pada tahun 2007 dan seterusnya, 2.0% pada tahun 2010.

Melihat pada statistik, jurang kemiskinan di negara ini sudah jauh berubah. Kita tidak mahu berlaku sebagaimana di Indonesia, contohnya serta di Jakarta yang mana sebanyak 4.29% iaitu berjumlah 379,600 orang hanya hidup dengan wang tidak melebihi Rupiah 10 ribu sehari bersamaan RM3 sehari dan berpendapatan purata hanya sekitar Rupiah 300 ribu atau RM50 sebulan. Ini menurut data yang diberikan oleh badan statistik negara tersebut tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat senario negara kita, transformasi adalah cukup pesat bermula dari tahun merdeka, tahun 1957, kerajaan telah melancarkan Buku Merah (*Red Book*) untuk menyelaraskan, merancang, memantau pembangunan luar bandar, mempergiatkan kemudahan asas serta pertanian berasas komoditi utama sebelum memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru yang menumpukan pertumbuhan ekuiti, usaha pembasmian kemiskinan secara bersungguh-sungguh, pembangunan tanah dan wilayah serta penyaluran bantuan percuma dan subsidi mulai tahun 1971. Ini boleh saya sifatkan sebagai transformasi pertama iaitu tahun 1957 hingga 1950.

Bagi transformasi kedua, pada tahun 1991 hingga tahun 2020, Dasar Pembangunan Negara memberikan fokus yang mana pertumbuhan seimbang, pembangunan sumber manusia menambah baik kualiti hidup serta Dasar Warisan Nasional menumpukan pembangunan mapan, pengurangan kemiskinan golongan berpendapatan rendah serta menjadikan luar bandar maju dan menarik serta fokus kepada kumpulan sasar khususnya dijadikan paksi pada kepimpinan negara betapa melihat kualiti kehidupan luar bandar terus dititikberatkan.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal membaiki kualiti kehidupan rakyat, saya melihat pada dua perkara yang boleh membantu untuk meningkatkan kualiti kehidupan luar bandar dan juga rakyat keseluruhannya. Pertama, soal pelajaran. Pelajaran penting untuk memacu negara, penting untuk menyatukan tenaga kerja berdaya saing kerana kualiti pendidikan mempunyai kepentingan langsung dalam pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka panjang. Dalam tempoh berkenaan, kejayaan juga dicapai apabila kadar literasi dewasa adalah sebanyak 92% manakala kadar penyertaan peringkat rendah pula berada pada tahap universal.

Merujuk pada statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 1980, penduduk antara umur 10 tahun hingga 64 tahun di kawasan bandar, kadar literasinya adalah 88% dan luar bandar pada kadar 76%. Pada tahun 2000, bandar pada kadar 96.1% dan luar bandar adalah pada kadar 89.1% dan sekarang pada tahun 2010, di bandar kira-kira 98% manakala luar bandar kira-kira 92%.

Kalau kita lihat perangkaan pada tahun 2008 bagi kumpulan pelajar sekolah rendah, perangkaan menunjukkan 54,000 orang pelajar Tahun 1 anggaran 13% daripada jumlah pelajar Tahun 1 tidak menguasai kemahiran literasi dan 113,000 atau 24% daripada pelajar Tahun 4 tidak menguasai kemahiran literasi ditetapkan. Saya amat berharap dan prihatin akan masalah pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai 3M iaitu membaca, menulis dan mengira ini perlu diberikan lebih tumpuan. Saya hendak tahu bagaimana pelaksanaan dan perancangan strategik di bawah program literasi dan numerasi iaitu 'Numas'...?

Di samping itu, saya melihat kegagalan atau ketidakupayaan murid sekolah rendah menguasai kemahiran asas 3M adalah antara cabaran getir dunia pendidikan hari ini. Biarpun sukar mengenal pasti angka sebenar murid yang dikategorikan bermasalah itu, ramai pakar pendidikan bimbang implikasi yang boleh menyebabkan mereka hilang minat ke sekolah...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi laluan. Kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat sekejap tadi berhubung dengan ketidakjayaan atau kegagalan pelajaran dan pendidikan anak-anak kita yang tidak dapat menguasai sesetengah mata pelajaran tertentu menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena di dalam sistem pelajaran kita. Adakah pada pertimbangan Yang Berhormat sudah sampai masanya sistem pendidikan kita mestilah secara keseluruhannya sepatah bahasa Inggerisnya di *overhaul* ataupun dikaji semula? Ini kerana saya rasa sistem pelajaran yang kita ikuti sekarang walaupun pada suatu masa dahulu pernah memberikan hasil yang begitu baik kepada kita sudah tidak sesuai apatah lagi apabila kita bercakap berhubung dengan transformasi Malaysia ini sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat. Sistem pendidikan yang diamalkan ini sudah ditambah baik beberapa kali. Pada saya, ia tidak gagal tetapi tidak ada satu sistem yang sempurna, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan di sini ialah penambahbaikan perlu dibuat.

Saya ingin mengaitkan antara punca-punca kemiskinan di luar bandar, dalam bandar adalah antara lainnya kerana pendidikan dan pelajaran. Ada antara murid-murid kita masih lagi tidak cekap. Jumlahnya mungkin besar dan peratusannya itu dilihat tidaklah begitu boleh kita sebutkan atau kita andaikan Kementerian Pelajaran kita gagal. Saya akan mengulas sebentar lagi bentuk penambahbaikan yang perlu dibuat. Manakala untuk *overhaul* keseluruhan sistem itu, saya lihat, pada pandangan saya tidak perlu kerana sistem kita sudah cukup baik berbanding dengan negara lain, cuma perlu ditambah baik di satu sudut dalam kaedah pembelajaran kepada anak-anak murid. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Tuan Yang di-Pertua, jika kelemahan murid menguasai 3M ini tidak diatasi sejak Tahun 1, masalah itu akan berlarutan kepada mereka di Tahun 2 dan seterusnya. Di manakah silap atau apakah kekurangannya? Dalam membetulkan keadaan, tidak dinafikan banyak usaha dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi masalah penguasaan 3M ini dalam kalangan murid. Akan tetapi, apakah dengan mengadakan kelas pemulihan, kelas khas untuk kanak-kanak istimewa, latihan guru berpendidikan khas, peluasan kempen membaca dan penempatan kaunselor di setiap sekolah sebenarnya satu kaedah yang terbaik.

Saya memahami keberkesanan pelaksanaannya tidak menyeluruh ataupun mampu memberi perubahan besar terhadap perkembangan penguasaan 3M dalam kalangan terbabit tetapi pada sesetengah keadaan, kurangnya komitmen pengurusan sekolah antara penyebab pendidikan murid yang tergolong dalam kategori ini gagal mencapai matlamat.

Tuan Yang di-Pertua, ini pengalaman saya sendiri di kawasan saya dalam Bandar Ipoh Timur. Ada murid di sekolah-sekolah yang tidak boleh lagi membaca, ada yang tidak cekap lagi membaca. Apabila kita berbincang dengan guru-guru akhirnya kesimpulan yang dibuat oleh pihak guru ialah faktor keturunan. Satu jalan keluar yang cukup mudah. Murid ini tidak boleh membaca kerana keturunannya tidak boleh membaca disebabkan ibu bapanya memang daripada golongan *average*, dengan izin daripada segi daya pemikiran. Ini saya maksudkan tadi komitmen daripada pihak tenaga pengajar kita perlu dipertingkatkan dan tidak menyerah kalah dengan begitu mudah. Apabila kita ada penyakit kencing manis contohnya, berjumpa dengan doktor, kita menyerah kalah kerana keturunan kita ada kencing manis. Begitu juga dengan pembentukan minda anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyisihkan murid terbabit daripada mengikuti pendidikan seperti rakan-rakan lain hanya akan menyulitkan langkah mengatasi masalah mereka kemudian hari. Ada juga yang menegaskan kepentingan peranan ibu bapa dalam membantu anak menguasai kemahiran asas berkenaan. Namun, ia tetap tidak membebaskan guru daripada membantu murid yang lemah itu. Berdasarkan kajian sebelum ini, keperluan langkah penyaringan dan pengesanan awal murid yang belum menguasai 3M penting bagi mengenal pasti pelaksanaan program pemulihan bersesuaian dengan mereka. Langkah awal itu membolehkan murid dikelompokkan berdasarkan punca sebenar kelemahan mereka menguasai 3M sama ada akibat persekitaran, pemakanan atau kesihatan.

Untuk maklumat Dewan Negara yang mulia ini, pemerhatian mendapati murid lemah 3M boleh dikelompokkan pada lima kategori iaitu anak Orang Asli, kanak-kanak istimewa atau pendidikan khas, murid yang menghadapi masalah psikologi, kanak-kanak terbiar yang sememangnya berketurunan tidak boleh membaca atau dungu. Inilah kategori yang keenam yang selalu diberi alasan oleh pihak tenaga pengajar. Setiap kelompok murid terbabit memerlukan kaedah pengajaran dan pembelajaran berbeza bagi memastikan kelemahan pembelajaran mereka dapat diatasi secara berperingkat.

Pencarian kaedah P&P atau pengajaran dan pembelajaran ini mengikut kelompok perlu ditekankan oleh Kementerian Pelajaran kerana jika dilaksanakan secara tunggal, ia tidak boleh diguna atau diaplikasikan kepada semua murid yang gagal menguasai 3M. Keadaan ini wajar dikaji semula pada peringkat akar umbi dengan merujuk faktor yang mempengaruhi masalah penguasaan 3M dan setiap kelompok murid terbabit sebelum menentukan kaedah P&P yang tepat dan bersesuaian. Dalam kes anak Orang Asli contohnya, kesukaran memberi fokus pada apa yang diajar menyebabkan mereka gagal menguasai 3M. Hubungan atau pemikiran dengan pergerakan mata agak lambat berikutan wujudnya gangguan yang menjejaskan fokus mereka terhadap pembelajaran.

Bagi menanganinya, penggunaan alat muzik dalam proses P&P disifatkan antara kaedah sesuai untuk meningkatkan penguasaan kemahiran asas dalam kalangan Orang Asli. Ini kerana mereka amat peka terhadap deria pendengaran. Oleh itu, alat muzik adalah perantara sesuai digunakan oleh guru bagi menarik tumpuan kelompok murid masyarakat itu terhadap pengajaran. Malah banyak kajian luar negara membuktikan penggunaan alat muzik mengikut etnik atau budaya berjaya membangunkan kemahiran 3M dalam kalangan murid sekolah.

■1250

Bagi kes murid istimewa atau pendidikan khas, kepekaan ibu bapa terhadap proses perkembangan anak dituntut bagi membolehkan kelemahan mereka dikesan sejak awal.

Murid disleksia antara kelompok murid yang gagal menguasai 3M. Ini disebabkan pengetahuan ibu bapa yang rendah mengetahui penyakit ini menyebabkan masalah berkenaan tidak dipandang serius.

Malah ramai ibu bapa termasuk golongan profesional cuba menafikan anak mereka bermasalah berkenaan hingga merasakan tidak perlu dibantu. Murid disleksia membuat sesuatu dengan pandangan berbeza berkaitan pembelajaran sebagai contoh mereka tidak dapat diajar abjad dengan cepat kerana huruf yang akan ditinggalkan disebabkan pemikiran tidak dapat membaca huruf berkenaan.

Dalam kes ini Tuan Yang di-Pertua, anak saya juga seorang disleksia. Malangnya ramai para guru kita tidak tahu apa ia disleksia. Ini pengalaman saya sendiri. Mereka tidak tahu apa disleksia. Jadi, contoh kepada anak saya ini, dia tidak boleh membezakan antara 'b' dengan 'd', 'a' dengan 'c'. Jadi, apabila guru ini tidak faham, guru ini sentiasa memarahi anak-anak murid ini hingga kadangkala menyebabkan mereka tidak minat pergi ke sekolah. Maksud saya, guru-guru juga mesti di samping diberikan teknik-teknik mengajar, mereka juga perlu diberikan jenis-jenis atau faktor-faktor yang ada seperti disleksia dan sebagainya. Kita terangkan kepada mereka untuk memahami apa ia disleksia, apa dia faktor keturunan dan sebagainya. Dalam usaha menangani masalah ini, kaedah P&P haruslah lebih khusus atau perlu dipraktikkan guru yang mahir mengenainya. Selain guru dan murid, keberkesanan program pemulihan ini memerlukan kerjasama dan pengemblengan tenaga semua pihak termasuk sekolah dan ibu bapa.

Apa yang penting, pelaksanaan tindakan agresif menangani masalah penguasaan 3M dalam kalangan murid ini sepatutnya dimulakan sejak awal lagi, bukan pada peringkat mereka sudah terlalu jauh tercicir. Di bawah NKRA sendiri pun saya difahamkan sebanyak RM30 juta diperuntukkan oleh kerajaan bagi meningkatkan kadar literasi dan numerasi membabitkan murid Tahun 1.

Kita sedia maklum bahawa menerusi pelajaran maka seseorang pelajar itu boleh mengubah nasibnya sendiri serta keluarganya. Ini sudah terbukti dan kita sendiri telah membuktikan yang pelajaran adalah jambatan pada pengurangan kadar kemiskinan dan meningkatkan kualiti kehidupan terutama di kawasan luar bandar. Contoh terbaik Tuan Yang di-Pertua, ramai di dalam Dewan ini termasuk diri saya sendiri. Jika tidak ada saya diberikan peluang belajar, saya tidak diberikan ruang untuk belajar oleh dasar-dasar yang diberikan oleh pentadbir kerajaan kita Barisan Nasional, saya rasa saya sendiri tidak boleh keluar daripada kelompok-kelompok kemiskinan yang melanda keluarga saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang hendak saya sebutkan adalah soal infrastruktur asas luar bandar. Pada masa ini secara purata kira-kira 35% rakyat negara ini menetap di kawasan luar bandar. Namun angka ini berbeza di setiap negeri dengan ada negeri mencatat 70% penduduk yang menetap di kawasan berkenaan. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk melanjutkan RM18 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi meningkatkan kemudahan asas luar bandar khususnya rangkaian jalanraya, perumahan, bekalan elektrik dan air bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar tidak terus terpinggir daripada kemajuan.

Sebenarnya hubungan bandar dan luar bandar tidak boleh terlalu jurang. Kalau kita terlalu menumpukan di kawasan bandar dan berlaku repihan demokrasi atau kadar penduduk yang terlalu tinggi, ia akan menimbulkan ketidaksenangan daripada pelbagai sudut. Trend masa kita ini memperlihatkan kawasan luar bandar telah dikenal pasti dijadikan kawasan lokasi strategik penempatan, ekonomi dan perniagaan.

Di Selangor contohnya, kalau dahulu kawasan Hulu Langat dianggap luar bandar tetapi kini tidak lagi. Ini kerana ia sekarang dikatakan rantaian ekonomi pinggiran bandar yang sering menjadi tumpuan perumahan, perdagangan dan komersial yang semakin mendapat tempat.

Kita harus tahu bahawa semangat masyarakat luar bandar adalah penyebab pembangunan negara begitu besar meskipun kawasan berkenaan sering kali dikaitkan dengan isu kemunduran, kemiskinan dan dibelenggu oleh pengangguran. Namun, daripada segi sejarah, pendapatan ekonomi negara sebenarnya bergantung pada hasil kampung seperti menerusi industri pengeluaran getah dan juga kelapa sawit. Kecemerlangan Malaysia pada pentas global sebagai antara gergasi dalam pengeluaran komoditi getah dan kelapa sawit juga sebenarnya disokong kuat oleh masyarakat luar bandar yang meliputi kira-kira 35% daripada keseluruhan penduduk di negara ini.

Justeru itu, saya amat berharap supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bertanggungjawab melaksanakan penambahbaikan kemudahan asas terutamanya bekalan air, elektrik dan jalanraya supaya rakyat di negara ini mendapat akses seimbang serta tidak ketinggalan jauh dengan masyarakat bandar. Saya percaya dan yakin pencapaian memberangsangkan disaksikan ketara daripada segi kemudahan asas masyarakat luar bandar. Kalau kita lihat sebelum merdeka, di Semenanjung Malaysia, kemudahan asas bekalan air dan elektrik serta jalanraya masih tidak sempurna tetapi sekarang sudah jauh berubah.

Berdasarkan maklumat yang saya ada, di Semenanjung Malaysia sudah mempunyai kadar 99% liputan bekalan elektrik manakala di Sabah 77% dan di Sarawak 67%. Jika dilihat daripada segi statistik sepanjang tahun 2006 hingga tahun 2008 menunjukkan lebih 220 kilometer jalanraya dibina atau dinaikkan taraf, 10,000 isi rumah mendapat manfaat bekalan elektrik, 18,000 rumah dibekalkan dengan air bersih atau air dirawat dan 7,000 buah rumah golongan miskin di luar bandar dibina atau dibaikpulih.

Saya amat berharap jika mengikut perancangan kementerian menjelang tahun 2012, kerajaan dikatakan akan membina lebih 7,000 kilometer jalanraya baru dan dinaikkan taraf jalanraya yang ada, berminat membaik pulih 50,000 buah rumah bagi golongan miskin, bekalan elektrik pada 140,000 isi rumah dan menyalurkan air bersih atau dirawat kepada 360,000 isi rumah.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah. Terima kasih sahabat saya kerana memberikan peluang untuk saya mencelah. Saya tertarik hati tentang bekalan air ini kerana masalah air adalah salah satu masalah besar dunia selain daripada masalah kemiskinan dan kekurangan makanan Yang Berhormat, ya.

Mengikut data yang saya terbaca, kira-kira dua pertiga penduduk dunia terutamanya dalam kalangan negara membangun tidak mempunyai akses pada air bersih. Dalam pada itu di Amerika Syarikat menggunakan air paling tinggi sekali per kapita iaitu 600 liter sehari dan di UK 150 liter sehari hanya untuk mengepam tandas. Dalam kalangan orang miskin hanya mendapat air 20 liter sehari.

Soalannya, apabila kita datang ke Malaysia, daripada segi jangka panjang kerana kita mempunyai putaran bekalan air yang terhad iaitu kira-kira 900,000 juta liter air yang ada kerana daripada segi fizik, *matters cannot be destroyed*.

Daripada segi jangka panjang, apakah yang sedang dirancang oleh kerajaan supaya penggunaan air di Malaysia ini akan mampan dapat memenuhi keperluan kita bukan sahaja untuk sepuluh tahun akan datang malah seratus tahun akan datang? Ini kerana mengikut unjuran cara kita menggunakan air sekarang dan cara kita *tapping the water* daripada apa yang sedia ada akan menjurus pada kekurangan bekalan air untuk penduduk. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha kerajaan ke arah mengatasi potensi besar masalah ini? Terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih kepada sahabat saya yang mendahului saya. Sebenarnya itulah antara soalan yang... *[Ketawa]* Saya juga akan membuka soalan yang sama kepada pihak kerajaan. Apakah tindakan kerajaan yang akan dibuat? Jadi, saya masukkan soalan dan pandangan Yang Berhormat itu sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara yang disebutkan tadi iaitu melalui penambahbaikan kaedah pendidikan kita yang ada, kaedah sistem pendidikan dan pelajaran, pengajaran dan pembelajaran, menaikkan taraf infrastruktur di luar bandar yang berhubung ke bandar, saya yakin, kualiti hidup rakyat kita di luar bandar dan di bandar sebagaimana yang telah dititahkan oleh Tuanku akan dapat dicapai, akan dapat ditingkatkan lagi seperti sebelum ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Boleh sambung nanti pada pukul 2.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Mesyuarat sudah cukup. Mesyuarat akan ditangguhkan dan akan disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

▪ 1430

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta Dato' Azian bin Osman membuat sambungan ucapan beliau. Dipersilakan.

2.33 ptg.

Dato' Azian bin Osman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyambung ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga yang ingin saya sebutkan pada petang ini adalah peranan FELDA dalam mengurangkan kadar kemiskinan dan berjaya meningkatkan kualiti hidup di luar bandar. FELDA satu ketika dahulu begitu sinonim dengan kehidupan peneroka yang terbabit dengan pembukaan tanah dan ladang tetapi kini ia sudah jauh berubah dengan wajah yang lebih berdaya maju.

Malah, langkah yang dimulakan oleh bekas Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak lebih 50 tahun dahulu terus laju tanpa membelakangkan usaha membela peneroka di FELDA seluruh negara. Kini saya kira FELDA boleh berbangga dengan pelbagai pencapaian yang digerakkan dan diteruskan oleh Perdana Menteri sekarang. Perdana Menteri juga turut menumpukan khusus untuk FELDA bagi memastikan masyarakat di situ terus terbela selari dengan usaha ayahanda beliau.

Malah, dengan kemampuan, kepimpinan yang aktif, inovatif serta berdaya maju menjadikan FELDA boleh berbangga dengan pembinaan bangunan FELDA 20 tingkat yang unik di kawasan segi tiga emas di Kuala Lumpur.

Ia boleh diibaratkan sebagai impian menjadi kenyataan, yang sebenarnya sama sekali tidak boleh dielakkan daripada membicarakan tugas besar dan penuh bermakna yang diusahakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bak kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jika generasi pertama membuka ladang, membuka tanah, generasi kedua pula membuka minda. Minda masyarakat dan pengurusan FELDA juga perlu terdedah pada pemikiran baru dan bersedia meniti arus perubahan dengan menambahkan keilmuan dan aplikasi teknologi dalam semua aspek. Ia membabitkan sama ada meningkatkan ilmu daripada segi penanaman, menambahkan produktiviti atau pada operasi hiliran pada peringkat global atau antarabangsa.

Kita seharusnya berterima kasih kerana FELDA telah berjaya mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk luar bandar. Bermula tahun 1979, FELDA telah menetapkan jaminan pendapatan minimum sebanyak RM350 yang mana tambahan akan diberikan jika peneroka memperoleh pendapatan kurang daripada paras rendah itu tetapi, sekarang dan sejak tahun 2008, FELDA telah membuat keputusan untuk menetapkan pendapatan minimum RM1,000 sebulan. Ini diambil kira pemberian musim perayaan seperti Aidilfitri yang diberikan kepada peneroka sejak tahun 2003 bertujuan membantu meringankan beban peneroka pada kadar RM200 hingga RM400 seorang di samping bonus insentif, produktiviti dan pewujudan Koperasi Permodalan FELDA Berhad.

Saya juga melihat peneroka FELDA ini bukan setakat menumpukan pada kerja ladang tetapi mereka ini juga memperoleh pendapatan bukan ladang di tanah rancangan masing-masing. Ada antara mereka yang mengusahakan ternakan lembu, kambing, ikan dan sayur-sayuran yang dibantu di bawah Skim Insentif Usahawan FELDA yang mana tabung pusingan yang disediakan adalah sebanyak RM50 juta. Hasil daripada itu, kegiatan usahawan ini telah menjana pendapatan purata tambahan berjumlah RM2,022 sebulan. Ini satu pencapaian yang cukup baik di kawasan luar bandar dan ia telah terbukti berjaya. Saya cabar pihak pembangkang yang memerintah negeri Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Kelantan. Sila tunjukkan kejayaan atau bukti sebagaimana yang ditunjukkan oleh FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Tuanku ada menyentuh soal usaha membangunkan generasi baru ataupun generasi kedua. Generasi kedua FELDA kini patut bersyukur kerana kemudahan yang disediakan dan bukan bertujuan memanjakan tetapi memartabatkan generasi baru, anak peneroka yang mewarisi kegigihan ibu bapa mereka. Saya melihat FELDA memperuntukkan RM1 juta bagi mewujudkan pelbagai kemudahan dan kursus berfaedah kepada mereka. Hampir 40 hingga 50 kursus merangkumi automatif, perhotelan, sehinggalah perniagaan disediakan untuk generasi baru FELDA. Kini, FELDA turut menyediakan biasiswa untuk anak peneroka. Ada antara mereka yang mengikuti kursus penerbangan dan kini berkhidmat sebagai juruterbang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa masih ada yang tidak berpuas hati dengan aliran pembangunan FELDA yang semata-mata untuk membantu masyarakat generasi peneroka malah lebih teruk lagi pihak pembangkang yang sudah ketandusan idea mula mencetuskan kecelaruan minda dalam kalangan generasi kedua, anak-anak peneroka FELDA.

Di sini saya mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengundi-pengundi Hulu Selangor sekali lagi, kepada pengundi-pengundi

yang berada di FELDA kerana terus menyokong Barisan Nasional. Walaupun di kawasan-kawasan FELDA kita ditekan begitu sekali, diserang begitu sekali, yang membawakan satu usaha untuk mencabut segala jasa-jasa kerajaan terhadap peneroka FELDA dan generasi-generasi mereka. *Alhamdulillah*, sokongan diberikan kepada kita masih kental. Peneroka-peneroka FELDA masih mengengang jasa yang telah dicurahkan oleh kerajaan selama ini.

Saya juga ingin menyentuh dan tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berbahagia Dato' Zaid Ibrahim mengenai SPRM tidak telus dan adil. Saya terbaca tadi dalam surat khabar, komen Dato' Zaid apabila dia kalah. Biasalah, apabila mereka menang, mereka kata mereka hebat. Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka kalah, mereka kata orang lain salah..., SPRM, kerajaan dan sebagainya tidak telus, tidak adil, sistem pilihan raya kita tidak adil.

■1440

Jadi saya ingin menyebut jika kita tidak adil, sistem kita tidak adil, yang lama tidak adil, bagaimana mereka boleh menang di banyak tempat sebelum ini. Bagaimana mereka boleh menang, terus menang di Kelantan, terus menang dan menang pada tahun 2008 di Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor? Dalam pilihan raya kecil, mereka menang sebelum ini di banyak tempat. Apa komen mereka? SPRM tidak adil, sistem pilihan raya kita tidak telus, sistem pilihan raya kita tidak adil. Inilah dia yang dikatakan kalau kita tidak pandai menari jangan dikatakan pentas itu tidak rata.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat statistik FELDA tahun 2009, seramai 2,380 generasi baru berjaya dalam bidang masing-masing. Contohnya, program Usahawan Tunas Mekar yang dikelolakan oleh FELDA bersama dengan Universiti Teknologi MARA banyak melahirkan usahawan generasi kedua lepasan ijazah dan diploma yang gagal mendapat pekerjaan diberikan latihan, modal malah selepas tamat latihan sekalipun mereka masih diberi peluang untuk meningkatkan perniagaan mereka.

Pada tahun lalu, FELDA memperuntukkan RM128 juta untuk pembangunan dua FELDA merangkumi pendidikan, latihan, kemahiran, jati diri, kemudahan persatuan belia, kemudahan rumah dan pembangunan usahawan. Saya mendapat maklum bahawa lepasan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia yang tidak berjaya ke institusi pengajian tinggi, FELDA mewujudkan skim kursus kemahiran seperti bengkel jahitan, automotif, membaiki komputer dan juga katering. Ini bermakna, FELDA melaksanakan pelbagai aktiviti untuk belia termasuk motivasi dan sukan dan diselitkan hiburan bagi menarik belia menyertai kegiatan berfaedah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menetapkan lima teras untuk penambahbaikan FELDA. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu gigih dalam usaha untuk menambah baik, meningkatkan lagi kehidupan peneroka-peneroka FELDA dalam ucapan beliau semasa Perayaan 50 Tahun FELDA yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih pada soal jenayah. Dalam Titah Ucapan Tuanku turut menyentuh pembanterasan jenayah. Kita semua tahu masalah jenayah bukan masalah bermusim tetapi ia berlaku secara berterusan. Ini bermakna, kita tidak perlu berkompromi mengenai jenayah atau leka walau sesaat pun. Masyarakat negara ini pun sedar bahawa permasalahan penyalahgunaan dadah, mat rempit dan jenayah dikesan setiap hari.

Saya percaya bahawa Polis Diraja Malaysia sendiri sentiasa bergerak selari dengan arus perdana dan bersedia memberi sokongan sepenuhnya ke atas

segala usaha kerajaan dalam mempertingkatkan kemakmuran negara dan menaikkan taraf hidup rakyat. Sememangnya banyak program dan projek yang dijalankan oleh PDRM adalah pengurus pada transformasi PDRM sejajar dengan program transformasi kerajaan. Sehubungan itu, pengumuman inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menetapkan sasaran mengurangkan 20% kadar jenayah jalanan menjelang akhir tahun 2010 dan juga menurunkan sebanyak 5% kadar indeks jenayah juga adalah menjadi matlamat kerajaan.

Kalau kita lihat daripada ekoran pengumuman NKRA bagi membanteras jenayah, pada 4 Ogos 2009 kadar jenayah semasa telah menunjukkan penurunan. Perbandingan indeks jenayah seluruh Malaysia bagi bulan Januari-Februari 2010 dengan tempoh yang sama pada tahun 2009 menunjukkan penurunan sebanyak 13.9%. Dalam pada itu, perbandingan kadar jenayah jalanan dalam tempoh masa yang sama juga telah menurun, menunjukkan penurunan sebanyak 12.4%.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat ada 29 daripada 55 inisiatif NKRA dalam memerangi jenayah yang dikendalikan oleh PDRM termasuk kepolisan berprofil tinggi iaitu penempatan pegawai-pegawai kanan polis menjalankan tugas "*walkabout, stop and talk, dan meet and greet*", dengan izin, dengan orang awam dalam masa yang ditetapkan secara sistematik telah pun memberi kesan secara positif kepada orang awam. Saya juga mendapat tahu di bawah inisiatif NKRA juga sebanyak 90 buah balai polis bergerak telah diluluskan untuk kegunaan di *hot spot*, dengan izin, 30 buah dalam bentuk bas mini dan 60 buah dalam bentuk van.

Dalam minggu pertama 2010 lalu, saya melihat pasukan PDRM telah mendapat kerjasama serta sokongan daripada 3,721 orang sukarelawan terlatih yang terdiri daripada 729 orang anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, 2,923 orang Ikatan Relawan Rakyat (RELA) yang telah disubkan sebagai PDR Polis Sukarelawan bagi membantu PDRM menjalankan tugas-tugas rondaan jenayah setempat.

Saya mengalu-alukan perkembangan positif ini tetapi masyarakat masih lagi melahirkan kebimbangan yang tinggi kerana penjenayah sekarang semakin berani (*daring*), semakin ganas (*brutal*) atau semakin melampau (*extreme*). Kalau kita lihat kes seperti yang dilaporkan pada 10 April lalu dalam *Utusan Malaysia*, seorang wanita terpaksa memanjat pagar rumah jirannya semata-mata untuk menyelamatkan diri daripada serangan seorang peragut ganas yang nekad menjejarnya sehingga ke dalam kawasan rumah. Kejadian berlaku kira-kira jam 7 pagi. Mangsanya bernama Mary Rose A/P Joseph James, 63 tahun, dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Taman Mutiara, Jinjang selepas *berjogging*.

Satu lagi contoh kes dilaporkan dalam media pada 17 Mac lalu - tiga orang lelaki bersenjatakan parang melarikan wang tunai dan barangan kemas bernilai RM57,000 dari sebuah butik perkahwinan di Bukit Katil, Melaka. Dalam kejadian tersebut pada pukul 9 pagi itu, tiga orang lelaki berusia 30-an hingga 50-an bukan sahaja menyamun barang berharga pemilik butik tersebut, Salina Shaari 45 tahun, malah turut menolaknya hingga terjatuh di tangga kedainya. Ini hanya contoh-contoh yang sedikit tetapi masalah-masalah seperti inilah yang menggusarkan masyarakat setempat terutama di kawasan yang kepadatan penduduknya tinggi. Saya tidak tahu sejauh manakah keberkesanan balai-balai polis komuniti yang ditempatkan di kawasan kediaman, rumah kedai, dan zon perniagaan.

Kalau kita lihat pada awal penubuhannya pada Mac 2008, sebanyak 60 buah balai-balai polis komuniti yang diberikan peruntukan awal sejumlah RM80

juta di empat negeri yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Sekarang kita hendak tahu keberkesanan hasil daripada penubuhan balai-balai polis komuniti ini terhadap usaha memerangi jenayah setempat. Pada fahaman saya, ini adalah penambahan balai yang mesra rakyat berbanding balai polis sedia ada berjumlah 754 buah di seluruh negara. Seharusnya, dengan kewujudan balai-balai polis komuniti ini, masyarakat tidak seharusnya gusar atau bimbang tetapi makluman yang diterima, anggota-anggota ataupun ketua balai polis komuniti ini tidak mesra, kurang kerap turun berjumpa dengan penduduk setempat. Setidak-tidaknya pegawai atau anggota polis berjumpalah secara kerap dengan pengurusan Rukun Tetangga, RELA ataupun penduduk setempat. Jadi, kita pohon penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan perkara ini.

Saya juga mencadangkan supaya anggota polis yang bertugas di balai-balai polis komuniti, pergilah meronda dan melawat rumah ke rumah. Kita tidak mahu balai polis komuniti yang statik. Malah saya melihat ada sesetengah balai polis komuniti menjadi tempat atau gudang menyimpan motosikal curi sahaja. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di Bandar Tun Hussein Onn di Zon Suakasih, lambakan motosikal curi ini, kira-kira 50 buah motosikal tidak memberi keselesaan kepada penduduk di situ. Apatah lagi ia bersebelahan dengan sekolah agama di situ. Jadi, pohon pihak pengurusan polis daerah melihat perkara-perkara seperti ini. Malahan saya juga mendapat maklum ada sewa premis balai polis komuniti di premis perniagaan yang banyak tertunggak.

Jadi, saya hendak tahu, sejauh manakah permasalahan ini dan setakat mana bersedia membayar sewa premis supaya nanti rakyat tidak memandang serong ke atas tahap profesionalisme pasukan polis sendiri.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh setahun dua ini, kita sentiasa dihidangkan apabila kita sibuk dengan pilihan raya di Hulu Selangor barulah berita ini agak sepi sedikit tetapi, sebelum itu tajuk-tajuk utama di akhbar-akhbar tempatan ialah masalah buang bayi. Boleh dikatakan dihidangkan dalam seminggu dua kali atau tiga kali masalah yang sama disiarkan oleh surat khabar atau media-media yang lain. Jadi di sini, saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah ini. Tuan Yang di-Pertua, kerja membuang bayi ini adalah kerja yang tidak berperikemanusiaan, tetapi mana silap dan salahnya.

Ini persoalan yang penting kerana kita tidak lagi hidup pada zaman jahiliah tetapi sekarang ini kita dipandukan dengan agama. Agama kita Islam sendiri memandang serius terhadap perbuatan membuang bayi dan ia merupakan satu kerja yang tidak bertamadun, apatah lagi ajaran-ajaran agama lain juga saya percaya menolak perbuatan sebegini. Masalah sosial sebegini memerlukan keprihatinan segenap lapisan masyarakat. Gejala membuang bayi ini sebenarnya satu isyarat atau signal yang tercetus hasil daripada keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan masyarakat terutamanya generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya hendak bertanya. Panjang lagi kah agaknya?

Dato' Azian bin Osman: Kalau diizinkan lebih kurang dua jam lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Begini. Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hanya ada tiga hari sahaja untuk membahaskan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kalau boleh, sebagai pencadang, saya cadangkan kalau boleh Yang Berhormat ringkaskan

sedikit kerana jumlah masa..., saya rasa semua hendak bercakap. Senang saya buat satu pendekatan untuk *be fair to everybody* dalam Dewan ini. Kalau boleh Yang Berhormat, saya bagi dalam 10 minit lagi, boleh? Silakan.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 10 minit...

Tuan Yang di-Pertua: Saya dapat maklum tadi bahawa Yang Berhormat sudah bercakap satu jam, bukan? Pada sesi pagi tadi sebelum kita rehat, makan tengah hari. Kalau boleh Yang Berhormat selaku pencadang, agaknya bercakap dalam masa satu jam setengah ataupun lebih-lebih dua jam. Selepas itu saya rasa kita hendak bahagi-bahagi masa itu kerana kita ada tiga hari sahaja untuk membahaskan Titah Diraja ini. Sila teruskan.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin menyentuh sedikit - kadang kala kita tidak diberi panduan di dalam perkara ini. Jadi, kadang kala kita membuat *preparation* ini bukannya mudah, memerlukan data dan sebagainya tetapi saya akur. Lain kali sebagai... Saya rasa diberikanlah panduan kepada kita, pencadang dan sebagainya. Sebelum ini saya tidak diberi panduan berapa jam sepatutnya saya berucap...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Selepas ini, saya akan buat dan beri panduan.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ingin menyentuh dua perkara Tuan Yang di-Pertua, atas 10 minit ini. Saya cuba. Kita telah membicarakan tentang masalah-masalah - banyak sebenarnya masalah sosial yang saya sentuh, cadangan dan sebagainya tetapi saya akur dengan masa yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin menyambung pada kewujudan masalah ini, cara menanganinya, masalah sosial yang kita hadapi dan saya melihat dalam masalah yang kita hadapi sekarang, paling lemah kita adalah kaunseling. Masalah kaunseling kita kepada masyarakat atau individu yang menghadapi tekanan hidup sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita hidup bermasyarakat, tanpa kita sedari, ia telah mewujudkan satu suasana pengurusan hidup masyarakat. Kita melihat suasana hidup masyarakat adalah harmoni. Di samping itu juga, ramai rakyat kita yang tertekan dengan suasana yang berubah sekarang. Di sini saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkaitan. Sejauh manakah keberkesanan kaedah-kaedah kaunseling yang wujud dalam negara ini? Contohnya di sekolah-sekolah, berapa ramai kaunselor yang telah diwujudkan untuk setiap murid; berapakah kadarnya? Seratus orang murid, berapakah kaunselor, contohnya. Ini kerana saya lihat, kaunselor ada diwujudkan di sekolah-sekolah tetapi tidak mencukupi malah kualitinya pun tidak ada. Maksud saya bukan mereka yang pakar untuk di sekolah-sekolah.

Begitu juga dengan institusi-institusi yang lain seperti kilang-kilang yang melibatkan ramai pekerja sama ada dalam atau luar negara. Adakah setiap kilang diwajibkan untuk mewujudkan kaunseling mereka? Begitu juga dengan syarikat-syarikat besar yang mempunyai ribuan orang pekerja. Adakah wujud kaunselor-kaunselor yang berkemahiran untuk memberikan kaunseling kepada pekerja-pekerja yang bermasalah akibat tekanan dengan kerja atau lain-lain?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang ekonomi inovasi. Negara-negara di dunia dalam abad 21 hanya akan lebih maju sekiranya sesebuah negara itu memberikan keutamaan yang tinggi pada inovasi. Ekonomi inovasi merupakan hala tuju baru, tidak lagi bergantung pada gabungan modal

dan bahan mentah. Ekonomi inovasi berasaskan akses pada inovasi yang radikal. Ekonomi inovasi merupakan penyumbang baru dalam teknologi dan ekonomi bagi mewujudkan sumber yang baru. Banyak sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya ringkaskan, 10 minit. Saya memohon supaya kerajaan mempercepatkan Dasar Inovasi Negara dan juga Pusat Inovasi Negara yang dirancang dan penubuhannya mestilah disegerakan dengan tumpuan pada beberapa bidang yang saya nyatakan tadi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Malaysia pada peringkat global. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, di antara pemimpin-pemimpin, sembilan orang sahaja pemimpin yang dipilih oleh Presiden Amerika Barack Obama untuk bertemu dengan beliau. Di sini saya yakin, Barack Obama memilih bukan kerana suka-suka. Beliau memilih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana Perdana Menteri kita ada kualiti, seorang yang perlu dia jumpa untuk berbincang kerana sudah pasti Barack Obama mendapat maklumat-maklumat yang terperinci berkaitan dengan tumpuan Perdana Menteri kita sejak dilantik sebagai Perdana Menteri. Jadi, beliau memilih Perdana Menteri kita antara yang lain-lain untuk ditemui. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah masalah kepada sesetengah pihak? Mengapakah sesetengah pihak begitu cemburu sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita apabila beliau dapat bertemu dengan Barack Obama sehingga dikatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita 'melutut' kepada Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah sebenarnya yang melutut kepada orang-orang luar ini? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bertemu dengan Barack Obama kerana membawa masalah masyarakat, masalah dunia, masalah penduduk dunia sejagat tetapi, ada dalam kalangan pemimpin yang berjumpa dengan pemimpin-pemimpin luar untuk menagih simpati, melobi untuk hal-hal peribadi, menarik sokongan daripada luar dari Australia contohnya untuk menyokong kes peribadi tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ini perlu dilihat dan kerajaan perlu bertindak tegas terhadap rakyat-rakyat negara ini yang ke luar negara membawa cerita buruk tentang negara kita. Memburukkan negara di luar, membawa fitnah ke luar dan tidak lain tidak bukan hanya untuk mewujudkan suasana tidak senang dalam kalangan hubungan antarabangsa kita dengan harapan, kalau pemimpin negara luar tidak ingin bersahabat dengan kita, akhirnya tidak ingin untuk melabur ke dalam negara kita. Semua rakyat akhirnya susah, menderita sebagaimana berlaku pada tahun 1999, sebelum Tun Dr Mahathir mengumumkan pakej-pakej tertentu untuk menyelamatkan negara kita. Rakyat begitu tertekan dengan dasar-dasar kewangan yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu dan juga Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya dengan rasa rendah diri mencadangkan Usul Ucapan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, saya mohon mencadangkan. Daulat Tuanku!

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya minta seorang penyokong berucap. Jadi di sini, saya minta Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee. Silakan.

Dato' Wong Siong Hwee: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong usul Menjunjung Kasih

ke atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kedua Belas ini. Jadi, di sini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana pagi ini telah mengangkat sumpah untuk menjawat jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, masih kita ingat tarikh signifikan pada 3 April 2009 ini. Itulah saat-saat manis yang mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah menerima Surat Cara Pelantikan Sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam, bagi menggantikan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi. Ikrar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu memegang jawatan pemimpin nombor satu Malaysia adalah, berkemungkinan negara berdepan dengan kesukaran. Namun, apa jua cabaran mendatang, laluan telah tersedia untuk anak sulung Perdana Menteri Malaysia kedua, Tun Abdul Razak Hussein memacu negara ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Pemilihan anggota Kabinet, beliau dilihat merupakan ramuan dan aspirasi rakyat yang ingin melihat Kabinet beliau merupakan sebuah Kabinet yang berteraskan Kabinet rakyat atau yang dekat di hati rakyat, mesra rakyat, sanggup turun padang, menyingsing lengan dan melakukan perkara yang boleh mengukuhkan lagi kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan. Itulah sehingga ke hari ini, anggota pentadbiran di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mendapat respons dan persepsi yang baik daripada rakyat jelata.

Konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' bukan sekadar satu slogan, sebaliknya merupakan kesinambungan konsep daripada dua kepimpinan terdahulu dalam membawa Malaysia menjadi sebuah negara maju. Konsep berkenaan adalah ramuan serta formula pentadbiran dalam proses negara menuju Wawasan 2020, serta menjadi 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang' seperti yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri keempat dan kelima iaitu Tun Dr. Mahathir dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Konsep ini diterjemahkan melalui program turun padang dalam tiga minggu setelah beliau dilantik sebagai Perdana Menteri. Beliau meninjau dan berjalan kaki di sepanjang jalan Tunku Abdul Rahman dan Pudu Raya yang sentiasa sesak dengan lalu lintas bagi memastikan kemudahan *infrastructure* dan *social amenity* kepada rakyat sebagai pembayar cukai terpelihara.

Kepentingan rakyat adalah aspek yang perlu diutamakan dalam mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) anggota pentadbiran kerajaan dan penjawat awam. Oleh itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberanikan diri dengan membawa perubahan drastik bagi membolehkan negara melalui satu lembaran baru 1Malaysia dengan pelaksanaan Model Ekonomi Baru dan pencapaian hasil Program Transformasi Kerajaan iaitu GTP. Ini akan mendorong pada bentuk ekonomi moden yang pesat, masyarakat yang bersatu padu dan kerajaan berwibawa bagi menangani isu-isu seperti penghijrahan keluar tenaga pakar, modal dan penyertaan positif daripada semua kaum sepertimana yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju (GTP) yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 28 Januari 2010.

Misi perpaduan ini bukan sekadar demi keharmonian dan hubungan baik semata-mata, sebaliknya apa yang penting ialah pembinaan sebuah negara

Malaysia yang produktif dan berdaya saing serta pencapaian Wawasan 2020 yang merupakan kesinambungan bagi mewujudkan sebuah negara maju.

Penyampaian enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam GTP akan mengurangkan ketidaksamaan dan mengurangkan perasaan tidak puas hati yang kadangkala dicetuskan dalam terma perkauman. Enam NKRA adalah mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pendidikan, meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar dan mempertingkatkan pengangkutan awam bandar.

Pelan itu menyebut pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah mendorong pada beberapa hasil yang tidak diinginkan. Antaranya, rasa kehilangan hak, diskriminasi dan malah rasa geram yang dirasakan oleh bukan bumiputera yang disebabkan oleh sikap sesetengah pegawai di agensi-agensi tertentu. Terdapat juga jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat bumiputera menyebabkan rasa tidak puas hati semakin meningkat dalam kalangan segmen tertentu dalam masyarakat. Faktor-faktor ini telah mendorong ramai rakyat Malaysia, terutamanya golongan-golongan profesional untuk bekerja dan tinggal di luar negeri serta penghijrahan bakat semakin bertambah serius. Ditambah pula dengan penubuhan Ekuinas, dana ekuiti swasta untuk menggalakkan penyertaan bumiputera dalam ekonomi dan sektor kewangan dan 27 sektor kecil telah diliberalisasikan.

Kerajaan juga akan menaik taraf kualiti sekolah kebangsaan supaya menjadi sekolah pilihan kepada semua pelajar dengan peruntukan pada bahasa ibunda komuniti masing-masing menjadi antara langkah menangani sektor pendidikan dan perpaduan negara di bawah 1Malaysia. Inisiatif lain termasuk mewujudkan sekolah asrama 1Malaysia dengan pelajar pelbagai kaum dan pemberian biasiswa kebangsaan mengikut merit untuk pengajian di universiti antarabangsa. Kerajaan juga menggalakkan supaya lebih ramai orang Cina dan India menyertai perkhidmatan awam, manakala pegawai bumiputera yang berasal dari Sabah dan Sarawak akan dinaik taraf.

Meskipun prospek ekonomi semakin cerah, laluan pemulihan masih lagi penuh dengan cabaran. Pertamanya, prospek pemulihan ekonomi yang lebih baik di Asia dan jangkaan bahawa rantau ini akan pulih terlebih dahulu daripada kemelesetan global boleh menarik aliran masuk modal yang banyak ke rantau ini. Aliran masuk modal ini bukan sahaja boleh menyebabkan kadar pertukaran mudah turun naik, malah boleh mengakibatkan kenaikan harga aset. Kenaikan harga komoditi juga berpotensi menaikkan kadar inflasi dan menjejaskan proses pemulihan ekonomi. Namun, kebanyakan ekonomi di Asia, termasuk pihak pengubah dasar, industri kewangan dan sektor swasta berupaya mengatasi kesemua cabaran ini. Kedudukan kewangan yang lebih kukuh, paras hutang yang rendah dan penampakan yang diwujudkan semasa keadaan ekonomi menggalakkan telah meningkatkan potensi untuk menguruskan persekitaran yang lebih mencabar ini.

■1510

Peranan sektor kewangan terutamanya adalah penting dalam memastikan pembiayaan kepada aktiviti ekonomi yang produktif tidak terganggu. Pada masa yang sama, mengamalkan perkhidmatan dalam persekitaran mudah tunai yang berlebihan.

Sehingga ke hari ini, rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM311.7 bilion bersamaan dengan USD95.3 bilion pada 31 Mac 2010. Paras rizab pada 31 Mac 2010 telah mengambil kira penurunan nilai rizab hasil daripada

pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran hasil berikutan penambahan nilai ringgit berbanding dengan kesemua wang utama pada suku pertama. Paras rizab ini memadai untuk pembayaran 8.8 bulan import tertanggung dan ia ialah empat kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meletakkan tekad supaya tahun 2010, pertumbuhan ekonomi negara adalah sebanyak 5.5% hingga 6% bagi membolehkan ekonomi negara berjaya menangkis daripada terjerumus dalam krisis ekonomi. Keberanian kerajaan dalam memperkenalkan dua pakej rancangan ekonomi, memperlihatkan keupayaan dan kewibawaan pemimpin negara mengikut acuan sendiri telah merangsang aktiviti hiliran dan IKS daripada terus merudum.

Aktiviti sektor swasta yang positif juga amat menggalakkan yang mana Syarikat *Coca-Cola* telah mengumumkan pelaburan bernilai RM1 bilion yang mampu menjana 2,000 hingga 3,000 pekerjaan di Malaysia. IPO Maxis yang bernilai beberapa bilion ringgit merupakan yang terbesar di Asia Tenggara dan ini mencerminkan visi keusahawanan dalam setiap syarikat tempatan. JCY Berhad juga merupakan satu contoh kebanggaan aktiviti sektor swasta yang mana ia bermula sebagai syarikat yang kecil dan kini menghasilkan 25% daripada pengeluaran pemacu cakera keras dunia. Melangkah ke hadapan, pegangan kerajaan dalam pasaran akan dikurangkan. Modal akan dijana, inovasi akan dipupuk dan kekayaan akan dihasilkan bagi memberi kemudahan untuk mengembangkan lagi ekonomi Malaysia.

Sehingga kini, program PERMATA diperkenalkan pada 457 buah pusat asuhan yang telah berjaya mendidik seramai 17,565 orang kanak-kanak. Pada tahun 2010, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM100 juta bagi pelaksanaan program seperti PERMATA Negara, PERMATA Seni, PERMATA Pintar dan PERMATA Insan. Pelaburan ke atas program PERMATA ini dilihat merupakan pelaburan strategik dalam usaha melahirkan modal insan yang berilmu dan berprestasi tinggi. Pendidikan awal ke arah pembangunan kanak-kanak merupakan kesinambungan kerajaan dalam melahirkan modal insan yang berguna dalam mempertingkatkan kadar literasi dan numerasi dalam sistem pendidikan negara ini.

Pada tahun 2011, sebuah sekolah bagi pelajar yang memiliki bakat luar biasa berumur antara 15 tahun dan 17 tahun dijangka mula beroperasi dengan pengambilan pelajar seramai 200 orang. Kanak-kanak yang memiliki bakat istimewa dalam bidang muzik, PERMATA Negara akan memberi perhatian khusus untuk menggilap kebolehan mereka dengan matlamat untuk menubuhkan sebuah orkestra bertaraf dunia serta kumpulan koir dan tarian tradisional bertaraf antarabangsa yang merupakan asas penting bagi membentuk modal insan yang berkualiti dan produktif di samping menyediakan peluang bagi memupuk potensi besar serta yang tidak ternilai harganya dalam diri kanak-kanak ini.

Kerajaan pada hari ini komited dalam membanteras kemiskinan tegar sifar dalam tahun 2010. Kerajaan telah mengenal pasti 50,000 keluarga miskin tegar dalam Program e-Kasih dan 4,000 keluarga Orang Asli di seluruh negara. Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah melaksanakan program penjana pendapatan kepada keluarga miskin tegar supaya mereka ini keluar daripada kepompong kemiskinan yang menghalang mereka untuk meningkatkan taraf sosial mereka.

Ini terbukti apabila Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengagihkan bantuan kebajikan persekutuan kepada penerima ini pada hari pertama setiap bulan bermula 1 September 2009 bagi Semenanjung Malaysia dan negeri Sabah

dan Sarawak bermula 1 Januari 2010. Keadaan ini juga memperlihatkan jentera pentadbiran telah melaksanakan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan berkesan kepada *stakeholders*, dengan izinnnya. Melalui Skim Program Lonjakan Mega, Perdana Menteri telah menyediakan peruntukan RM141 juta di Batang Sadong dan Batang Lupar; Sarawak; Pulau Banggi di Sabah; dan di Tanjong Gahai dan Chemomoi, Pahang yang dapat menyelamatkan sejumlah 5,600 buah keluarga daripada kemiskinan tegar.

Pada 7 Januari 2009, kerajaan telah melancarkan Klinik 1Malaysia di Lembah Subang selepas pelancaran pertamanya di Lembah Pantai. Klinik 1Malaysia yang diperkenalkan dan dilaksanakan kerajaan bertujuan memastikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di negara ini boleh dinikmati secara adil, saksama dan menyeluruh oleh semua rakyat sejajar hasrat kerajaan dengan bayaran RM1 sekali perkhidmatan di kawasan strategik di dalam kawasan komuniti. Perkhidmatan yang diberi adalah menumpukan pada pemeriksaan kesihatan yang biasa seperti pemeriksaan tekanan darah dan kandungan gula. Konsep ini, membawa kemudahan kepada rakyat dan mereka tidak perlu bersusah-payah pergi jauh dari tempat tinggal untuk mendapatkan rawatan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof: Mohon laluan!... Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Wong Siong Hwee. Saya melihat tadi memang ada kepentingan kesihatan kepada rakyat dan Dato' sebut tentang kepentingan dan hasil Klinik 1Malaysia ini. Jadi, saya pun bersetuju supaya ia diperbanyakkan. Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Pada fikiran Yang Berhormat ini, berapa banyak yang perlu diadakan bagi setiap Parlimen Klinik 1Malaysia ini supaya benar-benar rakyat kita tidak perlu mengadakan perjalanan yang jauh untuk mendapatkan rawatan di Klinik 1Malaysia?

Dato' Wong Siong Hwee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusof. Jadi, pelancaran Klinik 1Malaysia ini pada Januari 2009, baru setahun. Jadi, difahamkan kerajaan akan adakan Klinik 1Malaysia itu ke tiap-tiap tempat, tiap-tiap negeri berperingkat-peringkat. Jadi, apa saya sebut tadi pada tahun lepas, kerajaan telah melancarkan Klinik 1Malaysia di Lembah Subang dan selepas itu di Lembah Pantai. Jadi, kerajaan..., saya bukan Menteri. Saya difahamkan sebab Menteri Kesihatan itu daripada MCA, nanti saya tanya dia.

Soalan itu sama dengan soalan saya tanya kepada Menteri itu, sama dengan Yang Berhormat tanya saya tadi. Dia kata, kita akan mengadakan Klinik 1Malaysia peringkat ke peringkat, tiap-tiap negeri, tiap-tiap Parlimen, peringkat ke peringkat. Sekian, terima kasih.

■1520

Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 23 April 2004 merupakan titik tolak pada usaha kerajaan untuk menangkis persepsi masyarakat terhadap rasuah yang telah menular dengan liar dalam pengurusan perolehan kerajaan. Selain itu, indeks persepsi rasuah antarabangsa terhadap Malaysia semakin menurun sejak dua tahun kebelakangan ini. Oleh itu, di bawah pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang keenam ini, beliau telah memberanikan diri meletakkan harapan tinggi dengan menjadikan, memerangi rasuah dijadikan teras dalam NKRA.

Kerajaan begitu serius dengan menggubal Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat 'Rasuah', untuk melindungi pemberi maklumat rasuah yang memberi kekebalan kepada pemberi maklumat daripada tindakan sivil atau jenayah akibat pendedahan maklumat tersebut yang akan dibentangkan

di Parlimen ini pada tahun 2010. Masih kita ingat pengorbanan yang telah dicurahkan oleh Perdana Menteri Kelima yang telah menjadikan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu SPRM diiktiraf sebagai sebuah suruhanjaya semenjak 1 Januari 2009.

Perubahan ini bukan sekadar perubahan nama malah ia merupakan perubahan daripada segi struktur dan pendekatan yang mampu meningkatkan kewibawaan dan keupayaan Agensi Pencegahan Rasuah Negara dalam menangani jenayah rasuah dengan lebih cekap, efektif, produktif, proaktif dan telus. Inilah satu langkah yang penting yang amat dinantikan oleh rakyat dalam memperkukuhkan agenda integriti dan anti rasuah negara.

Dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di negara ini yang menyusahkan masyarakat kita pada hari ini, kerajaan telah meletakkan sasaran indeks jenayah keseluruhan akan dikurangkan sebanyak 5%, dan jenayah jalanan seperti ragut dan samun dikurangkan sebanyak 20% pada akhir tahun ini. Baru-baru ini, kerajaan telah mengenal pasti di mana kawasan *hot spot*, dengan izin, yang menyumbangkan pada peningkatan kadar jenayah di negara ini. Antara inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian Dalam Negeri, 70% sehingga 85% jenayah di kawasan panas melibatkan jenayah jalanan. KDN, Kementerian Dalam Negeri telah menanamkan komitmen kerjasama dengan Syarikat Berkaitan Kerajaan iaitu GLC, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), badan berkanun dan syarikat swasta sebagai simbolik pada komitmen bagi menjayakan NKRA. Bentuk kerjasama dan sumbangan yang telah dipersetujui dan dikenal pasti melibatkan penajaan balai polis bergerak dan pondok polis, meluaskan kamera litar tertutup CCTV, serta perluasan kawasan penugasan dan rondaan polis bantuan unit syarikat-syarikat tersebut di luar premis masing-masing dengan usaha yang proaktif. Kini saya yakin kerajaan berada dalam landasan yang betul dalam mengurangkan kadar jenayah dalam negara ini.

Dalam pembentangan Bajet 2010, kerajaan telah menyediakan peruntukan besar dalam membangunkan Teknologi Hijau di negara ini. Pada bulan Ogos 2009, kerajaan telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara yang berpaksikan pengurusan alam sekitar yang mampan. Antara inisiatif yang disediakan adalah menstrukturkan semula Pusat Tenaga Malaysia kepada Pusat Teknologi Hijau Negara yang merupakan *focal point* dalam menetapkan piawai dan mempromosikan teknologi hijau ini. Selain itu, mengadakan persidangan Teknologi Hijau dengan bertukar idea dengan pakar teknologi hijau, menjadikan Putrajaya dan Cyberjaya sebagai Bandar Teknologi Hijau yang merupakan 'bapa' pada pembangunan bandar-bandar lain dan mengutamakan barangan dan perkhidmatan yang menekankan mesra alam sekitar dan mematuhi standard produk teknologi hijau dalam perolehan kerajaan.

Dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kedua Belas ini telah menasihati agar kelakuan dan tingkah laku Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bukan di Dewan yang mulia ini tetapi dalam Dewan Rakyat perlu dikawal seperti dalam peraturan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat perlu menggunakan platform ini untuk menyampaikan permasalahan rakyat kepada kerajaan dalam membantu pemimpin negara ini dalam agenda pembangunan negara agar nasib rakyat terbelah.

Kehadiran kita di dalam Dewan yang mulia ini untuk melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh rakyat untuk menggunakan masa yang singkat ini menyampaikan hujah-hujah dan idea yang bernas, yang secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada kerajaan. Rakyat dapat menilai ke atas kewibawaan

Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya keadaan ini tidak dikawal. Akhir kata, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Amat Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Kedua Belas ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Bahawa satu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya; "Ampuan Tuanku, Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia yang mulia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas, dikemukakan kepada majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada hanya tiga hari untuk berbahas dan kita ada lebih kurang 50 orang Ahli Yang Berhormat yang saya percaya dan yakin ingin hendak bercakap. Oleh yang demikian, untuk bersikap adil kepada semua, saya mohon kerjasama dan sama-sama kita mempertimbangkan sebaik-baik mungkin dan saya cuba beri peluang, kalau boleh semua sekali.

Persoalan saya hendak tanya, kalau 50 orang kita bahagi pada tiga hari dan saya sudah kira lebih kurang ada setengah jam seorang sahaja. Akan tetapi, kalau sekiranya semua hendak bercakap boleh kita buat demikian, mungkin ada juga yang tidak mahu bercakap, elok rasanya berapa orang yang sudah bersedia hendak berucap pada hari ini, contohnya saya hendak ambil kira dahulu.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kita hanya sampai pukul 5.30 petang. Oleh itu, saya menyarankan kalau boleh dengan kerjasama semua, kita jangan - saya hendak beri panduan sedikit. Berucaplah sebaik mungkin, bernas, fokus, konstruktif dan dinamik. Jangan meleret-leret.

■1530

Kalau boleh dalam Dewan yang mulia ini, kurangkan kita berpolitik kerana kita sudah luah semua berpolitik ini sudah cakap sudah ini. Akan tetapi di dalam Dewan yang mulia ini, saya hendakkan membuat satu komen, teguran yang membina, yang melambangkan Dewan kita yang mulia ini mempunyai taraf yang berkualiti. Itu pandangan saya setakat ini. Tanpa membuang masa lagi.

Cuba bangun sekali lagi, siapa yang hendak mulakan bahas? *[Beberapa Ahli bangun]* Saya tengok tadi Dato' Jins Shamsudin sudah bangun awal-awal. Kalau boleh, saya hendak beri peluang. Selepas itu saya beri kepada pihak pembangkang. Dipersilakan. Kalau boleh..., sekejap Yang Berhormat, kalau boleh cuba kita *more* fokus, konstruktif, dinamik dan untuk manfaat semua yang ada di Dewan ini. Dipersilakan.

3.31 ptg.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, selamat sejahtera dan salam 1Malaysia. Terutama sekali saya bagi pihak para karyawan seni seniman negara ingin menyampaikan ucapan tahniah setinggi-tinggi kepada Tan Sri Abu 'Zahir' yang dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Abu Zahar.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Abu Zahar yang dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara pada hari ini. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Seterusnya, saya ingin membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 15 haribulan Mac yang lalu. Maka dengan itu, saya memulakan dengan rasa terharu dan rasa bersyukur kepada Allah SWT di atas pandangan dan juga cadangan serta nasihat daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sepertimana yang kita telah dapat yang diedarkan ini iaitu Al-Wathiqu Billah Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada 15 haribulan yang lalu.

Pertama sekali, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyampaikan ucapan tahniah setinggi-tingginya dengan mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Mamanda Perdana Menteri yang memegang tampuk pemerintahan ini, mengucapkan tahniah setinggi-tingginya kerana Mamanda Perdana Menteri telah pun melaksanakan, menjalankan tugasnya sepertimana yang telah pun dilaksanakan sepanjang ini, maka itu saya ingin menyampaikan penghargaan ini.

Apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyampaikan tahniah dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri kita, maka kita sebagai ahli, sebagai rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara dan juga rakyat negara ini tentulah akan lebih mesra dan ucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita yang telah melaksanakan satu tugas yang kita rasa perlu disokong daripada apa sahaja usaha yang dilaksanakan.

Terutama sekali tugas beliau ialah sepertimana dalam Titah Ucapan Tuanku ini, Perkara 4; *“Beta menyambut baik Gagasan 1Malaysia yang mana disuarakan, yang dicadangkan oleh Perdana Menteri kita, ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.’* Ini adalah Titah Ucapan Tuanku. Jadi, rakyat didahulukan sepertimana yang kita semua sedia maklum, hari ini Perdana Menteri telah membuka ruang kepada rakyat. Maka rakyatlah yang akan menentukan masa depan negara ini. Maka, beliau dengan Timbalan Menteri dan Menteri-menteri Kabinet telah memberikan ruang kepada rakyat untuk didahulukan. Jadi, bererti, rakyat kita didahulukan. Apa sahaja kepentingan rakyat hendaklah diberikan keutamaan. Ini telah kita lihat sangat berhasil dalam hal itu.

Kita juga tengok rancangan 1Malaysia ini merupakan satu usaha ke arah menentukan masa depan kita. Ada enam perkara yang kita tahu, enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang perlu dicapai iaitu, pertama ialah pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan. Ini bererti pendidikan adalah amat perlu bagi kita menentukan generasi yang akan datang mempunyai pendidikan yang tinggi untuk mencapai tujuan ‘Pencapaian Diutamakan’. Jadi, apabila pencapaian diutamakan, mestilah rakyat mempunyai pendidikan yang tinggi bermula daripada anak-anak muda kita di bangku sekolah dan akhirnya ke universiti.

Jikalau tidak mengetahui pengetahuan yang tinggi, tidak mungkin kita boleh mencapai, keutamaan tidak mungkin kita boleh capai. Jadi kerana itu, marilah kita sama-sama memberi sokongan yang tidak berbelah bagi pada hasrat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri yang ingin melihat bahawa ini merupakan sesuatu yang amat penting bagi kita.

Seterusnya ialah Titah Seri Paduka Baginda, "*Beta ingin mengingatkan bahawa perpaduan, saling hormat-menghormati antara kaum agama adalah menjadi tunjang kekuatan menghormati antara kaum ini jadi tunjang kehormatan negara dan semestinya dipelihara*". Jadi kerana itu kita lihat perpaduan ini akan terus dikekalkan kerana perpaduan adalah amat penting bagi kita. Jangan kita cuba menghina mana-mana kaum yang ada terutama sekali, kita hendaklah menghormati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Janganlah mempersoalkan Titah Ucapan Tuanku.

Saya difahamkan, Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang ada Ahli Dewan Rakyat yang telah mempersoalkan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini. Jadi, kita boleh mengkaji tetapi jangan sebut mengkaji semula. Itu tidak perlu disebut. Perkataan semula itu hendaklah digugurkan, mengkaji benar, kita mengkaji Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan melaksanakannya. Itu yang harus dilaksanakan. Jadi, kita perlu tahu ada beberapa hal yang berlaku yang menghina Raja-Raja di seluruh negara dan juga menghina Tuan Yang di-Pertua adalah merupakan satu yang bertentangan dengan hukum undang-undang negara kita

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, izinkan saya.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita macam contoh pagi tadi, saya bersumpah dan menyatakan mempertahankan perlembagaan. Dalam perlembagaan telah jelas termaktubnya kedudukan institusi Raja. Ini adalah satu pelanggaran mengikut apa yang telah kita sama-sama pertanggungjawabkan untuk menentukan Dewan yang mulia ini supaya apa sahaja yang termaktub di dalam perlembagaan, jangan ada seorang pun mempersoalkannya. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Amat benar dan kita mestilah menghormati perlembagaan kita dan juga undang-undang yang ada dan jangan kita cuba mempersoalkannya. Rukun Negara adalah salah satu daripada kita harus hormati. Jadi, bererti..., saya menghadiri satu majlis seminar yang dianjurkan oleh Parlimen..., seminar *50 Tahun Parlimen Malaysia*, Jubli Emas di sebuah hotel di ibu negara dan di dalam itu... [Disampuk]

Oleh sebab itu, saya merasakan bahawa ada dan dianjurkan oleh Parlimen dan juga peserta-peserta dan kerjasama dengan Universiti Sains Malaysia. Ada seorang peserta telah mempersoalkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya hadir pada waktu itu. Dia mengatakan kita gugurkan sahaja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja dan menjadikan negara ini ialah republik dan jadikan presiden dan bukan Yang di-Pertuan Agong.

■1540

Jadi, saya minta kepada Menteri yang berkenaan, Menteri Parlimen supaya dapat melihat perkara ini dan apakah keputusan yang dibuat dan kita hendaklah mengambil tindakan kepada mana-mana pihak. Adakah perlu kita mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang mempersoalkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong? Kita harus menghormati Raja-Raja kita kerana Yang di-Pertuan Agong adalah merupakan pemilihan daripada semua Raja dan Raja-Raja kita adalah pemimpin negara kita.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Sila.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat. Selaras dengan soalan Tuan Yang di-Pertua tadi, dan apa yang baru disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai penghinaan terhadap Raja dan melanggar Perlembagaan, mohon saya izinkan dalam situasi sekarang oleh kerana mungkin Akta Hasutan tidak begitu kukuh ataupun terfokus untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menghina Raja-Raja kita. Mohon saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita mungkin sesuai memperkenalkan undang-undang yang setaraf atau *equivalence* sepertimana yang terdapat di Thailand, apa yang dipanggil "*lese majesty*". Jadi, kalau undang-undang seperti ini diadakan di Malaysia, maka apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mungkin tindakan yang sewajarnya boleh diambil. Apakah pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju tindakan mestilah diambil terhadap mereka yang menentang Raja.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar Ali tadi, Akta Hasutan memang sudah kuat. Cuma pelaksanaan dan penguatkuasaannya sahaja yang lemah. Pada saya, apabila perkara-perkara ini berlaku, tidak payah lagi dah dilengah-lengahkan kuasa ada pada *Attorney General*, dengan izin. Jalankan sahaja. Ini terlalu banyak kelengahan yang kita lakukan maka perkara-perkara buruk ini berleluasa. Lebih-lebih lagi kita nampak daripada pihak pembangkang ini sultan tidak menjadi sudah satu institusi yang dihormati.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apabila Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin berucap, minta penjelasan itu sahajalah. Jangan..., peluang ada.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Peluang ada.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi untuk menyampaikan perkara-perkara yang sama juga kerana ini merupakan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka itu saya berpandukan pada titah ucapan inilah bahawa kita melihat bahawa ada orang mengambil persoalan ini mempersoalkan Titah Ucapan Tuanku. Ini adalah merupakan satu yang salah. Pada zaman dahulu, saya ingin memberikan satu contoh. Pada zaman dahulu sebelum adanya mahkamah, sebelum adanya tentera, sebelum adanya polis, masa itu sultanlah yang menjadi pemimpin negara, yang menjadi pokok pemerintahan seluruh negara.

Pada zaman itu, kalau di negeri saya sebagai contoh, di negeri Perak kalau ada sesiapa sahaja yang menentang Raja, maka mereka dihukum pancung ketika itu. Buktinya, saya ingin membuktikan bahawa ada seorang panglima dilantik oleh Raja iaitu seorang 'Orang Besar Jajahan'. Dia dilantik dan diberikan gelaran 'Pancung Tidak Bertanya'. Maksudnya, kalau ada sesiapa pun yang menentang Raja, dia boleh ditangkap dan dipancung.

Akan tetapi, kita hari ini, barangkali tidaklah melaksanakan pancung kerana kita ada mahkamah, kita ada polis, kita ada tentera, kita ada undang-undang. Maka itu, saya menyarankan kepada kerajaan, sesiapa yang menentang raja dan menentang Yang di-Pertuan Agong, maka mereka ini bukan rakyat Malaysia. Gugurkan dia daripada menjadi rakyat Malaysia. Tidak ada gunanya jadi rakyat Malaysia kalau menentang Raja-Raja kita kerana rajalah yang menjadi pemerintah yang teragung.

Jadi, kerana itu, saya ingin meneruskan ucapan ini dengan memberikan beberapa perkara yang disentuh di dalam Titah Ucapan Tuanku ini. Kerajaan kita sentiasa memberikan kepada kita segala-galanya yang dituntut oleh kita. Kita lihat hari ini kerajaan juga telah memberikan, telah membelanjakan RM24.5 bilion memberikan subsidi kepada mereka yang perlu. Akan tetapi subsidi ini juga kadang-kadang orang yang tidak perlu dapat subsidi pun kadang-kadang dapat. Jadi, hendaklah dikaji semula mereka yang hanya wajar diberikan subsidi sahaja perlu diberi. Jadi, ini perkara yang perlu dilihat.

Kita telahpun membelanjakan perkembangan yang telah menggalakkan ini antara lain ialah hasil pelaksanaan dua Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM67 bilion yang telah pun disebut hari itu; *“Jadi Tuanku sentiasa memberikan encouragement untuk kerajaan Beta membawa kepimpinan mamanda Perdana Menteri ini telah menjadikannya satu peluang mentransformasikan negara ke arah masa depan yang baik.”*

Jadi, ini amat penting dan kami juga di dalam bidang seni ini terdapat barang seni juga kerajaan telah pun memberikan satu peruntukan yang besar. Kita lihat hari ini mengadakan satu peruntukan yang besar bagi tujuan untuk membangunkan negara ini dalam bidang industri kreatif, filem, teater dan lain-lainnya telah diberikan oleh Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan juga sebanyak RM200 juta bagi tujuan untuk membangunkan industri kreatif. Ini amat penting kerana ia merupakan sesuatu yang perlu kita lihat kerana seni ini adalah satu usaha untuk menyatupadukan kaum dalam negara kita.

Perkara ini juga telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; *“Beta merayu seluruh rakyat supaya sentiasa memelihara haruman nama Malaysia, nama negara kita apa juga bidang yang disertai seperti inovasi, sukan, kebudayaan, kesenian dan sebagainya untuk mempromosikan negara kita.”* Maka itu, kita harus melihat bahawa industri seni adalah merupakan salah satu daripada usaha kita untuk mempromosikan negara dan menyatupadukan kaum kerana di dalam bidang seni, kita tidak ada apa-apa permasalahan di dalam melahirkan, membuat filem-filem walaupun kita ada orang Cina berlakon, orang India berlakon, Kita telah bermula dari berpuluh tahun yang lalu tetapi, menggunakan satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan. Jadi, inilah bahasa kebangsaan kita iaitu bahasa Malaysia iaitu bahasa Melayu.

Jadi, ini juga telah disentuh oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana ia merupakan satu yang harus kita satukan 1Malaysia ialah satu bahasa. Kita juga tidak melarang mempelajari bahasa-bahasa lain. Kita boleh belajar bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa India bahasa apa pun tetapi bahasa rasmi kita ialah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa Malaysia.

Begitu juga Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh tentang pelancongan. Kita harus menggalakkan pelancongan ke negara kita. Dengan adanya ramai pelancong yang datang akan dapat mempromosikan negara kita di luar negara. Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga harus melihat, kerajaan harus melihat bahawa ada dalam kalangan pelancong yang datang ke sini membuat sesuatu yang boleh merosakkan imej negara kita. Ada antaranya yang menjadi pelacur, ada antaranya yang menjadi perompak, ada antaranya yang membawa perkara-perkara yang tidak baik seperti membawa dadah. Berapa ramai yang membawa dadah ditangkap? Itu juga adalah pelancong yang kononnya menjadi pelancong tetapi mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan itu tetapi ada juga antaranya pelancong dan pelajar.

Pelajar-pelajar yang datang dari luar negara yang mendaftar di negara kita untuk menjadi pelajar, dan akhirnya mereka melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang negara. Jadi, ini juga haruslah kita lihat bahawa perkara-perkara seperti ini hendaklah kita kaji semula. Oleh sebab ia boleh merosakkan imej negara sepertimana yang dinyatakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk kita semua rakyat Malaysia yang cintakan kepada Raja dan pemimpin kita dan kita mestilah membela nasib bangsa kita. Jangan ada mereka yang datang ke sini membuat sesuatu.

■1550

Seri Paduka Baginda juga merayu di akhir Titah Seri Paduka Baginda, *“Persekitaran dunia masa kini semakin mencabar. Beta merayu Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan seluruh rakyat agar bersama-sama menyumbang dengan meningkatkan kecekapan bagi mentransformasikan negara ini ke tahap ekonomi berpendapatan tinggi dan juga kualiti hidup rakyat yang lebih selamat. Beta juga dengan Permaisuri Agong sentiasa memberikan sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga pemimpin-pemimpin”*.

Oleh sebab itu, saya merasakan kita sebagai Ahli Dewan Negara hendaklah menyokong seratus peratus dan memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Yang di-Pertuan Agong, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Menteri-Menteri yang dilantik dan juga kita hendaklah hormat-menghormati di antara satu sama lain. Jangan menyentuh hal-hal yang boleh memecahbelahkan kaum kita. Apabila ada yang menentang Raja, bererti mereka telah membawa sesuatu yang boleh memecahbelahkan kaum kerana ada di antara kaum – saya baru-baru ini telah pergi ke negara China. Saya pergi ke Beijing selama empat, lima hari di sana. Ia ada 36 kumpulan etnik. Ada 36 etnik di negara China. 12 di antaranya ialah beragama Islam. Tidak ada perpecahan kaum walaupun ada 36 etnik dan 12 etnik yang menganut agama Islam. Saya telah melawat ke beberapa tempat termasuk di masjid dan kediaman orang-orang Islam di sana dan mereka bersatu padu walaupun mereka berlainan etnik dan agama. Ini kita ambil contoh yang terbaik.

Saya lihat baik, maka itu kita lihat juga - kalau kita masih ingat Sunah Rasulullah saw. pernah bersabda, *“Belajarlah walau ke negeri China sekalipun.”* Jadi, kalau ada yang baik di negeri China, kita belajar tidak salah. Jangan kita membuat sesuatu yang tidak baik. Maka, dengan itu saya ingin mengucapkan sekali lagi tahniah dan juga berasa berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan tadi dan juga kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan dengan itu saya menyokong Titah Ucapan itu. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan mengambil masa yang cukup baik dengan memberi peluang kepada rakan lain untuk berucap di Mesyuarat ini. Majlis seterusnya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk memberikan pandangan saya pada petang ini. Sebenarnya, di dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, banyak perkara yang disentuh dan memang lazimnyalah dalam Titah Ucapan itu mencerminkan dasar kerajaan.

Oleh yang demikian, izinkanlah saya bebas untuk mengkritik secara konstruktif dasar-dasar kerajaan itu tanpa menyentuh kedudukan Yang di-Pertuan Agong, kerana kami daripada Pakatan Rakyat memang sudah mempunyai satu pendirian dan tekad mempertahankan institusi Raja itu sebagaimana juga kita mempertahankan kedudukan bahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ingin memulakan ucapan ini dengan memperkatakan tentang kedudukan Dewan ini serta anggota-anggotanya. Seperti yang pernah saya nyatakan, memang macam-macam tuduhan dan pandangan yang telah dilemparkan terhadap Dewan ini. Ada yang saya setuju dan ada yang tidak. Akan tetapi, harapan dan keinginan saya ialah agar Dewan yang mulia ini menjadi suatu Dewan yang berkesan, Dewan yang dihormati oleh rakyat dan negara seluruhnya dan untuk menjadi suatu institusi yang berkesan dan dihormati, ada dua perkara yang saya anggap perlu dilakukan.

Perkara pertama ialah, kita tentu sebagai anggota-anggota atau Ahli *Senate* ini perlu mengemukakan pandangan-pandangan yang konstruktif walaupun kritikal. Saya setuju sangat dengan nasihat Tuan Yang di-Pertua tadi bahawa kita mesti kurangkan berpolitik di dalam Dewan ini, yang saya lihat tadi terlalu banyak. Untuk mendapatkan perkara ini berlaku, kami daripada pihak yang mewakili Kerajaan Pakatan, di empat buah negeri seramai lapan orang daripada kami berhasrat untuk memberikan pandangan-pandangan tentang semua hal dasar dan semua hal yang berupa undang-undang, dengan harapan bahawa pandangan kami akan ditimbang oleh pihak yang berkuasa.

Akan tetapi, lebih penting daripada itu ialah kita memerlukan suatu reformasi dalam institusi Dewan Negara ini sendiri. Saya percaya, kita mengetahui bahawa kuasa yang ada pada *Senate* adalah besar juga. Ia boleh menolak dan mengembalikan sebarang keputusan yang diambil oleh Dewan Rakyat. Seingat saya, ini telah berlaku sekali. Ahli Dewan Negara boleh juga mengambil bahagian pertama untuk mengemukakan usul termasuk rang undang-undang.

Jikalau Dewan Negara meluluskannya, ia tidak perlu diserahkan kepada Dewan Rakyat, bahkan ia akan terus dikemukakan atau dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Namun, saya tidak mengetahui berapa banyak usul yang pernah dikemukakan dan diluluskan oleh Dewan Negara ini dalam hayatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada. Dalam ingatan saya dulu ada. Jikalau difikir di dalam Dewan Negara ada yang tidak betul dan tidak kena, kita boleh *refer* balik. Bermakna, Dewan Negara ialah *the Upper House*, dengan izin. Maksudnya sebelum kita pergi, kita kena melalui dua Dewan ini; Dewan Rakyat dan Dewan Negara selepas diluluskan dan diterima. Jikalau sekiranya Dewan Negara dikira atas kebebasan, dikaji dengan penuh teliti dan ada perkara tidak kena, tentu sekali boleh kita fikirkan. Itu maksudnya sekarang ini tidak kiralah sama ada pembangkang dan sebaliknya, kita hendaklah betul-betul demi kepentingan bangsa, agama dan negara kita. Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Itu yang saya hendak tekankan. Terima kasih. Mengikut sejarah, peranan Dewan Negara dianggap sebagai badan yang boleh dan patut mengimbangi Dewan Rakyat dan di samping itu pula mengimbangi kuasa serta kepentingan negeri dengan kepentingan Pusat. Inilah inti perakuan Suruhanjaya Reid yang menggubal Perlembagaan Persekutuan mengenai kedudukan Dewan Negara dalam Parlimen Malaysia.

Untuk memastikan keseimbangan ini, kita dapati pada permulaannya Dewan ini terdiri daripada 22 orang wakil negeri daripada 11 buah negeri dan hanya 14 orang yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas perakuan Perdana Menteri. Ini untuk memberikan imbalan yang lebih berat kepada negeri dan wakil-wakilnya tetapi, lama-kelamaan pindaan dibuat dan keadaan berubah. Pada tahun 1974, bilangan wakil negeri naik kepada 56 orang dari 13 buah negeri dan yang dilantik Agong bertambah kepada 30 orang. Sekarang ini wakil negeri tetap ialah 26 orang, manakala lantikan Agong sudah naik kepada 44 orang menjadikannya 70 orang kesemuanya.

■1600

Oleh yang demikian, akibatnya keanggotaan Dewan ini terlalu berat pada Pusat. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Perkara 45(2), Ahli-ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong hendaklah terdiri daripada orang yang pada pendapatnya telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau yang telah mencapai keunggulan dalam profesion, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan, perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli. Tidak dinafikan memang ada kategori yang dilantik ini terdiri daripada golongan yang mengikut peruntukan dalam Perlembagaan ini. Akan tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh berhenti sekejap. Kemungkinan ada perubahan kedudukan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi, kebanyakan atau hampir semuanya terkenal sebagai anggota penyokong atau yang mirip pada parti-parti kerajaan. Ini sepatutnya dielakkan berlaku. Individu yang harus dilantik hendaklah mereka yang cemerlang dan unggul sebagaimana kehendak Perlembagaan dalam bidang masing-masing...

Dato' Azian bin Osman: Mohon laluan! Mohon laluan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Nanti, saya selesaikan yang ini sekejap. Yang unggul dalam bidang masing-masing terutama yang bersikap neutral. Apakah salahnya melantik mereka yang benar-benar cemerlang dan unggul walaupun pandangan mereka tidak selari dengan kerajaan yang berkuasa pada satu-satu masa? Apa yang buruknya, saya selesaikan bahagian ini dahulu, terima kasih. Apa yang buruknya ialah Dewan Negara pada masa ini, lebih sering dijadikan sebagai pintu belakang untuk melantik Menteri serta Timbalan Menteri khususnya mereka yang telah kalah pilihan raya.

Hal ini merupakan kelemahan yang mengakibatkan Dewan Negara mudah sahaja sebagaimana yang selalu dituduh sebagai *rubber stamp*. Saya harap akan berlaku perubahan. Untuk ini, kita hendaklah kembali pada yang melaksanakan semangat Perlembagaan yang sebenar. Kita mesti ingat bahawa mengikut Perkara 45(4)(a) Perlembagaan Persekutuan, Parlimen melalui undang-undang boleh menambah bilangan ahli dipilih bagi setiap negeri menjadi tiga orang.

Saya dan kawan-kawan saya di sebelah sini akan memulakan usaha agar undang-undang dapat dikemukakan dalam Dewan Rakyat untuk menambah seorang lagi Ahli *Senate* yang mewakili negerinya. Oleh yang demikian, wakil-wakil negeri boleh bertambah jumlahnya menjadi 39 orang iaitu kurang sedikit daripada yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Apa yang penting ialah wakil-wakil negeri hendaklah mempertahankan hak dan kepentingan negeri serta rakyatnya tanpa membelakangkan kepentingan pusat yang difikirkan wajar. Keseimbangan antara negeri dengan pusat yang adil, berkeadilan dan sihat adalah perlu dan seharusnya dipertahankan dengan tidak terikat daripada kepentingan parti politik.

Seterusnya, Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 45(4)(b) juga menegaskan bahawa Ahli Dewan Negara dari setiap negeri boleh dipilih dan, "...*boleh dipilih sedemikian melalui undi terus oleh pemilih-pemilih negeri itu*". Ini dalam Perlembagaan. Ertinya, pemilihan boleh dilakukan melalui proses pengundian yang memberikan hak kepada setiap pengundi di tiap-tiap negeri. Mungkin sebagai permulaan, pengundian seperti ini boleh dilakukan dengan seorang lagi wakil yang boleh ditambah iaitu daripada dua per tiga di negeri. Saya mengimpikan proses pemilihan raya ini pada satu masa nanti akan berlaku bagi sebahagian besar Ahli *Senate*. Walaupun saya tidak percaya, seharusnya dilakukan semua.

Proses ini harus mengikuti bukan sahaja mereka yang mewakili negeri bahkan juga mungkin mereka yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Bagi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong itu, boleh diadakan pemilihan oleh kumpulan-kumpulan atau golongan-golongan profesion yang berkenaan. Misalnya, ahli seni memilih wakil mereka daripada ahli seni. Saya sedar bahawa segala perubahan ini tidak mungkin berlaku sekarang. Saya mengharapkan proses pemilihan ini akan menjadi kenyataan apabila keadaan pemerintahan berubah di negeri ini.

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Dewan pada Perkara 45(4)(c), Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Parlimen untuk mengurangkan ahli dilantik atau pun menghapuskan ahli dilantik. Ini bererti, sekiranya hendak memastikan agar *Senate* tidak didominasi semata-mata oleh kepentingan Pusat atau kepentingan parti kerajaan, maka bolehlah diusahakan sehingga berjaya bilangan yang dilantik adalah kurang daripada bilangan yang dipilih untuk mewakili negeri-negeri. Untuk memahami lebih lanjut tentang hal struktur Senat ini, keanggotaan dan peranannya, kami telah membuat sedikit kajian mengenai keadaan di negara-negara luar yang meliputi ASEAN dan luar ASEAN.

Kami meninjau keadaan di sembilan buah negara iaitu Amerika Syarikat, Britain, *Cambodia*, Filipina, Indonesia, Laos, Singapura, Thailand, dan Vietnam. Didapati bahawa Laos, Singapura, dan Vietnam tidak mempunyai *Senate* atau Dewan 'Atas'. Laos dan Singapura mempunyai satu Dewan Parlimen manakala di Vietnam, Jawatankuasa Pusat Parti Komunis mengendalikan segala hal ehwal perundangan dan lain-lain. Daripada enam negara yang mempunyai dua Dewan dalam Parlimen, Amerika, *Cambodia*, Filipina, dan Thailand mempunyai Dewan 'Atas' yang dipanggil *Senate* juga. Akan tetapi Britain dikenali sebagai *House of Lords*, dan *House of Peers*.

Di Indonesia pula dipanggil Dewan Perwakilan Daerah (DPD) dan Thailand sebagai majlis, *Council of Elders*, dengan izin. Di bawah ini diturunkan maklumat ringkas daripada segi bilangan anggota, tempoh khidmat, dan kaedah penentuan keanggotaan. Amerika 100 orang, dua daripada tiap-tiap lima puluh *state* mereka dipilih secara langsung, berkhidmat enam tahun bagi setiap penggal tetapi tidak terbatas bilangan penggal. Asalnya Senator dilantik oleh Dewan Undangan Negeri tetapi mulai tahun 1913, dipilih. Britain, Ahli Dewan *House of Lords*, 733 orang iaitu 77 lebih dari *House of Commons*.

Asalnya keahlian daripada keturunan bangsawan tetapi sekarang dilantik juga *peers* yang dianugerahkan gelaran, berkhidmat seumur hidup. Pada Julai 2008, *House of Commons* meluluskan usul supaya 80% hingga 100% Ahli *House of Lords* hendaklah dipilih dan berkhidmat selama 12 hingga 15 tahun. Akan tetapi usul ini telah ditolak oleh *House of Lords*.

Di Cambodia, ahlinya 58 orang atau 61 orang tidak jelas. Dua orang dilantik oleh Raja, dua orang dilantik oleh Dewan Rendah, dan yang lain dipilih oleh Ahli Majlis *Commons* dan Ahli-ahli Dewan Rendah bagi pihak kawasan pemilihan mereka. Mereka berkhidmat selama enam tahun sepenggal dan boleh dilanjutkan, Dewan Rendah tidak boleh melebihi separuh daripada Ahli Dewan Atas. Filipina, ahli 26 orang ditentukan melalui pemilihan umum. Tiada kawasan tertentu bagi tiap-tiap Ahli *Senate*, berkhidmat enam tahun sepenggal tetapi terbatas pada dua penggal berturut-turut. Indonesia, 132 orang; empat dipilih dan daripada tiap-tiap provinsi melalui pemilihan umum.

Jumlah Dewan Perwakilan Daerah (DPD) yang tidak melebihi sepertiga dari Dewan Rendahnya iaitu Dewan Perwakilan Rakyat. Thailand, ahlinya 150 orang; 76 orang dilantik oleh 75 wilayah serta satu dari Bangkok dan 74 dilantik oleh Jawatankuasa Pemilihan *Senate* daripada kalangan pelbagai sektor, berkhidmat selama enam tahun iaitu selama satu penggal sahaja.

■1610

Kita lihat melainkan *House of Lords*, semua 'Dewan Atas' di negara-negara yang dikaji mempunyai anggota kurang daripada 'Dewan Rendah'. Cara keanggotaan ditentukan berbeza iaitu berasaskan keturunan, pelantikan dan pemilihan. Di Thailand seperti di Malaysia, ada anggota yang dilantik dan dipilih tetapi oleh badan yang berbeza. Mengenai tempoh perkhidmatan yang untuk satu penggal, dua penggal atau tidak terbatas, tempoh satu penggal biasanya enam tahun dan bukan tiga tahun seperti Malaysia.

Daripada segi peranan dan kuasa, Senat Amerika Syarikat mempunyai kuasa yang paling kuat. Ia mempunyai kuasa sebenar serta berkewibawaan untuk bertindak sebagai *check and balance*, dengan izin, terhadap Dewan Rendah dan pegawai-pegawai federal sehingga Presiden pun di Filipina anggota Senat mempunyai banyak kuasa juga dan popular kerana dipilih umum. Sama ada di Amerika ataupun Filipina, calon Presiden lazimnya datang daripada kalangan Ahli Senat. *House of Lords* agak besar juga bidang kuasanya selain mempunyai suara ke atas undang-undang atau resolusi yang diluluskan oleh *House of Commons*. Ia juga boleh meminda dan kadang-kadang menolaknya.

Selain itu, Dewan Atas ini, *House of Lords* merupakan mahkamah yang terakhir, *court of last resort*. Antara lain, tampak bidang kuasanya berkaitan dengan menapis ataupun meminda dan kadang-kadang boleh menolak undang-undang atau resolusi yang dimulakan dan diluluskan oleh Dewan Rendah. Di Indonesia, acap kali kuasa DPD terbatas pada mengawasi undang-undang yang ada kaitannya dengan provinsi sahaja. Kita lihat bahawa dalam sejarah Dewan Atas di Amerika, Indonesia dan Britain banyak perubahan telah berlaku.

Di Amerika, pemilihan oleh Dewan Perwakilan Negeri atau *State* ditukar menjadi pemilihan oleh semua pengundi di negeri tersebut. Di Britain ada percubaan untuk diluluskan oleh *House of Commons* supaya keanggotaan *House of Lords* dipilih umum akan tetapi usul ditolak oleh *House of Lords*. Bahkan ada gerakan untuk menghapuskan *House of Lords* itu dan menggantikannya dengan sebuah Senat yang dipilih oleh anggotanya.

Di Malaysia, kita harus menganggap bahawa kedudukan Senat sepatutnya boleh juga diubah. Untuk memberikan kuasa dan kewibawaan yang lebih kepadanya, perubahan harus dilakukan.

Kita memerlukan sebahagian daripada anggota Senat jikalau tidak semuanya dipilih, kita memerlukan perubahan bilangan anggota dan peranan serta kuasa yang lebih seimbang di antara Dewan Rakyat dengan Dewan Negara. Kita perlu kaji mendalam jika ada perubahan lain yang patut dibuat. Saya faham dan sedar bahawa semua ini memerlukan perubahan Perlembagaan melalui undi majoriti lebih dua pertiga dalam Dewan Rakyat. Mungkin matlamat perubahan yang diharapkan itu akan mengambil masa untuk dicapai. Akan tetapi, dari sekarang, saya percaya kita harus membuat permulaan.

Mudah-mudahan akhirnya akan berlaku perubahan yang boleh menaikkan martabat dan kewibawaan Dewan Negara supaya ia tidak boleh lagi dituduh sebagai *rubber stamp* atau tong sampah sahaja. Kalau hendak...

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya hampir lupa apa saya hendak celah tadi. Tidak tahulah ingat balik, lama baru bagi peluang. Yang Berhormat tadi ada membangkitkan tentang pelantikan 40 orang yang dilantik Yang Berhormat Senator oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Perdana Menteri dan keunggulan yang patut dilantik dan sebagainya. Persoalan saya, adakah kami rakan-rakan dilantik daripada federal ini tidak cukup unggul?

Kedua, saya hendak bangkitkan tentang bagaimanakah pelantikan yang dibuat oleh kerajaan negeri yang di bawah pakatan ini? Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat semua cukup neutral dilantik atas kapasiti profesional masing-masing atau atas tiket parti? Saya tidak lihat seorang pun yang neutral. Semua dilantik atas tiket parti PAS, DAP, PKR. Jadi Yang Berhormat terima kasihlah di atas pandangan. Saya minta pandangan pula daripada Yang Berhormat.

Saya juga mohonlah Yang Berhormat satu nasihat cukup baik daripada Yang Berhormat supaya kita duduk dalam Dewan ini jangan banyak politik. Fikir *constructive* untuk membina. Saya harap Yang Berhormat sebagai Timbalan Pengerusi kepada pakatan Keadilan, PKR saya pun tidak berapa ingat namanya, supaya nasihatkanlah rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan Rakyat itu supaya menjadi seorang wakil rakyat yang membina. Terima kasih nasihat tadi. Itu saya minta pandangan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Berkenaan dengan soalan pertama, saya nasihatkan saudara Yang Berhormat baca Perlembagaan. Perlembagaan merujuk kepada sesiapa yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Mereka yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong itu adalah mereka yang memenuhi syarat-syarat yang saya sebutkan tadi, bukan wakil-wakil dari negeri. Tentang wakil-wakil negeri, saya cadangkan tadi supaya akhirnya dipilih oleh ramai sebagaimana juga di Amerika dahulu pernah dilantik oleh *state* mewakili *state* yang akhirnya dipilih secara ramai.

Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pindah pada soal Dewan Rakyat, APCO dan Zionis. Sebelum ini dalam Dewan Rakyat, keadaan menjadi ribut selama beberapa hari selepas Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam Parlimen menimbulkan isu kemasukan dan pengaruh Zionis di Jabatan Perdana Menteri dan Polis Diraja Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri melalui APCO dan Asiasoft. Hal ini mempunyai implikasi sangat serius ke atas keselamatan.

Oleh kerana pendedahan beliau yang diperkukuh dengan hujah serta dokumen yang kuat, saudara Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah pun dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan. Resolusi yang dibolos oleh pihak kerajaan dengan menggunakan atau lebih tepat ialah menyalahgunakan majoriti dalam Parlimen, seolah-olah sudah memutuskan Dato' Seri Anwar Ibrahim bersalah dan mahu Jawatankuasa itu hanya menetapkan apa jenis hukumannya.

Pada hal Jawatankuasa itu sepatutnya mengkaji, membincang dan memutuskan sama ada Ketua Pembangkang itu bersalah atau tidak, bukannya hanya menentukan apa jenis hukuman. Sudah diramalkan pihak kerajaan yang mempunyai majoriti undi dalam Parlimen dan juga dalam Jawatankuasa tersebut, pasti nanti akan hukum Dato' Seri Anwar Ibrahim secara tidak adil dan saya harap ini tidak berlaku. Ada berita yang sedang tersiar luas sekarang ini bahawa pucuk pimpinan kerajaan mahu supaya Dato' Seri Anwar Ibrahim digantung di Parlimen selama sehingga setahun. Pihak berkuasa nampaknya mahu menutup mulut beliau sebab tidak mampu mungkin dan tidak berdaya mungkin untuk menghadapi ucapan-ucapan dan hujah-hujahnya.

Begitulah juga nanti agaknya mahkamah dan hakim yang boleh diperalatkan akan cuba menghukum Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam kes yang sedang dihadapi di mahkamah. Saya ingin menegaskan bahawa mengikut kebiasaan dalam Parlimen yang berwibawa, lazimnya tindakan seperti ini diambil ke atas menteri yang dianggap cuba berbohong atau menutup kebenaran dan bukannya Ahli Parlimen biasa. Dalam Parlimen negeri kita ini, menteri sering *mislead* atau memesongkan Parlimen dengan tidak bercakap benar. Contoh yang terbaru ialah penafian Menteri Pertahanan tentang pembayaran komisen dan juga harga khidmat baik pulih berhubung pembelian kapal selam Scorpene yang suatu ketika tidak boleh menyelam.

Terdahulu dalam Parlimen diakui komisen telah dibayar tetapi Menteri Pertahanan menafikannya. Bayaran untuk khidmat baik pulih yang mula-mula diberikan melebihi RM600 juta tetapi menteri yang sama menyatakan jumlahnya cuma RM200 juta sahaja. Sepatutnya beliau dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Keistimewaan. Walau bagaimanapun, beliau boleh diselamatkan dengan majoriti undi. Penyelamatan serupa ini telah berlaku juga kepada beberapa Ahli Parlimen UMNO yang melanggar peraturan.

Berbalik pada soal APCO dan Asiasoft tadi...

■1620

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan!

Dr. Syed Husin Ali: Boleh saya selesaikan bahagian yang ini dahulu? Berbalik pada soal APCO dan Asiasoft tadi, telah banyak dihuraikan tentang *penetration* Zionis ke dalam kementerian dan institusi tertentu. Tidak perlulah saya mengulanginya terutama bersabit nama tokoh-tokoh penting dalam APCO dan Asiasoft dan pernah menjadi pegawai-pegawai tinggi kerajaan atau badan keselamatan Zionis ataupun badan perisik Zionis Israel.

Saya hanya ingin mengemukakan beberapa persoalan dan pendapat seperti berikut; pertama, kita mengetahui bahawa Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Warganegara tidak dibenarkan ke Israel dan ini dicop pada passport mereka. Selama lebih 10 tahun, para pemimpin tertentu UMNO menuduh dan memfitnah Anwar Ibrahim sebagai ejen Yahudi.

Mengapakah Najib dengan sokongan pemimpin UMNO serta polis memberikan kontrak begitu besar kepada syarikat Zionis yang mempunyai hubungan rapat dengan Israel. Bukankah ini satu tindakan hipokrit? Dan mereka pula dibayar sebanyak RM77 juta dengan wang...

Dato' Azian bin Osman: Mohon laluan, Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Dengan apa ini...?

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat!

Dr. Syed Husin Ali: Ya, saya akan bagi nanti apabila sudah selesai.

Dato' Azian bin Osman: Lambat betul!

Dr. Syed Husin Ali: Bahagian ini ada sedikit lagi. Kedua, atas asas apakah kerajaan membayar begitu banyak sekali untuk khidmat daripada APCO? Mula-mula dinyatakan cuma RM27 juta dan kemudian disahkan oleh Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz bahawa jumlah sebenarnya ialah kira-kira RM78 juta. Ada pula pihak yang menyatakan APCO Malaysia merupakan syarikat RM2 sahaja. Apakah ini benar? Saya belum mendengar lagi berapakah jumlah yang dibayar kepada Asiasoft. Adakah Asiasoft juga merupakan syarikat RM2? Saya harap kedua-dua maklumat ini akan diberikan segera oleh Menteri semasa menjawab kerana dengan RM78 juta yang dibayar kepada APCO dalam satu tahun sebenarnya kita boleh mendirikan 2,200 buah rumah murah.

Ketiga, Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri memberitahu Parlimen bahawa bayaran kepada APCO adalah berbaloi kerana melalui usaha lobi badan ini yang tentunya berharga mahal, Perdana Menteri Najib dapat berjumpa dengan Presiden Obama. Pengakuan ini dilakukannya dalam Parlimen. Sambil menuding jari kepada mantan Perdana Menteri, Tun Mahathir dan Tun Abdullah, Menteri itu menyatakan kedua-dua Tun tersebut telah merenggangkan hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat semasa mereka berkuasa. Sebaliknya dengan pertolongan APCO, pertemuan Najib-Obama telah dijalinkan dan hubungan luar negara berjaya dipulihkan. Akan tetapi apakah natijahnya?

Jikalau kita kaji kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh Rumah Putih tentang pertemuan itu, kita boleh menyimpulkan bahawa Najib – dan ini kita berterima kasih atas bantuan dan nasihat APCO, Dasar Luar Malaysia telah dikompromi. Kita tahu sejak beberapa lama Dasar Luar Negara adalah bebas dan berkecuali. Ini dari zaman Tun Razak dahulu. Akan tetapi Najib berjaya menghumban ke laut dasar ini dan menjadikan negara kita...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dr. Syed Husin Ali: Sekutu, bukan semata-mata...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Azian bin Osman: *[Bangun]*

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidakkah Yang Berhormat ingin memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain berucap? Yang Berhormat sudah guna masa 30 minit.

Dr. Syed Husin Ali: Ya, sebenarnya saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Minta kerjasama ya.

Dr. Syed Husin Ali: Saya minta sekurang-kurangnya masa yang sama diberikan seperti yang dicadangkan dalam usul tadi dan keduanya beberapa kawan saya di sini bersetuju untuk memberikan lima minit daripada tiap-tiap seorang untuk saya melanjutkan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Hal ini berlaku kerana dua perkara. Pertama, Perdana Menteri Najib bersetuju melibatkan Malaysia terutama dalam usaha untuk meningkatkan kapasiti tentera, polis dan juga pentadbiran awam. Penglibatan dengan tentera dan polis itu tentu memerlukan pegawai-pegawai kita menyertai pasukan-pasukan Amerika Syarikat dan NATO di Afghanistan. Kita mengetahui kerana perkara ini jelas dengan tidak payah disuluh bahawa melalui pasukan-pasukan mereka, Amerika Syarikat dan NATO menduduki, bahkan menjajah negara dan rakyat Afghanistan. Pasukan-pasukan ini telah membunuh...

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat, saya mohon laluan Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, saya akan beri. Ini cuma...

Dato' Azian bin Osman: Lambat. Lupa kadang-kadang.

Dr. Syed Husin Ali: Empat *paragraph* lagi. Minta maaf sedikit ya. Kita mengetahui kerana perkara ini jelas dengan tidak payah disuluh bahawa melalui pasukan-pasukan mereka, Amerika Syarikat dan NATO menduduki, bahkan menjajah rakyat negara Afghanistan. Pasukan-pasukan ini telah membunuh beribu-beribu orang awam yang tidak bersalah terdiri daripada kanak-kanak, wanita, orang tua, kononnya dengan tidak sengaja. Pada ketika itu, banyak negara mengumumkan hendak menarik diri, tetapi kita mengisytiharkan pula dengan secara terburu-buru untuk membantu mereka. Tidak salah kita berbaik-baik dengan mana-mana negara termasuk Amerika Syarikat. Akan tetapi kita tidak perlu menyokong sepenuh-penuhnya dasar mereka.

Kedua, Najib bersetuju untuk Obama menghantar signal jelas kepada Iran supaya jangan menjalankan usaha untuk... *[Disampuk]*

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat, boleh beri laluan?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, saya akan bagi laluan.

Seorang Ahli: Bagi lah!

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Azian bin Osman: Yang Berhormat, kita perlu menjawab atau kita perlu pandangan...

Dr. Syed Husin Ali: Dua *paragraph*.

Dato' Azian bin Osman: Jadi, Yang Berhormat banyak buat fitnah di dalam ini seolah-olah kerajaan sekarang ini bersekongkol dengan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh bagi laluan. Sudah tiga kali dia berdiri. Kasihan dia ya.

Dr. Syed Husin Ali: Okey, bagi! Kasihan... *[Ketawa]*

Dato' Azian bin Osman: Saya rasa ini tuduhan serius dikemuka kepada kerajaan yang mana kerajaan seolah-olah bersetuju dengan tindakan Amerika di Afghanistan dan di Iran.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib sudah mengumumkan secara terbuka apa rundingan, apa permintaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib kepada pihak mereka dengan pertemuan bersama Barack Obama; mengkaji semula, memelihara hubungan sejagat termasuk kedudukan Islam di dalam dunia ini. Jadi, ini saya tidak bersetuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat tadi. Ini semata-mata fitnah yang dibawa ke mari dan tidak menepati apa yang disebutkan sebagai Dewan ini jangan digunakan sebagai medan politik... [Tepuk] Buat apa yang kita kata. Kotakan apa yang kita cakap. Jangan tunjuk lurus, kelingking berkait. Nasihat orang buat begini tetapi kita buat begitu. Terima kasih... [Disampuk] [Tepuk]

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: [Bangun]

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, saya hendak sambung, Yang Berhormat. Saya dok minta awal lagi, Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Pasal saya... [Disampuk]

Dr. Syed Husin Ali: Saya habiskan dua *paragraph* ini dahulu. Kemudian, saya akan beri jalan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Dok habis, habis. Tidak mahu bagi laluan, kata tidak mahu bagi laluan. Inilah fitnah yang pembangkang dok buat kepada kerajaan. Inilah fitnah kerana kita hendak bercakap fakta, tidak ada fitnah, tetapi cakap jangan main politik dalam Dewan Negara, tetapi hari ini lebih daripada politik lagi. Inilah masalahnya.

Seorang Ahli: Betul.

Dr. Syed Husin Ali: Di Wilayah Timur Tengah, kita lihat bahawa Zionis Israel sebenarnya lebih bahaya dan mengancam dari Iran. Mereka melakukan pencerobohan dan merampas sebahagian dari negara-negara tetangga seperti Syria dan Jordan. Mereka menduduki serta menjajah Wilayah Palestin. Mereka membunuh beribu-ribu rakyat Palestin yang tidak berdosa. Mereka memusnahkan harta benda, rumah, kilang dan kawasan pertanian. Mereka menyekat kebebasan bergerak orang awam yang mencari rezeki. Selain itu, mereka mempunyai senjata nuklear dalam bentuk lebih kurang 200 nuklear *war hits*.

Zionis Israel boleh dan berani bertindak liar kerana mereka sentiasa diberi sokongan oleh mereka dan presiden-presiden Amerika termasuk Obama. Kenapakah Perdana Menteri kita tidak memberikan signal yang jelas kepada Israel? Kenapakah hanya signal itu kepada Iran? Bukankah lebih baik diseimbangkan, memberi signal dan memberi kritik terhadap Iran dan pada masa yang sama terhadap Israel yang begitu banyak mempunyai kuasa nuklear yang boleh digunakan. Walhal Iran hanya bercadang untuk mengadakan kuasa nuklear yang boleh digunakan sebagai pembinaan ekonomi dan industri Iran. Ya, saya benarkan Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Dato' dulu ya?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya dulu, saya dulu!

Datuk Akbar bin Ali: Okey, silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Tadi yang kata jawatankuasa di Dewan Rakyat telahpun akan mengambil tindakan terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim, tetapi Yang Berhormat ingatkah Dewan Undangan Negeri Selangor yang diperintah oleh kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat sendiri mengambil tindakan ke atas beberapa orang ADUN daripada Barisan Nasional, adakah itu adil?

■1630

Jadi, apabila kena pada Barisan Nasional, semuanya okey tetapi apabila kena pada pihak pembangkang, tak adil. Di manakah letaknya keadilan Yang Berhormat? Jadi saya minta Yang Berhormat, fakta-fakta Yang Berhormat bercakap dalam Dewan Negara ini telah pun dibincang dalam Dewan Rakyat. Kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa jangan jadikan Dewan Negara ini sebagai *rubber stamp*, saya hendak pohonlah jangan Yang Berhormat jadi *rubber stamp* kepada rakan-rakan Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Terima kasih... [Tepuk]

Datuk Akbar bin Ali: Saya juga ingin mencelah. Terima kasih Dr. Syed Husin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat iaitu berhubung dengan kritikan atau *expression* terhadap badan kehakiman. Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat macam *insinuate* ataupun seolah-olah mempersoalkan kewibawaan dan integriti badan kehakiman dalam mengadili kes Dato' Seri Anwar Ibrahim yang sedang berjalan sekarang. Kita tahu, ada tiga badan yang berasingan iaitu *dislegislative* Dewan yang mulia ini sendiri, kemudian kita ada eksekutif, dan kita ada *judiciary*.

Kalau kita tidak mahu kita dan badan legislatif ini dihina atau ditohmahkan, sudah tentu badan-badan yang lain juga tidak mahu diperlakukan sedemikian sepertimana yang dikatakan oleh Confucius bahawa, kalau kita tidak mahu sesuatu yang kita tidak suka dilakukan ke atas kita, maka kita jangan lakukan ke atas orang lain, bukan begitu?

Jadi, kita harus bersangka baik terhadap mana-mana badan termasuklah badan kehakiman bahawa mereka akan menjalankan tanggungjawab sepertimana yang diamanahkan kepada mereka sebagaimana kita menjalankan tanggungjawab kita terhadap apa yang diamanahkan ke atas kita. Kalau saya ambil contoh kes berhubung Dato' Seri sendiri, kalau tidak silap dalam ingatan saya ada beberapa kali yang Dato' Seri Anwar Ibrahim menang dan ada beberapa kali beliau kalah di dalam urusan penghakiman. Itu menunjukkan bahawa badan kehakiman adalah berwibawa dan berintegriti. Dalam kes liwat yang lalu pun setelah seorang hakim Mahkamah Tinggi, setelah tiga orang hakim Mahkamah Rayuan, jadi, empat orang dan seorang hakim Mahkamah Persekutuan mendapati beliau bersalah.

Hanya dua orang hakim Mahkamah Persekutuan mendapati beliau bersalah. Oleh kerana itu pada peringkat akhir, Dato' Seri Anwar Ibrahim didapati tidak bersalah. Namun demikian, dalam kertas penghakiman hakim Mahkamah Agung ada menyatakan secara jelas pada pendapat beliau, beliau beranggapan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim melakukan perbuatan meliwat tetapi atas sebab-sebab teknikal, maka Dato' Seri Anwar Ibrahim dilepaskan. Ini adalah antara contoh bahawa penghakiman yang dilakukan oleh hakim-hakim kita adalah berlandaskan undang-undang. Jadi, walaupun dia berpendapat dilakukan tetapi undang-undang mengatakan *must be beyond reasonable doubt* maka kes itu telah dilepaskan. Maknanya, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah terlepas daripada hukuman itu.

Jadi, saya haraplah kalau kita hendak bersangka baik, biarlah kita terus bersangka baik supaya orang juga akan bersangka baik dengan kita. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Itu adalah pandangan daripada kawan-kawan saya di sebelah sana. Mereka berhak memberikan pandangan itu dan saya berhak memberikan pandangan saya berdasarkan fakta yang ada pada saya. Sekarang, saya tidak ingin tertarik pada agenda yang mereka kemukakan tetapi terus membincangkan keadaan ekonomi negara. Sejak krisis kewangan yang kita alami mulai 1977, setahu saya tidak ada kajian terperinci untuk mengatakan sama ada kita sudah pulih sepenuhnya atau tidak. Akan tetapi, ramai orang yang dalam *business* mengatakan bahawa belum lagi berlaku pemulihan sebelumnya. Dua tahun lalu, Amerika Syarikat mengalami kemerosotan besar ekonomi dan akibatnya terhadap kita ialah seperti yang selalu dikatakan, apabila Amerika bersin, kita dapat selesema dan apabila berlaku keadaan ekonomi yang buruk itu, tempiasnya berlaku juga ke negara ini sehingga kita memperlihatkan keadaan perkembangan ekonomi yang menguncup sehingga negatif 50%.

Salah satu hujah yang dikemukakan untuk mengatakan bahawa sekarang ini sudah mulai ada tanda-tanda pemulihan ialah keadaan yang berlaku di Amerika. Dalam pada masa yang sama ialah peruntukan rangsangan yang diberikan sebanyak RM67 juta tetapi belum jelas lagi siapakah yang mendapatnya dan untuk projek apakah ia telah diberikan. Saya berharap sangat bahawa menteri yang berkenaan akan memberikan angka-angka terutama sekali tentang bagaimanakah perbelanjaan RM60 juta ini dan apakah kesannya terhadap pemulihan ekonomi sekiranya ada. Oleh kerana ada tanda tanya, saya menggesa supaya perkara itu dilakukan dengan segera.

Pada sidang yang lalu, telah dikemukakan pandangan di Dewan Rakyat bahawa kita tidak seharusnya terlalu ghairah bahawa *the worst is over* dalam keadaan ekonomi kita. Kita masih nampaknya merangkak kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di sekitar kita. Baru-baru ini ada berita berdasarkan laporan dari Bank Pusat Singapura bahawa dalam suku pertama 2010, perkembangan keluaran negara kasar (KNK) untuk Singapura ialah sebanyak 32% tetapi, di Malaysia kerajaan masih bercakap mengenai perkembangan kira-kira setakat 5% sahaja. Ini pun belum diperkukuhkan lagi dengan angka-angka terperinci. Kita tidak tahu macam mana kalau angka terperinci ini dibandingkan dengan keadaan di negara-negara sekitar kita seperti Filipina, Indonesia dan juga Thailand.

Saya percaya, masih ada hambatan pada perkembangan di Malaysia iaitu kita nampaknya merupakan sebuah negara yang berada dalam perangkap pendapatan pertengahan ataupun *middle income trap*. Kita tidak cukup maju untuk bersaing dengan negara maju dan kita agak tertinggal dan oleh itu, terpaksa bergantung kepada buruh pendatang misalnya. Kehadiran mereka mengakibatkan kesan menekan pendapatan rakyat pada paras yang agak rendah. Selagi berada dalam perangkap ini, ekonomi negara terjejas dan akan sulit untuk berkembang.

Sehubungan dengan ini, perlulah saya ulangi misalnya pandangan yang telah dikemukakan oleh teman-teman kami di Dewan Rakyat yang menunjukkan bahawa kita masih menghadapi keadaan yang kritikal dan belum lagi dapat melepaskan diri kita daripada perangkap *middle income group* itu, misalnya:

- (i) kita terlalu bergantung pada petrol dolar dan semakin melebarnya jurang antara pelaburan awam dengan swasta;

- (ii) modal keluar atau terbang dari negara lebih banyak daripada yang masuk;
- (iii) merudum teruknya pelaburan modal baru dan pertumbuhan tambah nilai dalam sektor perkilangan;
- (iv) perkembangan sumber manusia yang tercicir dan tidak dapat menyokong ekonomi yang diliberalisasikan; dan
- (v) kadar nilai simpanan dan pelaburan tidak seimbang yang menunjukkan masalah akses bagi mendapat pinjaman.

Saya tidak perlu huraikan maksud-maksud kelima ini kerana ia jelas dalam debat, dalam Dewan Rakyat. Sehubungan dengan ini, saya ingin mengemukakan pandangan-pandangan saya tentang Model Ekonomi Baru. Baru-baru ini dalam sebuah himpunan Malaysia *invest* di sebuah hotel mewah yang dihadiri oleh kebanyakannya golongan pemodal kapitalis korporat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak mengumumkan rangka asas Model Ekonomi Baru.

Rangka Model Ekonomi Baru ini berdasarkan dokumen perakuan yang disediakan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Nasional (NEAC) yang dilantik oleh kerajaan. Walaupun seorang menteri telah mengatakan bahawa NEAC itu bukan dokumen kerajaan tetapi oleh kerana sudah ada pengakuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ia berdasarkan sedikit sebanyak pada NEAC dan Model Ekonomi Baru itu telah pun diperjelaskan sedikit oleh beliau. Maka baiklah saya memberikan pandangan saya berasaskan apa yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setakat ini mengenai dasar ekonomi baru.

■1640

Datuk Akbar Ali: Yang Berhormat, mohon izin sebelum saya terlupa sebab hendak ulas sedikit apa Yang Berhormat cakap tadi.

Dr. Syed Husin Ali: Saya rasa ulasan ini terpaksa ditolak daripada *time* saya... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya berharap jangan Yang Berhormat jadi cakap tidak serupa bikin. Tadi janji lima minit, sekarang sudah 12 minit.

Dr. Syed Husin Ali: Tidak, bukan begitu. Saya kata saya akan dapat lima minit daripada tiap-tiap seorang.

Timbalan Yang di-Pertua: Mohon kerjasama ya.

Dr. Syed Husin Ali: Ya, ya. Pertama, ini kritik-kritik saya. Pertama, daripada segi falsafah atau orientasi, Model Ekonomi Baru ini memegang pada ekonomi bebas ataupun *laissez-faire economy*. Oleh kerana itu, ia menekankan soal liberalisasi, deregulasasi dan penswastaan. Langkah-langkah liberalisasi telah diumumkan dan nampaknya langkah-langkah penswastaan akan bertambah dengan adanya beberapa syarikat yang diswastakan terutama sekali berkaitan dengan misalnya, Pos Malaysia iaitu 30% daripada saham Pos Malaysia akan dilepaskan dan juga apa yang berlaku kepada dua subsidiari Petronas. Saya...

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, mohon saya mencelah.

Dr. Syed Husin Ali: Tadi saudara banyak...

Dato' Azian bin Osman: Sedikit sahaja.

Dr. Syed Husin Ali: Panjang bercakaplah.

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, apa keistimewaan kepada Yang Berhormat ini bercakap lama? Saya sebagai pencadang tadi hanya diberikan sejam kemudian saya disuruh berhenti. Saya akur.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi baru sahaja saya sudah tegur.

Dato' Azian bin Osman: Apa keistimewaannya?

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi dia minta lima minit. Yang Berhormat minta lima minit sudah lebih 12 minit. Saya sudah cakap, 'cakap tidak serupa bikin'.

Dr. Syed Husin Ali: Tidak, saya tidak minta lima minit. Saya katakan minta lima minit daripada setiap seorang sudah 40 minit, lapan orang.

Dato' Azian bin Osman: Saya juga boleh buat begitu Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi ini dengan persetujuan.

Dato' Azian bin Osman: Rakan-rakan lain, lima minit, lima minit...

Datuk Akbar bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kepada semua yang lain yang tidak bercakap itu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong ya. Minta kerjasama Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi yang mengembalikan kata-kata ini...

Dato' Azian bin Osman: Di manakah keadilan di sini? Saya tidak dibenarkan untuk melahirkan ucapan saya sepenuhnya...

Dr. Syed Husin Ali: Yang Berhormat yang mengemukakan, pengucap pertama tadi yang mengusulkan...

Dato' Azian bin Osman: Sudah dekat 40 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk ya.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi, saudara tadi bercakap lebih daripada satu jam setengah. Kenapa saya tidak diberikan hak yang sama?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, tadi yang mengangkat tangan seramai 16 orang yang hendak bercakap dan Tuan Yang di-Pertua mengatakan kalau 50 orang anggota datang ke sini hendak bercakap tinggi-tinggi setengah jam seorang. Jadi, sekarang ini 16 orang sahaja yang hendak bercakap. Tentulah lebih panjang sedikit boleh diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, baik saya teruskan ya. Apa yang saya maksudkan di sini ialah kita tidak harus menekankan pada pasaran bebas keterlaluan. Kita harus mempunyai konsep campuran (*mixed*) di antara ekonomi bebas dengan peranan kerajaan. Inilah *mixed economy* yang menyeimbangkan antara kedua ini telah menjadi asas pada dasar-dasar ekonomi yang telah dikemukakan oleh arwah Yang Amat Berhormat Tun Razak dan sepatut anaknya dan kita semua pun memikirkan dan membincangkan soal ini.

Keduanya, melalui MEB Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan cita-cita untuk meningkatkan pendapatan per kapita negara daripada USD7,000 pada USD15,000 pada tahun 2020.

Akan tetapi, walaupun ini merupakan satu matlamat dan cita-cita yang baik dan saya harap akan berjaya, saya nampak bahawa untuk mencapainya adalah bermasalah. Sebabnya ialah kerana tidak ada *road map* atau rancangan yang jelas yang dikemukakan tentang bagaimana hendak dicapai peningkatan-peningkatan pendapatan yang begitu tinggi.

Tidak ada ertinya lagi satu peningkatan pendapatan ini jikalau ia melebarkan lagi jurang antara yang kaya atau berada dengan yang miskin dan tidak berada. Tidak bererti juga jikalau ia tidak menghapuskan kemiskinan terutama sekali kemiskinan tegar dalam kalangan rakyat jelata. Saya bimbang cita-cita ini nanti akan merupakan satu impian sahaja kerana berbanding dengan negara sekitar kita, kejayaan mereka adalah jauh lebih besar.

Pada tahun 1957 apabila kita mendapat kemerdekaan, kita dapati kedudukan ekonomi per kapita dan sebagainya di antara Malaysia, Singapura, Taiwan, Korea Utara hampir sama semasa kita merdeka dahulu. Akan tetapi, sekarang ini selepas 50 tahun memerintah, keadaan ekonomi di negeri ini kita dapati di Singapura perkembangannya empat kali ganda, di Taiwan dan Korea tiga kali ganda perkembangan kita. Mengapakah ini berlaku? Kita harus kaji supaya kita dapat tentukan bagaimanakah hendak mencapai pendapatan yang tinggi tadi.

Ketiganya, kerajaan UMNO Barisan Nasional bertujuan untuk mengurangkan penumpuan pendapatan golongan terkaya pada peringkat atasan. Pada masa ini, angka rasmi menunjukkan 10% di lapisan atas merupakan golongan terkaya mengawal 33% daripada pendapatan ekonomi. Sebaliknya, 10.4% di bawah merupakan golongan termiskin mengawal hanya 1.7% daripada kekayaan tersebut. Sekarang kita dapati bahawa banyak lagi pemisahan dan jurang kekayaan berlaku. Ini dapat dilihat misalnya dengan mengkaji 100 orang yang terkaya di Malaysia.

Saya tidak hendak beri secara *detail* pada itu, tetapi yang hendak saya tekankan ialah bahawa penumpuan pendapatan ke atas ini dapat dilihat misalnya jurang yang diukur dengan *Gini coefficient*. *Gini coefficient* di Malaysia dibandingkan dengan negara lain adalah jauh lebih tinggi. Bererti, jurangnya lebih besar. Di Malaysia - 0.49% berbanding dengan Filipina - 0.46%, Thailand - 0.41%, Laos - 0.37%, Vietnam - 0.36% dan Indonesia - 0.32%. Bahkan Malaysia dikatakan mempunyai *Gini coefficient* kedua tertinggi di seluruh Asia.

Salah satu faktor penumpuan kekayaan dalam kalangan segelintir orang pada peringkat atasan ialah wujudnya dengan kukuh budaya *rent-seeking*, dengan izin. Pada bulan Jun 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengakui bahawa *rent-seeking* ini berlaku dan diamalkan dan saya *quote* di sini apa yang dikatakannya, "*Beliau mengaku bahawa mereka yang menerima saham bumiputera bukannya orang biasa, tetapi kebanyakannya orang berpengaruh yang duduk di barisan hadapan dalam majlis-majlis yang bergelar Tan Sri dan Datuk Sri.*" Ini adalah kerana beliau menyesali bahawa *share equity* sebanyak RM50 bilion yang telah diberikan kepada bumiputera sekarang ini tinggal hanya RM2 bilion. RM52 bilion hilang begitu sahaja tidak tentu ke mananya. Ini adalah satu perkara yang serius dan soal *rent-seeking* itu juga berlaku, misalannya dengan kenaikan harga-harga bangunan dan projek-projek yang melulu sekali. Misalnya, pembinaan pusat kanser yang awalnya berharga hanya RM340 juta tetapi akhirnya lebih daripada *double* harga itu iaitu kira-kira RM700 juta.

Kami menolak pendekatan menggunakan *rent-seeking* yang dibenarkan atas Dasar Ekonomi Bebas. Ia memperkayakan segolongan kecil sahaja iaitu mereka yang berhubung rapat dengan pihak pemerintah.

Akan tetapi akhirnya kekayaan itu tidak mengalir ke bawah dan boleh mengakibatkan jurang di antara golongan kaya dan miskin bertambah lebar. Itu sebab kita katakan bahawa daripada segi jurang ini, ia bertambah dan naiknya *Gini coefficient* menunjukkan ketidakadilan pengagihan kekayaan dalam kalangan penduduk-penduduk di negara ini. Berhubung dengan ini, kalau kita misalannya hendak perbaiki keadaan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan?

Dr. Syed Husin Ali: Boleh saya habiskan satu muka lagi?

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Baiklah.

■1650

Dr. Syed Husin Ali: Banyak lagi aspek MEB yang boleh kita kritik dan didedahkan kekurangannya. Namun, cukuplah setakat empat perkara ini sahaja. Akan tetapi, yang penting yang hendak disebutkan di sini ialah bahawa perlu kita mengadakan dasar-dasar yang positif untuk mengatasi masalah-masalah rakyat, tadi disebutkan tentang masalah FELDA.

Sebenarnya, saya tidak membincangkan kali ini masalah FELDA tetapi saya hendak menyatakan bahawa rasa tidak puas hati dalam kalangan FELDA itu memang banyak terutama sekali Dasar FELDA seperti yang dimulakan oleh Tun Razak dahulu sudah tidak diikuti lagi. Kalau hendak cerita tentang soal kemiskinan, kita dapati banyak lagi golongan kemiskinan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan?

Dr. Syed Husin Ali: Dua *paragraph* lagi ya, dua *paragraph*.

Seorang Ahli: Penakut!

Dr. Syed Husin Ali: Saya akan beri, saya akan beri. Pertama sekali, kita mesti menyusun semula empat kemudahan awam seperti penjanaan elektrik yang melibatkan IPP, yang memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat tertentu; konsesi air, konsesi tol dan penyediaan perkhidmatan jalur lebar. Semua ini kita harus baiki supaya dapat memberikan keuntungan kepada rakyat.

Kedua, kita harus memperkenalkan gaji minimum. Sekarang ini, banyak lagi golongan rakyat yang bekerja dengan kerajaan yang masih di bawah gaji minimum. Boleh dikatakan yang di bawah garis kemiskinan.

Ketiga, MEB tidak menyebut tentang langkah-langkah untuk membantu atau menyokong golongan muda yang sekarang ini ramai memulakan kehidupan dengan banyak hutang; hutang rumah, hutang kereta, hutang hendak kahwin dan sebagainya. Kedudukan ekonomi mereka pula tidak ditambah baikkan.

Keempat, selain daripada perubahan untuk membantu keluarga muda, perlu juga reformasi berbagai-bagai institusi dalam negara ini termasuk institusi-institusi seperti kehakiman, media dan lain-lain. Ini kerana akan menentukan betapa banyaknya, betapa menariknya negara ini untuk pelabur dari luar. Ya, silakan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah mendengar hujah-hujah Yang Berhormat tadi. Adakah Yang Berhormat pasti apa Yang Berhormat hujahkan tadi itu adalah benar ataupun satu pembohongan sebab saya harap Yang Berhormat tidak menggunakan kekebalan yang ada pada kita di Dewan yang mulia ini?

Yang Berhormat, yang saya tahu dan teringat balik, yang rapat dengan Yahudi, dengan Wolfowitz ialah Dato' Seri Anwar Ibrahim sehinggakan *girlfriend* dia pun diselamatkan, diberikan satu jawatan yang dapat gaji yang begitu tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Sebenarnya apa yang saya tulis ini tidak bohong. Sebabnya ialah kerana selepas ini ia akan dicetak di luar, bahkan sekarang ini sudah pun dikeluarkan untuk dicetak. Kalau ada sesiapa hendak saman misalannya tentang maklumat saya, silalah saman. Ini saya main pindah-pindah Tuan Yang di-Pertua, potong-potong. Saya hendak sebut tentang reformasi dan demokrasi pendidikan. Ada beberapa perkara yang hendak saya tekankan di sini kerana saya merasakan keadaan sistem pendidikan kita adalah bertambah buruk. Berbeza dengan pandangan yang telah dikemukakan oleh pengucap yang terlebih dahulu.

Pertama, kita dapati bahawa kedudukan bahasa Malaysia seperti semakin lemah. Oleh itu, perlu diperkukuh untuk menghadapi cabaran terutama sekali daripada bahasa Inggeris. Orang lebih percaya, lebih yakin pada bahasa Inggeris sekarang ini dan orang besar-besar lebih banyak bercakap bahasa Inggeris walaupun dalam majlis yang mana kebanyakan orang yang hadir adalah orang Malaysia dan banyaknya orang Melayu.

Kedua, hendaklah digalakkan pembelajaran dan pengajaran bahasa ibunda dan juga bahasa-bahasa internasional. Ini tidak akan menimbulkan masalah. Kita tidak boleh takut misalnya kalau hendak ajar bahasa ibunda atau bahasa internasional kalau misalnya bahasa Melayu itu, bahasa Malaysia itu kukuh. Akan tetapi, sekarang ini oleh kerana bahasa Malaysia itu lemah, kita anggap ini semua sebagai satu cabaran.

Ketiga, mutu sekolah-sekolah kebangsaan peringkat rendah dan menengah hendaklah dipertingkatkan supaya rakyat termasuk orang Melayu sendiri mempunyai keyakinan terhadapnya. Sekarang ini, kita dapati kurang daripada 10% kanak-kanak bukan Melayu memasuki sekolah kebangsaan. Pada masa yang sama, hampir 10% juga kanak-kanak Melayu memasuki sekolah jenis kebangsaan Cina. Baru-baru ini manakala berada di Sarawak, saya dapati ramai kanak-kanak Iban pergi ke sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina. Ini kerana tidak wujud tempat bagi mereka belajar dalam bahasa aliran Malaysia atau pun aliran bahasa ibunda mereka. Ini adalah satu cabaran besar pada sistem pendidikan kita.

Keempat, kaedah belajar dan mengajar harus diperbaiki dan di samping memperkuat pengajaran subjek seperti Sastera, Sejarah, Ilmu Alam dan sebagainya perlu diperkukuhkan pengajaran Matematik, Sains dan Teknologi. Sehubungan ini, latihan perguruan yang baik harus diberikan dan prestasi guru-guru perlu sering dipantau supaya segala kekurangan dapat diatasi.

Kelima, pada peringkat universiti, mesti digalakkan kegiatan membaca dan berfikir secara kritikal dalam kalangan siswa juga perlu dipastikan penyelidikan dan penulisan akademik dilakukan secara komited oleh para pensyarah. Sumbangan mereka dalam bidang-bidang tersebut hendaklah digunakan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya, asas kenaikan pangkat. Di universiti, agak sulit bagi setiap pelajar dan pensyarah mengambil peluang untuk menyerlahkan potensi dan bakat mereka masing-masing apabila pelajar dan pensyarah dibelenggu oleh undang-undang seperti AUKU dan akujanji. Apabila pelajar kita berdemonstrasi secara aman, mereka ditangkap dan dilayan seperti penjenayah.

Selain itu, aku janji mengongkong kebebasan akademik para pensyarah dan menjejaskan autonomi universiti. Ini tidak selari dengan matlamat untuk memastikan pembangunan modal insan yang menyeluruh.

Keenam, perlu pastikan berlaku proses pendemokrasian dalam bidang pendidikan pada semua peringkat. Ini bererti sepatutnya diberi peluang lebih luas terutama kepada lebih ramai lagi penuntut yang kurang berkemampuan atau yang datang dari kawasan mundur untuk mendapat peluang serta kemudahan pendidikan yang baik mutunya. Selain itu, pintu universiti seharusnya terbuka dengan lebih luas lagi kepada semua dengan tidak mengira perbezaan kaum, gender, taraf sosioekonomi dan seboleh-bolehnya mereka yang layak hendaklah diberikan peluang untuk mengikuti kursus yang mereka minati.

Sekarang ini, saya ingin mengemukakan pandangan yang umum tentang keadaan sistem pendidikan sekarang. Saya merasakan seolah-olah pendidikan-pendidikan di Malaysia sudah kehilangan rohnya dan oleh itu tidak mengeluarkan lagi generasi baru yang mempunyai roh yang baik. Apa yang saya maksudkan dengan roh itu ialah semangat, nilai dan idea yang membentuk teras bagi seseorang individu yang menentukan perlakuannya. Apa yang dikatakan roh itu adalah penting bagi pembentukan bangsa. Bayangkan sesebuah bangsa terdiri daripada individu-individu bersemangat yang mempunyai nilai serta peribadi berasaskan moral tinggi yang penuh dengan ilmu dan idea dan yang disatukan oleh warisan matlamat serta rasa kekitaan bersama. Sudah tentulah bangsa itu akan berkeyakinan dan boleh berdiri gagah menghadapi dan mengatasi walau apa pun yang melanda.

Bagaimanakah kita hendak mengembalikan roh itu ke dalam sistem pendidikan dan dari situ ke generasi yang akan datang? Saya rasa ini bergantung antara lain pada senarai bacaan yang lengkap serta kukuh bagi tiap-tiap tahun persekolahan dari peringkat rendah hingga menengah untuk subjek-subjek penting seperti bahasa, Sastera, Sejarah, Sains dan Teknologi. Buku-buku ini hendaklah yang boleh membina minda, memperkasakan hati sanubari dan memupuk semangat. Antaranya buku-buku mengenai tokoh-tokoh besar yang memberikan inspirasi dan membantu membina perwatakan, buku-buku yang menceritakan perjuangan serta pergerakan manusia dan rakyat yang mengingatkan betapa pentingnya berjuang untuk keyakinan kita.

Setiap kejayaan yang dicapai oleh manusia mempunyai cerita yang menarik dan boleh mengilhamkan. Senarai bacaan di sekolah harus terbuka dan meliputi sumbangan seluruh dunia, pelbagai pandangan hidup dan juga kepercayaan serta agama. Kesemuanya harus terletak di atas kepentingan-kepentingan yang tidak harus terletak pada kepentingan yang sempit.

Secara khusus, untuk proses membina bangsa dalam persimpangan sejarah kita, yang penting kini perlulah kita menggalakkan anak-anak kita mengenali tokoh-tokoh dan pejuang-pejuang daripada pelbagai aliran serta latar belakang yang berusaha dan menyumbang untuk menentukan kejayaan negara kita.

■1700

Kita perlu galakkan juga membaca dan mengetahui tentang tokoh-tokoh dalam pelbagai bidang sukan, seni, sastera, ilmu pengetahuan, sains, politik dan sebagainya yang telah berjaya dalam bidang masing-masing. Galakkanlah mereka membaca dan didik tentang semua pejuang daripada pelbagai kaum dan latar belakang politik supaya mengenali latar belakang mereka dan apakah sumbangan mereka.

Galakkan pelajar-pelajar kita membaca tentang individu-individu yang telah berjaya dengan cemerlang dalam bidang masing-masing supaya boleh menjadi ilham dan contoh. Ini termasuk bukan sahaja Tan Sri P. Ramlee tetapi juga Yang Berhormat kita, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin. Galakkan mereka membaca dan mengenali tentang pelbagai peradaban dan budaya yang mempengaruhi dan memperkayakan corak bangsa kita pada hari ini.

Bahkan, galakkan juga mereka untuk membaca tentang sejarah dan ajaran agama-agama besar yang mempengaruhi kehidupan kita. Dengan demikian, anak-anak kita akan merasa bangga terhadap warisan bangsa. Mereka boleh juga memilih tokoh-tokoh yang mereka sukai yang boleh menjadi *role model* mereka. Semua ini boleh memandu jalan kehidupan mereka dan membantu mereka dalam keadaan yang mencabar sekarang. Kalau mereka mempunyai kekukuhan ini, tidak mudah rasanya perkara-perkara buruk boleh melanda mereka.

Kita sangat kekurangan buku-buku yang menceritakan hal-hal seperti ini dan haruslah rakyat dan juga kerajaan mengusahakan buku-buku yang ditulis, baik dan mempunyai ilustrasi yang baik, yang disukai oleh anak-anak kita. Daripada kuat membaca ini, mengenal sejarah dan budaya kita akan kuat juga asas bagi membina 1Malaysia. 1Malaysia tidak seharusnya menjadi satu *rhetorical* tetapi satu perkara yang harus benar-benar menyatupadukan rakyat di negara ini. Tadi saya cuma mengatakan bahawa kita agak gagal dalam tempoh 50 tahun lebih ini untuk membina satu masyarakat bersatu padu, negara bangsa yang bersatu padu. Kita tidak dapat mengatakan bahawa kita sudah bersatu padu sekarang ini. Apabila sedikit sahaja soal kaum diapi-apikan oleh akhbar dan sebagainya, makin besar masalahnya.

Sekarang saya berpindah pada soal melindungi alam sekitar. Ada dua perkara. Sekarang saya menuju pada mengenai alam sekitar dan kemudian selepas keselamatan dan pertahanan saya habiskan. Berpindah pada soal alam sekitar, saya ingin tekankan bahawa sekarang ini sebenarnya kita menghadapi banyak masalah alam sekitar. Ramai orang memperkatakan tentang hutan yang musnah oleh kerana kerja-kerja pembalakan dan pembangunan yang tidak terancang bahkan kadang-kadang liar. Begitu juga mereka merasa bimbang kerana begitu banyak sekali bukit dan gunung ditarah untuk membina rumah, hotel dan pusat judi. Selain daripada itu, bilangan kenderaan bertambah dengan banyak menyebabkan kesesakan lalu lintas. Begitu juga kilang-kilang yang dibina banyak mengeluarkan asap kotor. Aktiviti pembalakan dan pembinaan memberikan kekayaan kepada sebilangan kecil manusia yang rakus. Pada masa yang sama...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih panjang lagikah?

Dr. Syed Husin Ali: Dalam 20 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tadi minta lima minit setiap seorang daripada kawan-kawan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Ya. Dari awal saya mengatakan tadi. Saya harapkan dapat...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya merasakan kita semua ini pandai kira masa, ya. Minta maaf, Yang Berhormat. Saya kira masa Yang Berhormat hampir satu jam sepuluh minit.

Beberapa Ahli: Ooh!

Timbalan Yang di-Pertua: Diperuntukkan 30 minit, 40 minit setiap seorang. Sudah beri pun.

Dr. Syed Husin Ali: Akan tetapi kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua, orang yang bercakap mencadangkan bercakap satu jam setengah atau dua jam. Kebiasaannya juga pihak pembangkang diberikan peluang yang sama. Jadi, saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tadi sudah dimaklumkan oleh Yang di-Pertua. Harap beri kerjasama, ya?

Dr. Syed Husin Ali: Ya, saya akan selesaikan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, kalau melanggar peraturan, kalau seorang bercakap satu jam lebih, kalau rakan-rakan lain bercakap, jangan hentikan. Minta pembangkang jangan balik. Tunggu sampai habis. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Azian bin Osman: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila gulung, Yang Berhormat. Sila gulung.

Dr. Syed Husin Ali: Sekarang saya pergi pada soal alam sekitar. Sekarang ini sebenarnya bukannya soal-soal kecil yang saya sebutkan tadi yang penting. Yang lebih pentingnya ialah kita dapati bahawa keadaan sekarang ini menunjukkan kita menghadapi dua krisis global yang besar. Krisis yang pertama ialah krisis-krisis pemanasan global. Ini telah disebutkan tadi mempunyai akibat misalnya terhadap pertanian di Sarawak. Krisis yang ini boleh mengakibatkan apa yang dikatakan sekarang ini *sixth extinction*, dengan izin, iaitu kepupusan yang keenam. Kepupusan ini akan berlaku disebabkan kemusnahan alam sekitar oleh manusia berpunca daripada penebangan hutan yang melampau dan kemusnahan kawasan paya, *wetlands* dan sebagainya. Kita di Malaysia menyumbang juga pada kemusnahan ini dengan di negara ini, kita meluaskan perlakuan penebangan hutan, pembukaan kilang dan sebagainya.

Ini tidak bererti bahawa tidak boleh membuka hutan atau tidak boleh membina kilang, tetapi mesti disediakan peraturan-peraturan supaya pencemaran tidak berlaku. Apabila berlaku pemanasan global ini, kita dapati bahawa akibatnya adalah sangat buruk. Bukan sahaja akan meningkatkan suhu kepanasan tetapi kenaikan kepanasan ini sekali gus boleh mengakibatkan lebih banyak banjir dan kemarau berlaku daripada sekarang. Selain itu, diramalkan juga bahawa sesetengah kawasan akan tenggelam jikalau misalnya tidak dikawal sama sekali soal pemanasan global ini.

Krisis yang kedua ialah kita dapati bahawa ada *green house effect*. *Green house effect* ini adalah oleh kerana banyaknya *carbon dioxide* yang dikeluarkan dan karbon yang dikeluarkan ini boleh menimbulkan pelbagai masalah sepertimana yang telah saya sebutkan iaitu masalah banjir, hujan, *temperature* naik boleh juga pulau-pulau tenggelam dan sebagainya. Antara punca besar daripada masalah ini ialah gas yang dikeluarkan daripada kereta, asap-asap yang dikeluarkan daripada kilang dan juga pelbagai gas yang mungkin keluar dan ini telah dinyatakan daripada penyelidikan-penyelidikan sains, daripada kawasan padi juga.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit tentang keselamatan dan pertahanan. Daripada segi keselamatan, kita tahu sekarang ini banyak masalah yang timbul, terutama sekali masalah penjenayahan dan sebagainya. Adalah sangat diragui dan dikesali bahawa sekarang ini lebih banyak anggota polis misalnya terpaksa bertumpu kepada soal-soal seperti mengawal demonstrasi aman, sampaikan hendak masuk ke sini pun akan dikawal. Dengan demikian tidak banyak masa yang ditumpukan pada soal-soal menghadapi dan mengatasi jenayah. Kita tahu bahawa peranan terpenting pihak polis ini ialah untuk mengatasi masalah tersebut.

Saya berharap juga bahawa dalam soal keselamatan ini, kenaikan gaji yang telah diberikan kepada anggota polis akan dapat mengurangkan soal korupsi yang berlaku kerana persepsi umum ialah polislah yang paling teruk korupsinya. Saya harapkan begitu kerana sepatutnya dengan kenaikan gaji itu, desakan-desakan korupsi akan kurang tetapi, korupsi tidak akan hilang selagi misalnya contoh-contoh di atas yang korup tidak dapat dihapuskan dan selagi punca-punca yang menyebabkan korupsi itu tidak dapat ditamatkan.

Berpindah pula pada soal pertahanan. Sebelum pertahanan, kami mendesak supaya laporan suruhanjaya polis diimplementasikan segera terutama sekali tentang penubuhan IPCMC. Berbalik pada soal pertahanan, saya hendak menyebut hanya dua perkara. Perkara pertama ialah kita memang membelanjakan banyak pada pembelian senjata yang baru, tetapi dalam banyak hal pembelian senjata itu, menimbulkan masalah bahawa senjata-senjata itu kadang-kadang tidak baik dan tidak efisien.

■1710

Salah satu daripadanya misalnya ialah senjata-senjata yang dibeli seperti kereta perisai yang dibeli dari Poland misalnya dan beberapa buah kapal terbang pejuang yang telah dibeli dan sekarang ini tersadai di sebuah padang pasir di Amerika begitu lama. Ini berlaku kerana kita dapati bahawa nampaknya ada unsur mencari keuntungan daripada pembelian tersebut. Unsur ini sama dengan unsur *rent-seeking* yang telah saya sebutkan tadi. Ini haruslah diatasi terutama sekali sekarang ini ada pengumuman daripada Menteri Pertahanan yang baru bahawa kita akan membeli tidak kurang daripada RM10 bilion nilai senjata yang baru, termasuk helikopter, kereta perisai dan sebagainya. Saya tidak menafikan keperluan membeli segala-gala ini, tetapi haruslah ditentukan bahawa tiga perkara tidak berlaku seperti:

- (i) kita mesti memastikan tidak berlakunya *rent-seeking* ataupun korupsi dalam pembelian senjata-senjata itu;
- (ii) kita harus memastikan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mohon kerjasama tunaikan janji.

Dr. Syed Husin Ali: Tiga minit, tiga minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Cuma tinggal 19 minit lagi Dewan akan ditangguhkan. Mohon kerjasama.

Dr. Syed Husin Ali: Kedua, sekarang ini, adakah kita terlibat dengan proses militarisme? Kalau kita terlibat dengan proses militarisme, maka bererti kita juga terlibat dengan persaingan ala perang dan ini akan mengancam keamanan di rantau ini. Saya harap kita tidak berlumba-lumba dalam persenjataan supaya kita dapat menjaga keamanan di rantau ini.

Ketiga, nampaknya ada tambahan perbelanjaan bagi membeli peralatan perang yang akan dipikul oleh kerajaan begitu besar sekali. Dalam keadaan ekonomi sekarang ini, saya percaya bahawa perbelanjaan yang besar itu lebih baik ditumpukan pada perbelanjaan untuk menaikkan taraf hidup orang miskin kerana memang dasar sekarang ini, kalau mengikut MEB ialah untuk menaikkan taraf orang miskin.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa baru-baru ini Menteri Pertahanan telah berjumpa dengan Menteri Pertahanan Israel iaitu Ehud Barak dan mereka berjumpa di Paris. Perjumpaan itu berlaku selepas pembunuhan beramai-ramai di Palestin, pemusnahan bangunan-bangunan di Palestin dan juga kezaliman yang dilakukan ke atas pertanian orang Palestin, kilang-kilang mereka dan sebagainya. Jadi, adalah satu masa yang tidak tepat bagi beliau untuk menemui Menteri Pertahanan Israel Zionis itu.

Apa yang penting ialah bahawa pertemuan beliau telah menimbulkan kemarahan sesetengah golongan pejuang pembebasan Palestin. Untuk menenangkan kemarahan daripada pejuang-pejuang Palestin ini, saya mendapat maklumat bahawa beliau telah berjumpa dengan sesetengah pemimpin mereka dan menjanjikan akan memberikan bantuan senjata. Akan tetapi ada syaratnya. Syaratnya ialah bahawa dengan memberi bantuan senjata itu, selepas itu pihak-pihak Palestin akan berusaha supaya menggalak dan menggesa Pas terutama sekali supaya bekerjasama dengan UMNO.

Ini adalah satu maklumat yang sangat serius dan saya ingin Yang Berhormat Menteri Pertahanan sendiri menjelaskan perkara ini kerana apa yang berlaku waktu itu ialah semasa orang sibuk bercakap tentang kerjasama dan perpaduan antara PAS dan UMNO. Sekian *wabillaahhitaufik. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Saya hendak minta penjelasan itu Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, tentang bahagian terakhir Yang Berhormat sebutkan tentang memujuk PAS bersatu dengan UMNO sebagai syarat bantuan diberikan pada apa tadi itu. Apa yang saya takut kalau-kalau kita membiasakan dengan menyebarkan khabar-khabar angin, kemudian seakan-akan lempar batu sembunyi tangan. Ini tidak bagus.

Tadi kita bercakap tentang hendak menjaga kemuliaan Dewan ini, dan ini saya rasa tidak menjaga kemuliaan Dewan kalau kita membiasakan dengan tabiat-tabiat seperti itu. Penjelasan itu sahaja, adakah khabar angin atau berita yang sahih? Itu sahaja. Kalau berita yang sahih apa puncanya? Kalau khabar angin, apakah tujuannya?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, ini bukannya khabar angin tetapi bersumberkan seorang pemimpin yang bertanggungjawab dalam gerakan Palestin. Jangan disangkakan bahawa kita tidak mempunyai hubungan dengan gerakan-gerakan tersebut. Itu sebab saya meminta kalau boleh menteri sendiri datang ke mari untuk menjelaskan apa sebenarnya yang berlaku. Saya tidak akan mencabar beliau berbuat demikian, jikalau khabar ini adalah khabar bohong. Saya bersedia sebenarnya untuk menanyakan soalan yang sama di luar Dewan ini kerana saya bertanggungjawab ke atas apa yang telah saya tanyakan dan saya nyatakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

5.16 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bersama-sama untuk berucap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang ini. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak serang Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh petang ini, sebelum saya hendak serang orang lain. Saya hendak serang Karpal Singh ini sebab dia kurang ajar, ada niat jahat apabila mempersoalkan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau di luar pun saya akan serang juga. Jangan ingat kita tidak berani. Niat dia sangat jahat dan dia telah membuat banyak tuduhan. Tuduhan terhadap Ketua Hakim Negara rasuah, cabar Sultan Perak, tidak setuju negara Islam dan sebagainya.

Ada satu ayat yang disebut di sini dengan izin, "*Karpal Singh, he wills continue to fight against the Islamic state issue, despite being criticized in blogs including call to kill him on the Johor PAS website...*" Ada orang Johor hendak bunuh dia. Tuan Yang di-Pertua, lagi satu *statement* dengan izin, *the comment dated April 24, 2009 was listed on the website box and was written by someone called Alif, who alleged Karpal has insulted Islam and that darahnya halal dibunuh. It is justifiable to kill him.* Jika ada pembunuhan terhadap Karpal Singh, maka orang PAS lah yang akan bunuh, itu yang pertama. Karpal Singh, dengarlah!

Kedua, sindrom terhadap... Malaysia. Ini saya hendak memberi tekanan yang serius pada seluruh Kabinet. *The Cabinet*, tanggungjawab bersama Peraturan Mesyuarat 43(3) dalam Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa Jemaah Menteri adalah bersama-sama bertanggungjawab kepada Parlimen. Apa yang menjadi masalah kepada kita adalah penguatkuasaan amat lemah. Kerajaan jangan lagi bertolak ansur dalam semua aspek khususnya sekuriti, tangkap dan ISA jangan mansuh.

Saudara kita suruh mansuh, kita kata jangan. Contohnya Singapura, dia sebat rakyat Amerika walaupun dikritik, dia sebat, dia tibai. Kita ini lima enam bulan terapung-apung, apa pun tidak buat, lemah. Ketiga saya hendak tanya, saya pun sedih juga sahabat saya Yang Berhormat Dr. Syed Husin ini.

Dia tulis sini, saya minta hari lainlah jawab. Jangan jawab hari ini sebab tidak ada masa. Dalam *Utusan Malaysia* tulis RM500,000 - Syed Husin dicabar laporan polis, Anwar Ibrahim beli Syed Husin RM500,000. Murah sangat! Kurang-kurang RM500 juta atau bilion. RM500,000 harga Syed Husin...

Seorang Ahli: Jangan jawab!

Tuan Ahmad bin Hussin: Dalam surat khabar ini... [*Menunjukkan keratan akhbar*] Jangan jawab lagi, sabar! Esok baru jawab. Saya kesianlah. Saya duduk sini, saya hendak bela.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Ahmad bin Hussin: Boleh, tidak ada masalah. Murah sangat! Lembu pun harga mahal.

■1720

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan. Siapa yang tuduh itu Yang Berhormat? Tolong baca sekejap. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Tidak berapa nampak, tidak berapa nampak. Tidak nampak. Saya tidak mahu baca.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak. Siapa yang tuduh itu..., siapa dia? Tolong baca sekejap.

Tuan Ahmad bin Hussin: Ini hendak baca lah ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Seorang Ahli: Baca perlahan-lahan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Sekejap. "Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Dr. Syed Hussin Ali dicabar membuat laporan polis terhadap sebuah laman blog yang mendakwa beliau dibayar RM500 ribu oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim bagi membubarkan Parti Rakyat Malaysia". Jelas. *Utusan Malaysia*, 6 Mac 2010. Saya hendak bela sesama umat Islam. Mana boleh zalim. Tidak boleh. Tidak tergamak saya. Yang ketiga – itu masa sedikit... [Disampuk] Saya haraplah walau dasar apa pun kita hendak buat, yang saya tengok ini Model Ekonomi Baru ini, walau apa pun kita hendak buat, walau kita hendak suruh swasta kah seperti Yang Berhormat Dr. Syed Hussin Ali kata tadi tetapi kita jangan lupa dasar yang saya sebut tadi, dasar *affirmative* mesti di dahulukan.

Kalau kita benar 1Malaysia, orang luar bandar dahulu, bukan orang di bandar. Lepas luar bandar kita masuk ke bandar. Sekarang kita tumpu pada bandar, kita lupa luar bandar. Ini mana dia 1Malaysia? Jadi dasar *affirmative* 153 Perlembagaan Persekutuan jangan dicabar oleh mana-mana pihak. Kita tidak tahu Menteri mana! Saya di sini jangan beri panas hati. Saya geram ini! Orang kampung marah saya! Saya datang ini bawa mandat orang kampung! Mandat negeri! Negeri Perlis, Kedah, Terengganu, Kelantan, negeri yang agak ke belakang sedikit.

Ini saya beritahu Kedah! Kedah! PAS lah! Bukan UMNO! Keadilan. Itu Keadilan, Penang. Akan tetapi Penang kayakan? Setakat Kedah dengan ini, saya bela. Dasar *affirmative* tolong bumiputera. Maksud bumiputera begini. Di dalam Perlembagaan Persekutuan, ia ada 56 kali disebut perkataan Melayu, kemudian disebut bumiputera Sarawak, kemudian disebut bumiputera Sabah, kemudian disebut Orang Asli dan lain-lain. Jelas. Yang inilah hendak tolong. Jangan tolong yang tidak ada di dalam perlembagaan. *Deny and avoid*. Salah. *It is against*, dengan izin, Perlembagaan Persekutuan. Dalam Perkara 4(1), selalu saya sebut. Dalam Perkara (4)1 Perlembagaan Persekutuan disebut, "Perlembagaan ini adalah undang-undang yang tertinggi. Mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas hari Merdeka yang bercanggah dengan Perlembagaan adalah terbatas setakat yang bercanggahan itu". Haram! Haram!

Mana Yang Berhormat Menteri Kabinet kita? Saya hendak tanya. Masa dia hendak buat itu ada fikir tidak? Haram kah? Halal kah? Saya harap hak agama satu. Ini buat keputusan dahulu, kemudian dia tanya Mufti. Mana boleh! Tanya Mufti dahulu! Ini hak Raja, ini hak Sultan. Jangan Kabinet pandai-pandai membuat keputusan. Saya di sini berdiri di atas nama rakyat, atas agama, atas perpaduan, atas 1Malaysia... [Disampuk] Tidak marahlah! Jadi, kita tadi saya sebut – Yang Berhormat Menteri ada. Kesaksamaan, bukan kesamarataan. Jadi, semua orang dapat nikmat. Tidak akan seorang pun tertinggal tetapi, kalau kita buat sebaliknya, kalau kita buat kesamarataan ini, orang kampung mati, petani mati, nelayan mati. Sama rata mati. Jadi, kita sekarang memperjuangkan, kita minta kerajaan Barisan Nasional memperkukuhkan perjuangan kesaksamaan. 1Malaysia sama dengan kesaksamaan, sama dengan Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Azian bin Osman: Mohon laluan Yang Berhormat. Boleh?

Tuan Ahmad bin Hussin: Boleh, sekarang juga saya bagi.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih. Yang Berhormat menyentuh tadi, saya lihat Kabinet Kerajaan, saksama, sama rata. Siapa sebenarnya yang saksama dan sama rata ini? Bukankah selama ini kerajaan kita mengamalkan semangat kesaksamaan? Mana yang patut didahulukan, didahulukan. Yang kemudian, dikemudiankan. Yang kaya kurang dibantu, yang miskin lebih bantuannya. Bukankah itu Dasar Ekonomi Baru selama ini? Yang sama rata itu bukan kerajaan. Itu pihak lain, puak lain. Mungkin Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bukan kerajaan yang berkabinet tadi. Maksud saya, perumpamaan saya Kabinet Kerajaan Pusat tetapi, sebenarnya pada pandangan sayalah, Kerajaan Pusat mengamalkan kesaksamaan, bukan kesamarataan. Yang cuba mengamalkan kesamarataan ini, Pulau Pinang. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Hussin: Setuju. Yang keempat – lambat masa. Penat agaknya. Beras untuk orang miskin. Ini nombor satu. Kita sudah bercakap lama sudah Tuan Yang di-Pertua. Beras untuk orang miskin. Bermakna yang di bandar RM450, luar bandar RM420. Kemudian di bandar RM1,500 sebulan, kemudian semua subsidi beri Orang Asli. Ada 15,000 orang.

Jadi, saya harap beras ST15 ini banyak dalam pasaran. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, siapa PTD daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tolong tulis, cukupkan dan genapkan ST15 dan mansuhkan ST10. Jangan ada langsung dalam pasaran sebab peniaga akan turunkan ST15 kepada ST10. Dia untung banyak. Dia akan kurangkan dalam pasaran dan menyebabkan kita orang susah lagi bertambah susah, orang senang lagi bertambah senang. Itu satu yang mesti diingat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kedua, siling harga padi ini, tidak boleh siling RM1,000. Kalau kita buat siling RM1,000, orang yang bodoh, orang yang segan, petani yang ini pun ia akan dapat RM1,000. Kualiti barang macam mana? Kualiti akan jatuh sebab dia segan hendak bubuh baja, dia segan hendak jaga benih. Benih pun tidak sihat, benih tidak sah.

Kita hendak siling ke bawah, paling rendah harga RM1000. Kalau dia hendak naik, saya cadangkan sampai RM1,500 satu tan metrik. Ini barulah orang-orang kampung akan buat kerja kuat, anak-anak graduan pun akan bekerja dan semua anak muda tidak akan merempit. Dia akan cari jalan macam mana hendak usahakan pertanian secara perniagaan komersial. Ini harus diambil perhatian oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Satu lagi saya hendak cadangkan, sekarang kita import, BERNAS import, tetapi BERNAS satu-satunya pengimport. Ini masalah. Kita tidak boleh bagi satu sahaja pengimport.

Kerajaan saya cadangkan wujudkan satu lagi untuk mengimport supaya kita tender dan tengok yang mana yang terbaik kita ambil. AirAsia ada, MAS ada. Sekarang Tuan Yang di-Pertua pun boleh naik, hendak pergi mana pun. Hendak naik AirAsia boleh, hendak naik MAS pun boleh. Akan tetapi, kalau AirAsia tidak ada, MASlah. Kalau dia sembelih pun, habislah, apa hendak buat. Sekarang ini BERNAS sembelih kita. Macam mana sembelih? Saya hendak cerita. Dia bila dia import padi, dia dapat subsidi RM750. Mana boleh bagi orang import, bagi duit! Ini unsur-unsur yang tidak betul, unsur-unsur yang tidak pernah dibuat oleh negara-negara lain.

Katanya sebab ia rugi di dalam negeri. Tidak boleh! Kalau dia tidak mahu import, sudah! Kita lantik satu lagi, macam mana? Kita selamat. Jadi RM750 itu dia dapat berbilion-bilion *just for subsidy*. Orang yang macam ini kita masih bela. Sekarang kita berhentikan! Saya minta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kaji semula. *Stop! Once and for all*. Jangan bagi. Kalau dia tidak mahu, kita suruh *company* lain. Itu satu.

Kedua, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kilang-kilang BERNAS ini rugi semua di Malaysia. Semua rugi. Dia monopoli, monopsoni tetapi dia rugi. Dia makan besar. Perut dia besar sangat, jalan pun tidak boleh. Sudah *heavyweight* orang kerja BERNAS ini. Dia ini biasa kerja BERNAS... [Merujuk kepada Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad] Masuk Parlimen dia tidak buat sudah. Dia pun sudah tidak buatlah sekarang ini. Bukan dahulu dia buat. Dia beritahu ada orang buatlah tetapi dia tidak buat sudah. Yang Berhormat Mohd. Khalid ini okey sudah. Tengok, mana ada gemuk? *Slim* macam saya sahaja.

Jadi, semua orang ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta tolonglah SPRM masuk, *check* setiap orang Pengurus Besar, Penolong Pengurus Besar, orang-orang bawah itu sampai kerananya. Buatlah sesuatu. Kalau tidak kita kena aniaya. Kita sembang macam-macam di sini. Retorik tetapi, apabila masuk di kilang-kilang, musnah habis, kilang rugi, bankrap. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, saya harap jawab tiap-tiap soalan apa hendak buat.

Habis yang itu, hal yang besar pula. *Treasury* menasihatkan kita dengan izin, "*Do not take too many risk*". *Treasury told*. Apa dia? Satu, sudahlah KLIA RM11.7 bilion, Khazanah RM10.98 bilion, Danaharta Nasional RM10.3 bilion, Perwaja tidak tahu apa jadi dengan duit itu, RM5 bilion. Saya harap duit-duit ini hantar ke luar bandar. Jadikan macam di Libya. Jadikan satu kawasan taman macam syurga di luar bandar. Apa salahnya? Orang bandar senang, hidup, tidak menderita lagi, ada pendapatan, ada tabungan, maka sampai kiamat pun Barisan Nasional akan perintah Malaysia, *insya-Allah...*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Ahmad bin Hussin: Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh sambung ucapan pada esok hari. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa, 27 April 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.

LAMPIRAN

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
AL-WATHIQU BILLAH TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
dan Salam Sejahtera*

**Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat,
Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.**

Alhamdulillah, Beta memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya, dapat Beta dan Raja Permaisuri Agong bersama-sama berangkat hadir ke Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Kedua Belas pada hari ini.

2. Beta juga turut memanjatkan kesyukuran di atas nikmat kemakmuran, keselamatan dan keamanan yang dikecap oleh negara selama ini. Beta sentiasa berdoa agar negara kita terus maju dan rakyat hidup dalam harmoni serta menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada tanah air yang tercinta.

3. Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga ini merupakan yang pertama Beta menyampaikan titah sejak Mamanda Perdana Menteri Beta memegang tampuk kepimpinan negara. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri dan barisan Jemaah Menterinya kerana sejak 11 bulan yang lalu, kerajaan Beta di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri telah berjaya melaksanakan pelbagai program demi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Para pemimpin hendaklah mencontohi Mamanda Perdana Menteri dengan turun padang untuk mendampingi rakyat bagi memahami dengan lebih dekat atas akan masalah mereka dan jalinkan hubungan yang rapat dengan rakyat di semua peringkat.

4. Beta menyambut baik Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan yang berpaksikan Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Beta telah menetapkan enam Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau NKRA yang perlu dicapai iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, menambah baik pengangkutan awam, memerangi rasuah, mengurangkan kadar jenayah, memperkasa prasarana luar bandar dan pedalaman serta meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Sesungguhnya, Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan yang dilancarkan pada 28 Januari 2010 adalah satu program yang berani. Beta sukacita rakyat menyambut baik akan komitmen-komitmen kerajaan tersebut. Rakyat hendaklah berganding bahu bersama-sama kerajaan Beta agar Program Transformasi Kerajaan berjaya dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

5. Alhamdulillah, ekonomi negara kini semakin pulih daripada kesan kemelesetan ekonomi global dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar suku keempat tahun 2009 kembali mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.5 peratus, iaitu lebih baik daripada unjuran 3 peratus. Perkembangan yang menggalakkan ini antara lain adalah hasil pelaksanaan 2 pakej rangsangan ekonomi bernilai RM67 bilion serta disokong oleh permintaan dalam dan luar negara yang semakin kukuh. Walaupun kemelesetan ekonomi global telah mengakibatkan pelbagai kesukaran, namun terdapat hikmat di sebaliknya. Ini telah mendorong semua pihak berusaha menggunakan sepenuhnya sumber dan peluang yang ada untuk membawa negara keluar daripada kesukaran tersebut. Beta sukacita dengan usaha kerajaan Beta di bawah kepimpinan Mamanda Perdana Menteri yang telah menjadikannya satu peluang untuk mentransformasikan negara ke arah masa hadapan yang lebih baik.

6. Kerajaan Beta amat komited dalam memastikan projek-projek pembangunan disiapkan mengikut jadual, berkualiti dan memberi pulangan setimpal dengan peruntukan yang dibelanjakan. Untuk ini, aspek pemantauan sentiasa dipertingkatkan bagi memastikan ianya mencergaskan aktiviti ekonomi negara dan memberi kesejahteraan kepada rakyat. Semua agensi kerajaan akan terus memberi penekanan kepada impak dan keberkesanan program serta projek berbanding mementingkan output semata-mata.

7. Kerajaan Beta telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk pelbagai subsidi bagi meringankan bebanan rakyat. Pada tahun 2009 sahaja sebanyak RM24.5 bilion telah dibelanjakan untuk tujuan tersebut. Pemberian subsidi bukan sahaja dinikmati oleh golongan sasaran malahan turut dikecap oleh mereka yang tidak layak, misalnya golongan berpendapatan tinggi dan warga asing. Pemberian subsidi akan distruktur semula dan dikurangkan secara berperingkat. Walau bagaimanapun, kumpulan sasaran seperti kumpulan mudah miskin akan terus dibantu agar mereka tidak terbeban. Justeru, Beta menyeru agar rakyat berpandangan jauh dan bersedia menerima perubahan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

8. Usaha kerajaan Beta memperkenalkan model ekonomi baru untuk menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dan maju adalah satu langkah berpandangan jauh. Model ini memberi penekanan kepada inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi. Beta menyeru semua pihak supaya bersama-sama menjayakan matlamat tersebut demi negara tercinta. Tumpuan akan terus diberi kepada bidang-bidang yang negara mempunyai kelebihan, berpotensi dan rantaian nilai tambah yang tinggi serta dapat menjana pulangan yang lebih besar. Ini termasuk sektor perkhidmatan terutamanya kewangan, pelancongan, pendidikan, kesihatan dan perdagangan. Pada masa yang sama, sektor-sektor lain seperti pembuatan, pertanian dan komoditi akan terus diberi keutamaan.

9. Beta bangga dengan kepakaran Malaysia dalam bidang perbankan Islam dan kedudukan Malaysia sebagai pusat sukuk terbesar dunia dengan menguasai lebih 60 peratus pasaran sukuk global. Pemulihan ekonomi global hendaklah digunakan sebagai peluang untuk menarik lebih banyak syarikat menjadikan Malaysia sebagai pusat untuk menerbit sukuk, memandangkan Malaysia mempunyai prasarana dan persekitaran pasaran yang kondusif.

10. Usaha Kerajaan Beta meliberalisasikan peraturan berkaitan sektor pembuatan dan perkhidmatan secara komprehensif dan garis panduan berkaitan pemilikan ekuiti asing akan meningkatkan lagi proses pemindahan teknologi dan bina upaya tempatan. Langkah ini turut menggalakkan lagi pelaburan asing dan memperkukuhkan keupayaan serta daya saing industri tempatan.

11. Memandangkan Perusahaan Kecil dan Sederhana atau PKS merupakan 99 peratus daripada jumlah pertubuhan perniagaan di Malaysia, maka pelbagai program pembangunan akan dipertingkatkan untuk mentransformasikan PKS agar lebih berdaya saing dan menghasilkan nilai yang tinggi.

12. Dalam memantapkan rantaian nilai tambah tinggi, sektor perdagangan dan aktiviti yang berkaitan juga merupakan antara penyumbang penting untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara. Selaras dengan ini, Pelan Induksi Perdagangan Pengedaran akan diperkenalkan bagi menggalakkan pembangunan sektor tersebut. Aktiviti koperasi dan francais juga akan terus diberi sokongan supaya menjadi antara pemangkin utama dalam sektor perdagangan pengedaran.

13. Beta sukacita sektor pelancongan terus kekal menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan sumber pendapatan pertukaran wang asing. Langkah-langkah akan terus dipertingkatkan untuk menggalakkan kedatangan pelancong yang berbelanja besar dan tinggal lebih lama dengan menggiatkan pembangunan produk-produk pelancongan berimpak tinggi.

14. Dalam usaha untuk memperkasa dan mentransformasikan sektor pertanian, satu dasar baru berkaitan sektor agro-makanan akan digubal. Dasar ini meliputi usaha-usaha ke arah meningkatkan pengeluaran makanan tempatan bagi menjamin bekalan makanan yang selamat dan mencukupi, meningkatkan produktiviti dan daya saing serta melibatkan penyertaan aktif pihak swasta.

15. Kerajaan Beta akan terus menggalakkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam sektor komoditi bagi menghasilkan teknologi dan inovasi yang boleh meningkatkan produktiviti sektor tersebut. Manakala, penghasilan produk-produk baru bernilai tambah tinggi dan penerokaan pasaran baru turut diberikan penekanan.

16. Kerajaan Beta juga akan memberi tumpuan kepada pembangunan industri aeroangkasa dan dengan menjadikan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang sebagai pusat Pusat Aeroangkasa Antarabangsa Malaysia. Insentif-insentif tertentu akan dipertimbangkan sebagai sokongan kepada pembangunan industri tersebut.

17. Sukan turut berpotensi menjadi industri yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini berupaya mewujudkan peluang pekerjaan, menggalakkan pengeluaran produk yang berkaitan sukan, menjana pendapatan daripada pengiklanan dan penjualan masa siaran serta menggiatkan industri pelancongan berkaitan sukan. Untuk memajukan industri tersebut, para atlet hendaklah meningkatkan prestasi ke tahap tertinggi dan persatuan-persatuan sukan meningkatkan aspek pengurusan agar sukan dapat diuruskan dengan cekap. Masyarakat pula hendaklah tidak melihat sukan sebagai kegiatan riadah semata-mata sebaliknya sebagai kerjaya yang boleh membawa pendapatan tinggi.

Beta dengan sukacitanya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Lee Chong Wei dengan menjuarai perseorangan lelaki di kejohanan Badminton All England semalam. Kemenangan ini amat besar maknanya kepada negara kita dalam menjayakan Gagasan 1 Malaysia.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

18. Sesungguhnya, dalam era persaingan global, kejayaan masa hadapan negara memerlukan modal insan yang berpengetahuan, kreatif, berintegriti, memiliki daya usaha yang kuat dan semangat keusahawanan yang tinggi. Sehubungan ini, pembangunan modal insan secara holistik akan melibatkan pengukuhan keseluruhan sistem pendidikan negara bagi memastikan setiap individu berpeluang untuk menyerlahkan potensi dan bakat secara maksimum.

19. Beta menyambut baik usaha untuk memperluaskan akses kepada pendidikan prasekolah, meningkatkan penguasaan literasi dan numerasi murid serta membangunkan sekolah berprestasi tinggi. Semua sekolah sama ada sekolah Kerajaan atau sekolah bantuan Kerajaan sentiasa mendapat perhatian Kerajaan Beta. Beta juga mengalu-alukan langkah syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan menjadikan sekolah-sekolah tertentu sebagai anak angkat bagi mempertingkatkan pencapaian sekolah-sekolah tersebut.

20. Berikutan kejayaan Program PERMATA Negara, Kerajaan Beta akan memperkasakan lagi program tersebut dengan memperkenalkan beberapa program baru seperti PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan dan PERMATA Remaja. Program ini akan melahirkan generasi baru yang akan memacu negara ke masa hadapan yang lebih cemerlang.

21. Dasar baru pendidikan yang antaranya memartabatkan bahasa Malaysia, memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris serta meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi akan memantapkan lagi sistem pendidikan negara. Penekanan juga akan diberikan kepada bidang kemahiran vokasional, transformasi kurikulum dan sistem penilaian pelajar secara holistik. Sebagai kesinambungan kepada usaha melahirkan modal insan yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran, institusi-institusi pengajian tinggi awan dan institusi-institusi latihan akan menilai semula kurikulum dan mempertingkatkan kolaborasi dengan pihak industri bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keusahawanan graduan. Pada peringkat masa yang sama, usaha mentransformasikan politeknik ke arah politeknik premier dan politeknik metro serta kolej komuniti menjadi hab pembelajaran sepanjang hayat sedang dilaksanakan.

22. Manakala golongan belia, yang terdiri daripada 40 peratus penduduk negara adalah merupakan pelapis kepimpinan pada masa hadapan dan aset terpenting negara. Beta berharap bakat dan potensi mereka akan digembleng dan Beta menyeru golongan belia supaya mengubah cara berfikir dan bersedia memikul tanggungjawab yang lebih besar.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

23. Beta menyambut baik Dasar Inovasi Negara yang akan menjadi rangka tindakan kepada pelaksanaan agenda inovasi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara ke tahap yang lebih tinggi. Sehubungan itu, Pusat Inovasi Negara akan ditubuhkan sebagai pusat sehati bagi pihak akademia, industri, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan mencetuskan idea dalam usaha meningkatkan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan. Pengisytiharan Malaysia Inovasi Inovatif 2010 akan menyemarakkan lagi budaya inovasi dan kreativiti di kalangan rakyat.

24. Usaha Kerajaan Beta untuk beralih pantas kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan merencanakan aktiviti K-insentif memerlukan rangkaian infostruktur berkualiti tinggi. Sehubungan ini, Beta berharap sasaran penembusan jalur lebar kepada 50 peratus daripada isi rumah dan liputan selular kepada 97 peratus kawasan berpenduduk dapat dicapai pada akhir tahun ini. Bagi memastikan penyampaian maklumat lebih cepat, kos efektif dan mesra pengguna, pangkalan data interaktif akan terus dipertingkatkan.

25. Kerajaan Beta juga komited untuk memajukan industri kreatif yang berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi negara. Di samping mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, industri tersebut juga berupaya menjadi pemangkin bagi memupuk budaya dan menyemai identiti nasional.

26. Bagi menyokong matlamat untuk memacu pelaksanaan model ekonomi baru, pembangunan sektor tenaga akan diberi tumpuan bagi memastikan bekalan tenaga yang terjamin, kos efektif dan mesra alam. Dasar tenaga yang baru akan digubal meliputi usaha mempelbagaikan sumber tenaga negara terutamanya hidro dan sumber tenaga boleh diperbaharui serta mendorong penggunaan tenaga secara cekap dan pengagihan secara kos efektif. Peralihan kepada pembangunan tenaga berasaskan teknologi hijau adalah satu langkah yang tidak bijak dan berpandangan jauh.

27. Teknologi hijau akan memainkan peranan penting sebagai jentera pertumbuhan baru negara. Pelbagai inisiatif telah diambil untuk memacu pembangunan teknologi ini termasuk menyediakan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat yang membekal dan memanfaatkan teknologi tersebut.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

28. Perkhidmatan Awam yang cekap, berkesan dan pantas dalam memberi respons serta berintegriti amat penting untuk menyokong peralihan kepada model ekonomi baru. Oleh itu, Beta menyeru supaya inovasi menyeluruh dilaksanakan bagi mentransformasikan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam. Ini adalah selaras dengan peranannya sebagai pemudahcara kepada masyarakat perniagaan dan pelabur.

29. Beta prihatin terhadap pandangan masyarakat mengenai rasuah. Beta mengalu-alukan komitmen dan kesungguhan Kerajaan Beta untuk memerangi rasuah. Beta berharap rakyat akan terus memberi sokongan kepada Kerajaan dan melaporkan jenayah tersebut dengan penuh tanggungjawab. Sehubungan ini, Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat sedang digubal bagi melindungi pengadu yang membuat pendedahan rasuah.

30. Kerajaan Beta akan terus memainkan peranan yang aktif di peringkat antarabangsa bagi memastikan Malaysia terus bersuara, menyumbang pandangan dan tenaga untuk menjamin keamanan, keselamatan dan kemakmuran dunia. Beta sukacita dengan kemajuan kerjasama serantau terutamanya pewujudan Piagam ASEAN dalam usaha untuk membentuk Komuniti ASEAN menjelang 2015. Dasar luar dan kepentingan negara akan terus dipromosi dan dipertahankan bagi memastikan hubungan dan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan negara-negara asing terus berkembang.

31. Dalam usaha meningkatkan lagi keupayaan negara untuk bersaing bagi mendapatkan pasaran perdagangan yang lebih luas dan eksklusif serta menarik pelaburan asing, kerajaan Beta komited untuk melaksanakan proses liberalisasi perdagangan dan mengambil langkah-langkah mengenal pasti negara dan rantau yang beroperasi untuk diadakan perjanjian dan memulakan rundingan perdagangan bebas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

32. Semua program dan projek yang dilaksanakan akan berasaskan kepada keperluan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Selaras dengan ini, Kerajaan Beta akan terus membela nasib golongan berpendapatan rendah dan yang memerlukan. Bagi memastikan mereka menikmati kehidupan yang lebih selesa, Jaringan Keselamatan Sosial telah diperluaskan dan kecekapan penyampaian bantuan dipertingkatkan di mana ia dapat disampaikan kepada penerima pada setiap 1 hari bulan. Pada masa yang sama, Kerajaan Beta akan melaksanakan pendekatan kebajikan produktif bagi mengurangkan kebergantungan golongan berpendapatan rendah kepada bantuan kebajikan.

33. Kerajaan Beta akan terus mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat dengan merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Sehubungan ini, pembangunan infrastruktur asas luar bandar akan diperluas dan dipercepatkan pelaksanaannya meliputi pembinaan jalan luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak. Kesejahteraan dan kebajikan rakyat di bandar dan luar bandar serta yang jauh di kawasan pedalaman akan sentiasa diberi perhatian

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

34. Bagi meningkatkan taraf hidup dan pendapatan masyarakat di luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli dan Bumiputera Sabah dan Sarawak, program Lonjakan Mega Luar Bandar yang bermatlamat menghapuskan kemiskinan tegar melalui pelaksanaan projek-projek agropolitan akan terus dilaksanakan.

35. Usaha-usaha membangunkan generasi baru FELDA akan diteruskan melalui program latihan kemahiran yang meliputi kerjasama dengan pihak swasta dalam bidang berprofil tinggi serta mempunyai pasaran kerja yang baik. Di samping itu, lebih banyak rumah mampu milik akan dibina di tanah rancangan atau kawasan berhampiran yang sesuai. Ini akan menggalakkan lebih banyak pusat pertumbuhan baru dan mengurangkan penghijrahan belia ke bandar.

36. Kerajaan Beta juga prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan golongan rakyat berpendapatan rendah di bandar. Kerajaan Beta akan terus berusaha menyediakan kemudahan perumahan yang selesa dilengkapi dengan prasarana asas bagi kesejahteraan golongan ini. Langkah membolehkan rakyat memiliki rumah sendiri dengan membeli rumah di bawah Program Penjualan Projek Perumahan Rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah satu usaha murni. Beta berharap langkah yang serupa akan dapat dilaksanakan di seluruh negara.

37. Sebagai usaha mengurangkan bebanan rakyat bagi mendapatkan rawatan perubatan, Kerajaan Beta telah memperkenalkan Klinik 1Malaysia yang kini semakin popular di kalangan rakyat. Beta berharap lebih banyak program kesejahteraan rakyat seumpama ini dapat dilaksanakan. Di samping inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, rakyat juga hendaklah bertanggungjawab ke atas kesihatan diri dengan mengamalkan gaya hidup sihat termasuk beriadah, mengurangkan pengambilan gula, berhenti merokok dan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan.

38. Kepentingan dan kebajikan golongan wanita terus mendapat perhatian kerajaan Beta. Bagi membangunkan sepenuhnya potensi wanita dalam semua bidang, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang komprehensif telah disediakan. Ini menjadi asas kepada kerajaan, sektor swasta serta penubuhan bukan kerajaan untuk melaksanakan program pembangunan wanita yang lebih mantap dan berkesan.

39. Kerajaan Beta sentiasa prihatin terhadap golongan orang kurang upaya untuk menjalani kehidupan inklusif bersama-sama anggota masyarakat yang lain. Beta menyeru sektor swasta khususnya agar memberi peluang pekerjaan kepada golongan ini supaya mereka bersama-sama dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Rakyat juga hendaklah lebih prihatin kepada keperluan kumpulan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

40. Beta maklum akan keresahan rakyat yang tidak berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya di Lembah Klang. Sehubungan itu, langkah-langkah sedang diambil untuk mempertingkatkan pengangkutan awam, namun perubahan tidak dapat dilakukan dalam sekelip mata kerana penyediaan infrastruktur, tenaga kerja yang terlatih dan perolehan aset mengambil masa serta perbelanjaan yang besar.

41. Beta bangga dengan komitmen kerajaan Beta terhadap isu perubahan iklim dan pemanasan global yang boleh menjejaskan alam sejagat. Sehubungan ini, Malaysia telah mengumumkan penetapan secara sukarela sasaran bagi mengurangkan pelepasan gas-gas rumah hijau sebanyak 40 peratus berasaskan intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005 tertakluk kepada syarat-syarat antaranya pemindahan teknologi dan bantuan kewangan. Komitmen kerajaan ini memerlukan penglibatan dan kerjasama semua pihak bagi menjayakannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

42. Beta ingin mengingatkan bahawa perpaduan dan saling hormat-menghormati antara kaum dan agama yang menjadi tunjang kekuatan negara mesti dipelihara. Amalan berbaik sangka, saling menghormati dan bekerjasama antara rakyat pelbagai kaum dan agama melahirkan masyarakat Malaysia yang mesra, aman dan bertoleransi.

Kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas untuk diamalkan hendaklah dihormati. Beta menyeru semua pemimpin agama supaya memupuk rasa tanggungjawab untuk memelihara keharmonian beragama di kalangan penganut agama masing-masing.

43. Kebebasan bersuara adalah ciri masyarakat yang demokratik dan matang. Namun, kebebasan bersuara bukanlah satu alasan untuk mana-mana pihak memburuk-buruk pihak lain sehingga mencetuskan api perbalahan dan sentimen perkauman. Beta amat dukacita kerana ada pihak-pihak di dalam dan luar negara mengambil kesempatan menanggung di air yang keruh sehingga menggadaikan ketenteraman awam dan maruah negara. Beta menyeru semua pihak supaya mengambil iktibar dari titik hitam dalam sejarah negara dan mengelak daripada mencetuskan isu-isu sensitif yang boleh menggugat ketenteraman awam dan keharmonian hidup rakyat.

44. Beta juga dukacita kerana masih terdapat banyak perbuatan fitnah, pembohongan dan putar belit fakta terutamanya dalam media baru. Semua yang terlibat hendaklah sedar perbuatan ini tidak diterima oleh mana-mana agama. Beta menyeru pihak-pihak berkenaan menghentikan perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut. Di samping itu, pihak berkuasa hendaklah mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang terbabit.

45. Pembanterasannya jenayah termasuk jenayah jalanan yang menggusarkan rakyat sentiasa diberi perhatian serius oleh Kerajaan Beta. Indeks jenayah keseluruhan akan dikurangkan sebanyak 5 peratus dan jenayah jalanan seperti ragut dan samun dikurangkan sebanyak 20 peratus pada akhir tahun ini. Penempatan lebih ramai anggota Polis Diraja Malaysia, ikatan Relawan Rakyat dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia di lokasi-lokasi panas telah bermula menunjukkan impak positif.

46. Peranan Angkatan Tentera Malaysia tidak terhad sebagai benteng pertahanan negara, malah turut terlibat dalam pelbagai misi pengaman di luar negara dan bantuan kemanusiaan. Penglibatan Angkatan Tentera Malaysia di peringkat Malaysia, peringkat antarabangsa merupakan satu pengiktirafan kepada Malaysia sebagai salah sebuah negara yang terlibat dalam misi pengaman di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

47. Beta menyeru seluruh rakyat supaya sentiasa memelihara dan mengharumkan nama dan maruah negara. Apa jua bidang sama ada reka cipta, inovasi, sukan, kebudayaan, kesenian dan sebagainya yang disertai untuk mewakili negara hendaklah dilakukan dengan semangat juang yang tinggi. Dalam hubungan ini, Kerajaan Beta sentiasa memberi galakan dan sokongan untuk mendorong rakyat mencapai kecemerlangan sehingga ke peringkat antarabangsa. Bersatu padu dan bekerjasama rapat merentas batas parti serta ideologi politik demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara hendaklah sentiasa diamalkan. Hanya dengan semangat perpaduan dan ketaatan yang tidak berbelah bagi kepada negara akan membolehkan kita berjaya menangani sebarang cabaran yang mendatang.

48. Sejak 2 dua penggal berturut-turut sebelum ini, Beta telah mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menunjukkan sifat dan perilaku terpuji dalam Dewan yang mulia ini. Beta dukacita masih terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat mempamerkan tingkah laku dan tutur kata yang tidak mencerminkan keperibadian sebagai wakil rakyat.

Ketahuilah, Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa diperhatikan oleh rakyat. Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah berhujah dengan bernas dan tidak membangkitkan perkara remeh temeh yang boleh menjejaskan imej dan maruah sendiri serta kemuliaan Dewan ini.

49. Akhir titah, dalam persekitaran dunia masa kini yang semakin mencabar, Beta menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat, anggota-anggota Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan seluruh rakyat agar bersama-sama menyumbang dengan meningkatkan kecekapan bagi mentransformasikan negara ke tahap ekonomi berpendapatan tinggi dan kualiti kehidupan rakyat yang lebih baik dan selamat. Beta dan Raja Permaisuri Agong sentiasa mendoakan semoga dengan usaha-usaha ini negara kita akan terus dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan dilimpahi kemakmuran serta kesejahteraan yang berkekalan.

Sekian. *Wabillahi Taufik Walhidayah,*

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.